



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGAN**

**PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA**

Mesyuarat Dewan Rakyat—Penambahan Hari [Ruangan 2913]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 2913]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN**  
**MESYUARAT 18:**

Rusuhan di Thailand—Y.B. Dr Kua Kia Soong (Petaling Jaya) [Ruangan 3025]

**RANG UNDANG-UNDANG**

Rang Undang-undang, Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) [Ruangan 3028]

Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 3059]

Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) [Ruangan 3084]

Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia [Ruangan 3090]

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,  
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A.  
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala  
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,  
P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'  
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S. (Temerluh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N. S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRUDDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai)
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Pegawai Penerbitan: Shamsiah binti Md. Yusop.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

**Rabu, 20hb Mei, 1992**


---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN TIMBALAN  
YANG DI-PERTUA**

**MESYUARAT DEWAN RAKYAT—  
PENAMBAHAN HARI**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya mendapat perutusan daripada Timbalan Perdana Menteri selaku Timbalan Ketua Majlis supaya mesyuarat Dewan Rakyat yang berjalan sekarang ditambah dua hari lagi iaitu pada 25hb dan 26hb Mei, 1992 untuk memberi masa membahaskan dan menghabiskan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**BELIA PELOPOR—  
KEBERKESANAN KEGIATAN**

**1. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sejauh manakah keberkesanan Belia Pelopor dalam membantu kegiatan kebeliaan di

peringkat akar-umbi sejak sistem ini diperkenalkan tahun lalu. Adakah Kementerian juga bercadang mengkaji keberkesanan pentadbiran Pejabat-pejabat Belia Daerah dalam menangani strategi pembangunan belia nasional.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said):** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Program Belia Pelopor Negara baru sahaja diperkenalkan pada akhir tahun 1991. Pasukan Belia Pelopor ini akan memberi kesan jangka panjang dan jangka pendek kepada pembangunan masyarakat belia. Keberkesanannya berdasarkan kepada berikut:

- (1) Mereka ini bertindak sebagai suatu kumpulan tenaga penggerak yang dapat menyebarkan maklumat-maklumat dan mesej yang berkaitan dengan pembangunan belia.
- (2) Mereka ini juga akan berperanan membantu pelaksanaan Dasar Belia Negara dan Program Induk Belia Negara dan lain-lain program kelolaan Kementerian Belia dan Sukan.

Berhubung dengan pentadbiran Pejabat Belia dan Sukan Daerah, Kementerian Belia dan Sukan telah menghantar cadangan penyusunan semula perjawatan Kementerian Belia dan Sukan termasuk Pejabat Belia dan Sukan Negeri dan Daerah ke pihak Jabatan Perkhidmatan Awam. Penyusunan semula ini adalah bertujuan untuk mempertingkatkan peranan Kementerian terhadap pembangunan belia.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertamanya, saya ingin tahu dari Kementerian Belia apakah cara sistem pengesanan yang dibuat ke atas pergerakan belia-belia pelopor yang sekarang ini sedang digerakkan di peringkat akar-umbi?

Yang keduanya, di dalam usaha Kementerian untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan di peringkat Negeri dan Daerah, dan setelah masalah establishment atau personnel diketengahkan kepada pihak yang berkenaan, apakah reaksi dan bilakah perkara ini akan diberi keputusan yang lebih muktamad?

**Dato' Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, cara kita mengesan pergerakan Belia Pelopor ialah melalui saluran jentera pentadbiran yang sedia ada di Kementerian Belia dan Sukan iaitu melalui Pegawai Belia Daerah dan juga Pengarah Belia di Peringkat Negeri dan juga kita menggunakan pertubuhan-pertubuhan belia di peringkat Daerah dan juga di peringkat Negeri.

Mengenai soalan Yang Berhormat yang kedua, reaksi pada setakat ini adalah memang memberansangkan dan keputusannya kita tunggu dan lihat sahajalah. Terima kasih.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi, saya ingin bertanya apakah Belia Pelopor ini di akhirnya di masa akan datang ini akan menjadi satu pertubuhan sebab kita lihat kemunculannya walaupun dalam jangka masa yang pendek, ia telah mengatasi kedudukan pertubuhan-pertubuhan belia seperti 4B, MAYC dan lain-lain lagi di peringkat bawah dan ia ini seolah-olahnya sudah terasing daripada pertubuhan belia. Jadi, apakah ini menjadi matlamat Kementerian bahawa mereka ini sebenarnya akan menjadi satu pertubuhan baru yang dinamakan Pertubuhan Belia Pelopor?

Yang keduanya, apakah dalam Belia Pelopor ini bidang sukan akan dimasukkan bersama supaya kita dapat melatih banyak muka-muka baru dalam permainan badminton?

**Dato' Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada pertanyaan pertama ialah tidak kerana Belia Pelopor adalah merupakan satu program, bukannya untuk mewujudkan satu pertubuhan baru. Tambahan pula, ahli-ahli Belia Pelopor ini adalah kita kutip daripada persatuan-persatuan yang sedia ada di peringkat Daerah dan juga di peringkat Negeri.

Mengenai soalan Yang Berhormat yang kedua, ianya meliputi kesemua tugas pembangunan belia termasuklah sukan sebagaimana Yang Berhormat sebut sebentar tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

*(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Chor Chee Heung.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang ketiga. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, mungkin perlu saya cadangkan supaya "senior citizen", dengan izin, yang telah diterjemahkan kepada "rakyat kanan" tidak begitu tepat, maka "rakyat kanan" dipinda sebagai "warga tua". Ini mungkin satu kesilapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

#### WARGA BERUSIA—KONSESI TAMBANG KERETAPI

3. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian bercadang menurunkan had umur untuk warga tua (Senior Citizens) dari 65 tahun ke 55 tahun bagi mendapatkan kemudahan

tambang konsesi Keretapi seperti dibenarkan oleh MAS. Jika tidak, mengapa dan, jika ada, bilakah cadangan ini akan diimplementasikan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, dalam senarai KTM, senior citizen ini dipanggil “warga berusia”.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memberikan kemudahan kepada golongan masyarakat yang menggunakan keretapi baik dari segi tujuan sosial ataupun komersil.

Dalam usaha ini, KTM telah menyediakan 19 jenis tambang istimewa yang lebih murah daripada tambang biasa untuk beberapa kategori orang awam. Di antaranya ialah tambang istimewa yang diberikan iaitu potongan 50% kepada penumpang yang berusia 65 tahun ke atas.

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan had umur kelayakan warga berusia tadi daripada 65 kepada 55. Ini adalah kerana kos operasi untuk menyediakan perkhidmatan ini adalah tinggi dibandingkan dengan tambang yang dikenakan dan kemudahan-kemudahan yang didapati di atas tren-tren.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdul Malek Munip.

*(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Abdul Malek Munip tidak hadir)*

#### **LAMBORGHINI DIABLO—KATA-KATA KESAT TERHADAP D.Y.M.M. AL-SULTAN KELANTAN**

**5. Dr Sanusi bin Daeng Mariok** minta Perdana Menteri menyatakan apakah pandangan dan sikap Kerajaan terhadap media massa yang menggunakan kata-kata kesat terhadap Al-Sultan Kelantan dalam isu kereta Lamborghini Diablo baru-baru ini.

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak sedar bahawa media massa telah menggunakan kata-kata yang kesat terhadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan dalam isu berkenaan.

Laporan media massa mengenai isu itu didapati tepat dan berasas kepada kebenaran. Media yang sama juga telah melaporkan secara benar kenyataan Menteri Besar Kelantan terhadap Raja-raja yang lain dari Kelantan.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mempertikaikan kenyataan yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan sama ada oleh Setiausaha Sulit Kebawah Duli atau oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, tetapi yang dipertikaikan ialah kenyataan yang dibuat di dalam akhbar, misalnya penggunaan perkataan “melarikan cukai”. Perkataan “melarikan cukai”, apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kalau dalam undang-undang mengatakan bahawa Kebawah Duli tidak perlu membayar cukai di bawah Akta Cukai, (Perintah Pengecualian Cukai) 1991, maka penggunaan perkataan “melarikan cukai” seolah-olah kita menganggap bahawa Kebawah Duli Al-Sultan orang yang tidak dikecualikan daripada membayar cukai? Jadi perkataan “melarikan cukai” itu adalah suatu penghinaan kepada Kebawah Duli Al-Sultan.

Yang keduanya ialah peranan yang dimainkan oleh akhbar iaitu mentafsirkan perkataan “Diablo” sebagai “syaitan” dan sebagainya, seolah-olah untuk mengeruhkan lagi suasana di dalam kes tersebut. Apakah sikap pihak Kementerian dalam soal ini?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, apa agaknya Ahli Yang Berhormat hendak gunakan perkataan

“melarikan cukai” daripada perkataan yang digunakan “melarikan cukai”?  
(*Ketawa*)

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan pihak Menteri yang berkenaan, adakah pihak beliau sedar bahawa ada juga akhbar-akhbar yang menggunakan kata-kata yang kesat kepada pemerintah seperti *Harakah* dan sebagainya? (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia tidak boleh jawab Yang Berhormat.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Dia bukan bertanya itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.  
(*Tepuk*)

#### TANAH TERBIAR—USAHA MEMAJUKAN

**6. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah Kerajaan mencadangkan supaya mengambil dan membangunkan tanah-tanah sawah bendang terbiar yang tidak dapat diusahakan kerana penghijrahan untuk kerja lumayan menjadi-jadi pada masa ini. Dan adakah langkah-langkah diambil supaya kilang-kilang baru ini diagihkan ke tempat-tempat terpencil bagi menolong rakyat supaya tidak berpindah ke bandar-bandar kerana masa ini amatlah luas tanah-tanah yang terbiar.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari):** Tuan Yang di-Pertua, usaha memajukan tanah-tanah terbiar akan terus menjadi salah satu program Kerajaan ke arah memajukan sektor pertanian di luar bandar berasaskan sistem perladangan. Jika terdapat tanah-tanah milik kepunyaan orang-orang

kampung yang tidak begitu luas atau tuan punya tanah tidak mampu memajukannya sendiri, maka tanah-tanah tersebut akan diusahagabungkan dengan kawasan yang berhampiran dengan projek-projek FELCRA yang sedia ada untuk dimajukan. Walau bagaimanapun, ini tertakluk kepada kesesuaian tanah dari segi teknikal dan infrastruktur.

Dalam membangunkan industri kecil dan sederhana bagi kawasan-kawasan kampung tradisi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar merangkakan strategi khusus seperti berikut:

- (i) membangunkan perkampungan industri di Pusat-pusat Pertumbuhan Desa (PPD) yang terpilih. Di perkampungan industri ini akan diadakan pelbagai kemudahan-kemudahan infrastruktur asas, seperti tapak dan bangunan kilang, perparitan, air, elektrik, jalan dan lain-lain kemudahan asas.
- (ii) melatih dan menwujudkan usahawan/pengusaha tempatan yang berkewibawaan untuk mengambil peluang-peluang yang disediakan oleh pihak Kementerian dan lain-lain agensi Kerajaan.
- (iii) memberi panduan jenis-jenis industri yang boleh dimajukan di kampung tradisi sama ada menggunakan sumber tempatan atau sumber-sumber bukan tempatan.
- (iv) menyediakan insentif kepada pengusaha dan usahawan dalam bentuk bantuan mesin dan peralatan bagi memulakan satu industri atau meningkatkan kemampuan industri yang sedang dijalankan.

Melalui usaha-usaha tersebut, insya Allah gejala perpindahan penduduk yang berleluasa akan dapat dikawal.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk membina industri ataupun supporting industry di kampung-kampung untuk memberi sokongan kepada industri besar yang wujud di kawasan bandar?

Saya kira kalau supporting industry, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dapat diwujudkan, maka kawasan-kawasan tanah-tanah terbiar ini akan dapat diusahakan, di samping itu menahan penghijrahan pemuda-pemuda dari luar bandar untuk datang ke bandar.

Yang kedua, mungkin pihak Kementerian dapat mempertingkatkan lagi projek industri kecil kampung ini, supaya projek ini dapat dijayakan dengan sepenuhnya, dari segi pemasaran dan juga dari segi pembangunan kilang itu sendiri, kerana ini juga akan dapat kita gunakan di kawasan-kawasan di mana tanah itu terbiar.

**Tuan Mohd. Yassin bin Kamari:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama, sebenarnya melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar, kita menyediakan peruntukan sebanyak \$107 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk mewujudkan perusahaan-perusahaan luar bandar—kita panggil sekarang ini, dahulu industri kampung—sekarang perusahaan luar bandar yang digredkan kepada tiga gred, “A”, “B”, “C”:

Gred “A” ialah perusahaan ke atas \$100,000.

Gred “B” ialah di bawah \$30,000 hingga \$100,000; dan

Gred “C” \$30,000 ke bawah.

Semuanya ini dimaksudkan untuk mengadakan perusahaan-perusahaan atau industri-industri termasuk juga industri-industri yang nantinya ataupun bakal mampu menjadi supporting

industries kepada industri-industri yang sudahpun berada di bandar-bandar ataupun yang telah wujud lebih lama daripada perusahaan-perusahaan selain daripada yang terdapat di luar bandar.

Bagi soalan yang kedua, Kerajaan memang sentiasa melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengadakan program-program, latihan-latihan bimbingan kepada pengusaha-pengusaha yang dikenalpasti telah menjalankan perusahaan-perusahaan di luar bandar dan juga kepada bakal-bakal pengusaha yang berpotensi untuk diberikan bimbingan dan latihan, dengan mengadakan latihan bimbingan dari segi pengurusan perniagaan, latihan dari segi basic accounting dan juga latihan dari segi kaedah pemasaran dalam negeri dan juga luar negara.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga memandangkan Kerajaan kita sedang menekankan tentang perindustrian bagi negara kita. Adakah pendapat Kementerian kemungkinan dekat tahun 2020 keadaan penghijrahan ini boleh sampai ke satu tahap di mana bendang, sawah tidak langsung diusahakan oleh pemuda-pemudi di luar bandar, dan jika ya, adakah ini akan menjadi satu kebimbangan. Jadi, apakah cadangan yang diadakan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Tuan Yang di-Pertua, kalau program yang dirancangan oleh Kerajaan ini diterima dan disambut baik oleh seluruh warganegara, khususnya jenarasi muda warganegara Malaysia ini, saya yakin bahawa lambat-laun masalah perpindahan dari kampung ke kota, ke bandar untuk mengejar pekerjaan ini akan dapat dikurangkan. Dan apabila menjelang tahun 2020 sebagaimana yang kita ketahui, kita bercadang untuk mewujudkan satu kawasan luar bandar—

namanya luar bandar, tetapi mempunyai kemudahan-kemudahan dan tempat-tempat tinggal yang menyeronokkan dan menguntungkan. 'Menguntungkan' ertinya banyak peluang-peluang pekerjaan, banyak industri, banyak perusahaan-perusahaan yang boleh diwujudkan di kawasan-kawasan luar bandar.

#### **WANG SYILING \$1.00— MASALAH KEPADA PENGGUNA**

**7. Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penggunaan koin \$1 menimbulkan banyak masalah kepada pengguna seperti berat dan tidak membawanya dalam jumlah yang banyak. Jika sedar, adakah Bank Negara bercadang untuk menukarkannya semula kepada wang kertas.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa ada pihak yang merasa tidak puashati dengan penggunaan wang syiling \$1.00 sebagai ganti kepada wang kertas \$1.00 kerana ianya agak berat. Keputusan untuk menggunakan wang syiling \$1.00 itu dibuat dengan tujuan untuk menjimatkan kos kerana purata pusingan hayat bagi wang kertas hanya dalam lingkungan 8 bulan hingga setahun sahaja, manakala purata pusingan hayat bagi wang syiling adalah kira-kira 20 tahun.

Penggantian wang kertas \$1.00 dengan wang syiling \$1.00 adalah dibuat secara berperingkat-peringkat dan wang kertas \$1.00 akan terus diedarkan bersama wang syiling \$1.00 sehingga stoknya habis. Penggantian secara berperingkat-peringkat ini adalah bertujuan untuk membiasakan orang ramai dengan penggunaan wang syiling \$1.00. Dengan demikian, Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk mengedarkan lagi wang kertas \$1.00 apabila stoknya habis nanti.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan berbagai masalah yang timbul dari penggunaan syiling \$1.00, adakah Kerajaan pernah menimbang untuk menggunakan wang kertas pelastik seperti yang digunakan di Singapura?

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan wang kertas pelastik.

**Tuan Fong Kui Lun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berapakah jumlah edaran wang coin \$1.00 dalam pasaran dan adakah berlaku kes pemalsuan coin \$1.00?

Soalan kedua, adakah Yang Berhormat sedar sesetengah bank seperti Bank Simpanan Malaysia (BSN) mengambil masa 10 hari untuk clearkan coin \$1.00, sedangkan coin itu sah diperlakukan? Jika sedar, adakah Kerajaan bercadang mengarahkan Bank Simpanan Nasional supaya coin \$1.00 ini terus diterima dan disahkan dan penyimpan boleh dikeluarkan wang dari akaun dengan tidak payah menunggu 10 hari?

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Bagi bahagian (a) Tuan Yang di-Pertua, wang syiling \$1.00 dalam edaran sekarang ini berjumlah 278.5 juta keping manakala, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, wang kertas \$1.00 dalam edaran pada hari ini ialah 350.9 juta keping.

Mengenai bahagian kedua soalan, Kementerian memang sedar bahawa Bank Simpanan Nasional mengambil masa kira-kira 10 hari untuk clear, dengan izin, wang syiling yang didepositkan dalam bank tersebut. Ini dilakukan bagi menggalakkan tabiat menyimpan khususnya di kalangan murid-murid sekolah yang kebanyakan

mereka menyimpan wang dalam bentuk syiling. Sekiranya peraturan itu dilonggarkan, maka ada kemungkinan penuntut-penuntut berkenaan akan terdorong untuk mengeluarkan wang yang disimpan itu dalam masa yang singkat. Oleh itu, untuk menggalakkan simpanan, buat masa ini Kementerian tidak bercadang atau Bank Simpanan Nasional tidak bercadang untuk mengubah peraturan yang sedia ada.

#### TABUNG HAJI—KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

8. **Tuan Wahab bin Suhaili** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah keuntungan atau kerugian yang dialami oleh Tabung Haji dalam perniagaan-perniagaan yang diceburinya bagi tahunan 1989, 1990 dan 1991.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, keuntungan perniagaan Tabung Haji setelah ditolak zakat perniagaan dari tahun 1989 sehingga 1991 adalah seperti berikut:

1989	–	\$71.04 juta
1990	–	\$53.02 juta
1991	–	\$84.04 juta (akaun yang belum diaudit)

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, apakah jenis perniagaan yang melibatkan oleh Tabung Haji dan adakah ia melibatkan perniagaan dalam negeri sahaja ataupun di luar negeri?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, perniagaan-perniagaan yang dijalankan oleh Tabung Haji adalah perladangan, pengangkutan, perumahan, pembelian saham, sewa bangunan dan juga pelaburan dalam bank-bank tempatan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan keuntungan yang begitu banyak, iaitu \$71 juta, \$53 juta dan \$84 juta, apakah Kerajaan tidak bercadang untuk memberi subsidi kepada orang yang mengerjakan Haji kali pertama?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya setiap tahun Kerajaan telahpun memberi subsidi kepada semua bakal Haji di Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Robert Lau Hoi Chew.

*(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis.

*(Soalan No. 10 Y.B. Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis tidak hadir)*

#### BANTUAN KEBAJIKAN— JUMLAH PERBELANJAAN

11. **Tuan James Jimbun Anak Pungga** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah jumlah yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membantu penerima kebajikan di seluruh negara dalam tahun 1991, berapa banyak bagi penerima di negeri Sarawak dan Sabah; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang dibuat untuk penerima kebajikan yang tidak menyokong dan sering mengkritik Kerajaan.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan

sebanyak \$13,184,453 dalam tahun 1991 untuk membantu golongan sasaran seperti kanak-kanak, orang cacat, orang tua dan sebagainya. Bagi negeri Sarawak pula sebanyak \$106,175 telah dikeluarkan kepada penerima bantuan dan sebanyak \$155,400 telah dikeluarkan kepada penerima bantuan di Sabah.

- (b) bantuan kebajikan adalah bertujuan untuk membantu rakyat jelata yang miskin, daif, uzur, tua, cacat dan kurang bernasib baik. Oleh itu, adalah tidak wajar untuk membezakan sama ada mereka terdiri daripada penyokong Kerajaan atau tidak.

#### **PEKERJA-PEKERJA ESTET— PERUMAHAN**

**12. Che Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) bilangan keluarga pekerja-pekerja estet yang masih menghuni rumah-rumah yang telah daif dan usang;
- (b) sejauh manakah pihak majikan estet telah mematuhi Akta Perumahan Estet Standard Minimum;
- (c) apakah tindakan Kementerian terhadap majikan estet yang mengenakan harga yang agak tinggi dalam melaksanakan skim hak milik rumah untuk pekerja mereka; dan
- (d) adakah pekerja dibenarkan membina rumah kampung di bawah skim hakmilik rumah ini.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berasaskan satu kajian yang dibuat oleh Jabatan Buruh pada tahun 1991, terdapat lebih kurang

30,000 keluarga pekerja estet masih menghuni rumah yang di dalam keadaan kurang memuaskan atau tidak mematuhi standard-standard minimum di bawah Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990.

- (b) Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 telah dikuatkuasakan mulai 1hb Disember, 1990. Semenjak Akta itu dikuatkuasakan, pihak majikan estet telah membina sejumlah 1,248 unit rumah baru yang merangkumi 1,068 unit rumah pekerja yang mempunyai tiga bilik tidur dan 180 unit yang mempunyai 2 bilik tidur.

Selain dari itu, untuk memastikan Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dikuatkuasakan dengan lebih efektif, satu persefahaman telah dicapai di antara Kementerian Sumber Manusia dan UPAM pada 31hb Mac, 1992. Mengikut persefahaman tersebut, satu pelan induk yang dianggarkan dalam perbelanjaan \$520 juta telah diumumkan di mana dalam lima tahun yang akan datang:

- (i) 27,700 rumah-rumah yang telah daif dan usang akan dibina semula;
- (ii) 700 pusat asuhan kanak-kanak yang telah daif dan usang akan dibina semula;
- (iii) membina 176 Dewan Serbaguna;
- (iv) memperbaiki kualiti bekalan air;
- (v) menggalak pihak majikan membekalkan

tenaga elektrik dari TEN;

- (vi) membekalkan alat pembelajaran, teaching aids, kepada 698 pusat asuhan kanak-kanak.

Maka Kementerian Sumber Manusia yakin bahawa dalam masa lima tahun yang akan datang, masalah-masalah rumit yang dihadapi di ladang-ladang akan dapat diatasi.

- (c) Rumah-rumah yang dbina oleh majikan di bawah skim pemilikan rumah pekerja untuk pekerja estet biasanya dibina mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di bawah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984, sebagaimana yang terpakai kepada skim rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, rumah-rumah ini adalah merupakan rumah kos rendah. Pada kebiasaannya, harga rumah kos rendah ditetapkan di antara \$20,000 hingga \$25,000 seunit dan harga ini adalah sentiasa dikawal oleh Kerajaan.

Jika terdapat mana-mana majikan ladang mengenakan harga yang agak tinggi, Kementerian ini akan berusaha untuk berunding supaya harga yang ditetapkan diturunkan selaras dengan harga rumah kos rendah yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi kawasan di mana estet tersebut terletak.

- (d) Sejak Skim Pemilikan Rumah Pekerja-Pekerja` dimulakan, konsep yang diamalkan oleh pihak majikan dan Kerajaan adalah untuk membina rumah-rumah yang sama taraf dengan rumah-rumah kos rendah. Tetapi sekarang, Kementerian Sumber Manusia bersedia untuk

mengkaji semula konsep yang diamalkan selama ini. Sekiranya cadangan untuk membina rumah kampung di ladang-ladang itu adalah murah dan sejajar dengan keadaan bentuk rumah sekeliling dan ianya boleh diterima oleh pekerja-pekerja, maka Kementerian Sumber Manusia bersedia untuk menerima cadangan yang baik oleh Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Fong Kui Lan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, sejauh manakah tindakan telah diambil oleh Kerajaan ke atas majikan-majikan yang gagal mematuhi Akta Perumahan Estet Standard Minimum?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan dari Yang Berhormat berkenaan, setakat ini dua buah ladang di bawah Akta ini iaitu Ladang Triang di Pahang dan Ladang St. Andrew, Kuala Selangor.

#### PEMBASMIAN KEMISKINAN DI KALANGAN NELAYAN—USAHA KERAJAAN

**13. Dato Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) usaha-usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan di kalangan nelayan-nelayan dan adakah usaha-usaha ini termasuk rancangan-rancangan penempatan semula kampung-kampung nelayan seperti yang sedang dilaksanakan di kawasan Kuala Kedah dan kawasan Yan sekarang ini; dan
- (b) di dalam rancangan-rancangan penempatan semula tersebut adakah Kerajaan bercadang mewujudkan kawasan-kawasan industri kecil bersampingan

dengan rancangan tersebut untuk memberi pekerjaan kepada anak-anak nelayan serta menambahkan pendapatan keluarga nelayan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar):** Kementerian Pertanian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah, sedang dan akan terus berusaha untuk membangunkan taraf sosio-ekonomi nelayan khususnya untuk meningkatkan pendapatan mereka. Di antara usaha-usaha yang dijalankan ialah:

- (i) menambah sumber-sumber ikan melalui pembinaan unjam-unjam;
- (ii) menyediakan kemudahan kredit bagi meningkatkan alat penangkapan ikan dan untuk pembinaan bot yang lebih besar;
- (iii) menambah sumber pendapatan melalui usaha kerja sampingan seperti kraftangan, industri kecil kampung dan melalui ternakan haiwan seperti kambing bebiri dan lembu;
- (iv) menyediakan kemudahan asas dan infrastruktur seperti jeti dan pusat pendaratan bagi memudahkan nelayan menjual tangkapan mereka, di samping menggalakkan mereka menjalankan peletongan ikan di Kompleks LKIM;
- (v) menyediakan latihan bagi menukar sikap dan kesedaran di kalangan nelayan supaya mereka dapat berusaha dengan lebih gigih bagi meningkatkan pendapatan masing-masing.

Di samping usaha-usaha yang disebutkan di atas, LKIM beserta dengan Kerajaan Negeri telah melaksanakan Projek Penempatan Semula Nelayan termasuklah di kawasan Kuala Kedah dan Yan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Di mana sesuai, Kerajaan akan menyediakan kemudahan industri kecil yang berhampiran dengan kawasan Projek Penempatan Semula Nelayan tersebut bagi menambah pendapatan mereka. Di antara aktiviti yang akan dilaksanakan dalam kawasan industri kecil termasuklah pusat pemprosesan ikan, ruang berniaga, pusat kraftangan dan lain-lain.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah Kementerian sudah mengenalpasti jumlah golongan nelayan yang termiskin iaitu nelayan daripada golongan yang dikenali sebagai termiskin, pendapatan bawah daripada \$175 sebulan dan kalau sudah, apakah usaha yang telah dibuat oleh Kementerian untuk memastikan semua nelayan-nelayan ini memperolehi kemudahan pinjaman tanpa faedah bagi melabur dalam Amanah Saham Bumiputera.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apakah benar rungutan di kalangan kaum nelayan bahawasanya kemudahan skim kredit yang diperuntukkan sekarang ini tidak mencukupi oleh kerana bilangan pemohonnya begitu ramai dan yang kedua, syarat-syarat yang telah dikenakan agak sukar untuk mereka ini mendapat kemudahan sebab mereka ini nelayan kampung, nelayan biasa yang tidak ada kemudahan colateral ataupun seumpamanya. Jadi, bagaimanakah Kementerian bercadang untuk mengatasi masalah fenomena kemiskinan kaum nelayan ini yang berlarutan zaman berzaman.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin untuk Rancangan Malaysia Keenam, kita mempunyai \$1.72 juta.

Banci tentang kemiskinan ini sedang dibuat melalui Pejabat Daerah, bermakna rakyat yang termiskin tidak

kira nelayan ataupun petani akan layak mendapat bantuan di bawah Program PPRT.

Pihak Kementerian melalui LKIM telah menyediakan kemudahan-kemudahan kepada nelayan umpamanya kita mengadakan kemudahan fizikal seperti mengadakan jalan kampung, mengadakan balai nelayan, jeti, kita mengadakan madrasah dan termasuklah kita mengadakan bekalan api, bekalan air dan sebagainya. Di samping itu, pihak Kementerian juga mengadakan kemudahan infrastruktur moden seperti kompleks-kompleks untuk kemudahan pendaratan.

Berhubung dengan soalan yang kedua, saya tidak pasti . . . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Kemudahan kredit yang saya katakan begitu terhad dan syarat-syarat yang begitu ketat dan bank-bank perdagangan enggan memberi kemudahan kepada pemohon-pemohon nelayan kecuali Bank Pertanian. Jadi, apakah usaha selanjutnya untuk mengatasi masalah ini?

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Berhubung dengan kemudahan kredit ini, memang benar bahawa Bank Pertanian yang menyediakan kemudahan untuk nelayan kerana bank-bank lain tidak mengeluarkan pinjaman. Jadi, saya setuju bahawa tidak ada harta untuk nelayan jadikan sebagai cagaran tetapi mereka boleh membuat jaminan silang. Pihak Bank Pertanian bersedia untuk menimbangkan kepada nelayan-nelayan dengan syarat ada jaminan silang antara nelayan di kalangan nelayan sendiri.

Jadi, dalam usaha untuk menambahkan pendapatan kaum nelayan, kita telah menasihatkan supaya nelayan selain daripada tangkapan ikan,

mereka melibatkan dalam aktiviti-aktiviti lain umpamanya dalam kegiatan ternakan air, ternakan kerang, ternakan ikan dalam sangkar kerana ikan dalam sangkar mempunyai nilai komersial umpamanya ikan kerapu, ikan siakap begitu juga ternakan udang harimau. Jadi, ini semua aktiviti-aktiviti yang boleh memberi pendapatan tambahan kepada kaum nelayan. Melalui aktiviti ini, kita berpendapat usaha kita untuk mempertingkatkan pendapatan dan taraf sosio-ekonomi kaum nelayan akan dapat dicapai.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, sejauh manakah keberkesanan daripada usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah kemiskinan yang dihadapi oleh nelayan.

Yang kedua, apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan terhadap golongan-golongan yang mengancam kehidupan nelayan seperti orang tengah dan nelayan-nelayan yang lebih besar yang mengancam kehidupan nelayan yang kecil?

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Soalan yang pertama, saya ingat sudah dijawab, Yang Berhormat.

Soalan yang kedua, sebab itu kita menggalakkan nelayan supaya menjual ikan secara lelong terbuka. Melalui cara ini, harga yang lebih baik akan diperolehi daripada lelong secara tradisional, secara bisik-bisik. Jadi, dengan adanya kompleks-kompleks ini sudah tentu nelayan-nelayan akan mendapat harga ikan yang lebih baik dan kita galakkan nelayan supaya nelayan bukan sahaja jual ikan itu tetapi mereka melibatkan dalam industri hiliran. Maknanya, ikan itu selain dijual, akan dapat diproses dijadikan ikan kering, bebola ikan, ditinkan dan sebagainya.

**JALAN RAYA DARI GUA  
MUSANG KE KAMPUNG RAJA,  
CAMERON HIGHLANDS—  
PEMBINAAN**

**14. Dr Kua Kia Soong** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) mengapakah lebuhraya 60km yang menghubungkan Gua Musang ke Kampung Raja di Cameron Highlands telah terbiar tanpa disiapkan sejak lebih dari satu tahun;
- (b) berapa banyak wang awam yang telah dibelanjakan ke atas lebuhraya tersebut setakat ini;
- (c) sama ada kesannya terhadap persekitaran ada dikaji secara progresif; dan
- (d) sebelum projek tersebut diluluskan, adakah kajian feasibiliti yang secukupnya telah dijalankan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Dato' Peter Tinggom anak Kamarau):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan raya dari Gua Musang ke Kampung Raja di Cameron Highlands sepanjang 60 km. ini telah dibina oleh Kerajaan Negeri melalui pembiayaan peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Pembinaan jalan raya ini telahpun dimulakan pada pertengahan tahun 1985 dan disiapkan ke taraf permukaan jalan "earthroad" pada tahun 1988 selaras dengan kaedah yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.
- (b) Jumlah perbelanjaan bagi projek jalan ini ialah \$25 juta.
- (c) Kajian persekitaran untuk aktiviti pembinaan jalan hanya mula berkuatkuasa pada April 1988, oleh itu sebelum dari tarikh tersebut kajian telah tidak diperlukan.

- (d) Sepertimana yang telah dijelaskan sebentar tadi, projek ini adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri oleh itu sama ada kajian feasibiliti ke atas jalan ini telah dilaksanakan atau tidak, saya berharap Yang Berhormat dapat merujuk perkara ini kepada pihak yang berkenaan.

**GURU BUMIPUTERA/BUKAN  
BUMIPUTERA—KENAIKAN  
PANGKAT**

**15. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah bilangan guru-guru berijazah yang layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke tingkatan Kanan (A11);
- (b) berapakah bilangan guru Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam kumpulan tersebut; dan
- (c) mengapakah kenaikan pangkat guru-guru tersebut dari A19 ke A11 yang diumumkan pada bulan Februari yang lalu, begitu ketara nisbahnya di antara guru Bumiputera dengan Bukan Bumiputera.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawatan Tingkatan Kanan Guru telahpun dimansuhkan di bawah SSB (Sistem Saraan Baru). Dengan demikian, soal dalam soalan (a) dan (b) itu tidak timbul lagi.

Untuk soalan (c), oleh kerana pada ketika itu bilangan guru bukan bumiputera yang layak dipertimbangkan untuk dinaikkan pangkat adalah lebih ramai berbanding dengan Guru Bumiputera, maka nisbah antara guru bumiputera dan bukan bumiputera adalah ketara.

## KARNIVAL JALAN PETALING '92—PERUNTUKAN

**16. Tuan Wee Choo Keong** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan atau peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan untuk Karnival Jalan Petaling '92 baru-baru ini dan juga sila berikan jumlah defisit untuk Karnival tersebut. Sila berikan butir-butirnya.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Karnival Jalan Petaling '92 bukan program Kementerian saya dan lantaran itu Kementerian ini tidak memberi apa-apa peruntukan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau pernah membohong dengan membuat . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat perkataan "bohong" tidak dibenarkan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tidak. Sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah membohong dengan berjanji . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat. Yang Berhormat, perkataan "bohong" tidak dibenarkan . . . . .

**Tuan Tan Kok Wai:** Bukan. Ini bukan terus menuju, tadi . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat diminta tarik balik perkataan itu. Saya minta tarik balik perkataan itu.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya mengganti perkataan "bohong" dengan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Pernahkah Yang Berhormat Timbalan Menteri . . .

**Beberapa Ahli:** Tarik balik!

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta tarik balik, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Yalah. Saya tarik baliklah. (*Tepuk*) Tak apa. Sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah tidak cakap benar (*Ketawa*) bahawa beliau berjanji satu peruntukan \$200,000 akan dibelanjakan oleh pihak Kerajaan untuk membina sebuah Gerbang Tetap atau Permanent Arch di Jalan Petaling bersempena dengan Karnival itu? Bukankah ini satu kenyataan yang benar, satu hakikat, mengapakah peruntukan ini ditolak dan dibatalkan pada saat yang akhir sebelum Karnival itu? Apakah sebabnya itu?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Besi memang dapat facts yang betul sebelum dia tanya soalan. Apa yang saya kata tadi ini bukan satu program Kementerian saya dan tidak ada langsung permintaan untuk peruntukan. Satu sen pun tak ada. Saya tidak tahu di mana dia dapat khabar angin ini (*Tepuk*) bahawa Kementerian saya berjanji ada beri peruntukan \$200,000. Saya rasa mungkin Ahli Yang Berhormat daripada parti-parti pembangkang tidak dijemput pada Karnival itu, oleh sebab dia tidak ada kerja (*Tepuk*) dan sekarang dia cemburu. (*Tepuk*)

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Yang Berhormat daripada Batu dan juga Timbalan Menteri . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta tanya ya!

**Tuan Wee Choo Keong:** Background sahaja. Sedikit sahaja. Beliau ini sangat berminat dengan kawasan saya, tetapi dia mengabaikan kawasan beliau sendiri. Adakah beliau bermain politik di kawasan Bukit Bintang? Walau bagaimanapun, saya

ucapkan terima kasih ke atas beliau untuk minat atau perhatian yang begitu banyak ke atas Bukit Bintang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila tanya Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong:** Saya hendak minta beliau memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa yang kita tahu, yang saya dimaklumkan dalam surat khabar dan juga di dalam Persatuan Penjaja Kuala Lumpur, bahawa Persatuan Penjaja Kuala Lumpur mengalami defisit \$100,000 semasa mereka menganjurkan Karnival Petaling Street ini dan juga beliau juga ada membuat kenyataan akhbar dalam surat khabar bahawa Kerajaan memberi peruntukan \$200,000 kepada Petaling Street untuk membuat Permanent Arch di sana dan kenapa beliau pada hari ini menafikan apa yang disebutkan oleh beliau di dalam surat khabar dan juga ini menunjukkan beliau ini tidak berapa jujur oleh kerana beliau pun belum menyelesaikan hutang-hutang sendiri dengan Koperatif Sepadu? Terima kasih.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, saya ulang lagi, tidak ada langsung permintaan untuk peruntukan, dan berkenaan defisit yang dialami oleh Persatuan Penjaja Kuala Lumpur ini saya pun tidak berapa pasti oleh sebab ini tidak berkaitan. Kalau Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Bintang jaga kawasan dia dengan baik dan bagi bantuan kepada persatuan memang mungkin dia tidak ada defisit. Tetapi malangnya . . . . .

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Seorang Ahli:** Hei, duduk! duduk!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nanti dia jawab dulu Yang Berhormat. Bukit Bintang, Bukit Bintang bagi dia jawab ya!

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Bintang tidak begitu jaga kawasan dia dan kita Barisan Nasional mesti melibatkan diri di kawasan dia. (*Tepuk*)

#### KEMPEN MEMBURUK- BURUKKAN NEGARA

**17. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesan yang negatif terhadap negara yang terdapat daripada kempen memburuk-burukkan negara Malaysia di negara-negara lain yang dilakukan oleh rakyat Malaysia. Apakah langkah yang sedang dan akan diambil bagi menyekat agar kempen-kempen seumpama itu tidak akan berlaku di masa akan datang.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, kempen memburuk-burukkan Malaysia di negara lain dilakukan oleh segelintir rakyat Malaysia telah sedikit sebanyak memberi kesan yang agak negatif kepada negara. Namun demikian, oleh kerana kejayaan-kejayaan negara kita yang lain, maka niat buruk mereka tidaklah begitu membawa kesan yang amat buruk.

Kerajaan telah berusaha untuk menyekat kempen-kempen seumpama ini dengan mengadakan lawatan ke luar negeri oleh para menteri dan pegawai kanan Kerajaan untuk memberi penjelasan yang sebenarnya mengenai perkara ini. Di samping ini perwakilan kita di luar negeri sering mengadakan perjumpaan dengan pihak-pihak tertentu seperti media massa, pegawai Kerajaan, persatuan-persatuan, ahli akademik dan penuntut-penuntut serta mengedarkan pita video dan risalah "brochure" dan ucapan-ucapan pemimpin untuk menyatakan kedudukan yang sebenarnya mengenai negara kita.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada kempen berhubung dengan alam sekitar yang telah mencemarkan nama Malaysia, saya ingin tahu apakah jenis kempen-kempen yang lain yang telah dibuat dan telah dilakukan oleh rakyat Malaysia di luar negara dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Malaysia untuk menjaga imej ataupun untuk mempertahankan kempen-kempen selain daripada kempen berhubung dengan alam sekitar?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dinyatakan, kempen-kempen ini telah dijalankan oleh orang-orang yang sengaja hendak mengambil kesempatan politik yang negatif semata-mata. Pihak Kerajaan telahpun mengambil tindakan-tindakan yang saya nyatakan tadi dan syukur alhamdulillah, berdasarkan kejayaan-kejayaan negara yang begitu ketara dalam berbagai-bagai bidang, maka usaha dan niat buruk pihak-pihak berkenaan itu tidak berjaya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri . . . . .

**Tuan Ahmad bin Nor:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Apakah ada mereka yang terlibat dalam . . . . .

**Tuan Ahmad bin Nor:** (*Menyampuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau mengikut Peraturan Mesyuarat, jika dia tidak menjawab pun tidak apa. (*Disampuk*) Kita tidak boleh paksa dia menjawab. Sila teruskan, Arau.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat,

apakah ada mereka yang terlibat dalam kempen untuk memburukkan negara Malaysia di luar itu dari kalangan Ahli-ahli Parlimen Malaysia yang ada sekarang? Oleh kerana perbuatan memburukkan ini adalah perbuatan yang kita anggap berbohong, menderhaka dan sebagainya, apakah kita bercadang untuk merujukkan mereka yang terlibat, terutamanya daripada Kesatuan Sekerja—saya dengar cerita—kepada Jawatankuasa Parlimen ini?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat di kalangan Ahli-ahli Parti Pembangkang di negara kita termasuk juga Ahli-ahli Parlimen yang ada di sini telahpun melibatkan diri mereka dalam perkara-perkara seperti ini. Kerajaan sedang mengawasi kegiatan mereka itu dan sudah tentu pada masa yang sesuai kelak Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

#### LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BARU DI SEPANG

18. **Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bila kerja di Lapangan Terbang Antarabangsa yang dicadangkan di Sepang akan bermula dan kos yang dianggarkan akan dibelanjakan akhirnya.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja peminan Lapangan Terbang Antarabangsa baru Kuala Lumpur dijangka akan mula pada awal tahun 1994. Anggaran kos bagi pembinaan projek pembangunan ini hanya dapat diketahui apabila siapnya kajian Pelan Induk yang sedang dijalankan serta rekabentuk terperinci bagi kemudahan-kemudahan lapangan terbang disediakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kajian Pelan Induk yang bermula pada pertengahan bulan Februari 1992 akan mengambil masa selama 9 bulan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan itu adalah satu projek raksaksa yang menelan belanja berbilion-bilion ringgit, setakat ini berapa syarikat perunding telah dipelawa untuk menjalankan kajiannya dan bilakah tender-tender akan dikeluarkan untuk maksud ini kerana ini sangat penting. Saya tidak mahulah berlaku sebagai MAIKA Holdings, Multi Purpose Holdings dan sebagainya.

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Ini sangat penting, ini bukan sahaja \$120 juta seperti MAIKA. Ini berbilion-bilion ringgit.

**Beberapa Ahli:** Suruh dia tarik balik.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya mereka tidak begitu sensitif, peka tiap-tiap kali bila kita sebutkan perkara seperti ini ada allergic kepada mereka. Jadi tidak patut berlaku seperti ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong, cukuplah.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, setiap kerja yang berkaitan, sebelum kerja-kerja dimulakan sama ada tender dan sebagainya, semuanya bergantung kepada kajian pelan induk. Jadi saya tidak bolehlah memberitahu apa benda sekarang ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong, dalam Peraturan Mesyuarat, dalam masa pertanyaan-pertanyaan tidak ada jawab menjawab atau serang menyerang. (*Ketawa*)

## SEKOLAH MENENGAH SAINS ISLAM—PEMBINAAN

**19. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk membina maktab atau Sekolah Menengah Sains Islam yang murid-muridnya tidak terhad kepada orang Islam sahaja memandangkan ilmu sains adalah satu bidang pengajian yang penting bagi Islam; dan
- (b) jika ada, dapatkah diterangkan secara kasar rancangan itu. Jika tidak, apakah rancangan Kerajaan menggalakkan pelajar-pelajar aliran Islam membuat pengkhususan tentang bidang sains.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa semua maktab dan sekolah menengah yang ada di negara kita sekarang telah memenuhi keperluan orang-orang Islam tanpa perlu membina sekolah menengah atau maktab yang dinamakan Sekolah Menengah Islam atau Maktab Islam. Sebenarnya pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dalam institusi-institusi pendidikan negara ini adalah dalam konteks bersepadu dan ia selaras dengan falsafah pendidikan negara dan sekali gus ia telah memenuhi kehendak-kehendak negara dan agama Islam.
- (b) Untuk pelajar-pelajar Islam yang belajar di sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab bukan sahaja mengikuti pelajaran agama Islam secara khusus tetapi juga mempelajari mata-mata pelajaran lain. Ia sebenarnya tidaklah terkeluar dari landasan

dan syariat Islam. Bidang-bidang pelajaran seperti Sains, Teknologi, Kedokteran, Akitek, Kejuruteraan dan sebagainya adalah selaras dengan dasar serta tuntutan Islam. Oleh itu tidaklah perlu diwujudkan sekolah, maktab dan universiti khas atas nama Islam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Richard Riot anak Jaem.

**Tuan Richard Riot anak Jaem:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan saya, saya ingin membuat satu pembedaan kepada soalan 20(b), baris ketiga di mana “.” dibubuh selepas perkataan Kesihatan Kerajaan. “.” ini sepatutnya digantikan dengan “,”, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, kita bubuh “,”. Yang Berhormat belum tanya lagi. (*Ketawa*)

**Tuan Richard Riot anak Jaem:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 20.

#### JURURAWAT ASING BEKERJA SECARA KONTRAK

20. **Tuan Richard Riot anak Jaem** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan jururawat dari negara asing yang bekerja secara kontrak dengan Kementerian Kesihatan setakat ini;
- (b) adakah benar bahawa, untuk mengatasi masalah kekurangan jururawat di hospital dan klinik kesihatan Kerajaan, kerajaan akan mengambil lebih ramai lagi jururawat-jururawat terlatih dari Filipina secara kontrak;
- (c) adakah benar bahawa jururawat-jururawat secara kontrak ini akan dibayar gaji lebih daripada jururawat tempatan. Kalau benar, apakah rasional Kerajaan memberi gaji yang lebih itu; dan

(d) adakah Kementerian sedar bahawa memberi gaji yang lebih kepada jururawat-jururawat asing itu akan menimbulkan perasaan tidak puas hati dan “inferiority complex” di kalangan jururawat tempatan.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya kita telahpun membubuh “,” sebelum beliau memberitahu kepada kita.

- (a) Setakat ini belum ada jururawat dari negeri asing atau negara asing yang bekerja secara kontrak dengan Kementerian Kesihatan. Tetapi walau bagaimanapun, Kementerian ini sedang dalam proses mengambil jururawat dari negara-negara India, Myanmar, Filipina, Indonesia dan Vietnam secara kontrak.
- (b) Seperti dinyatakan tadi Kementerian sedang dalam proses mengambil jururawat dari negara-negara India, Myanmar, Filipina, Indonesia dan Vietnam secara kontrak.
- (c) Adalah tidak benar jururawat secara kontrak dibayar gaji lebih daripada jururawat tempatan.
- (d) Perkara ini tidak berbangkit kerana Kerajaan tidak memberi gaji yang lebih kepada jururawat-jururawat negara asing.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah keperluan jururawat di negara kita sekarang ini?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Lebih kurang 300 orang.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengata-

kan Kerajaan sedang dalam proses untuk mengambil jururawat-jururawat dari India, Myanmar, Indonesia dan Vietnam. Saya ingin tahu sama ada pengambilan ini bercanggah dengan dasar-dasar Kerajaan sebab sehingga hari ini kita masih tidak memperakui ijazah-ijazah dan kelayakan dari negara India, Myanmar, Vietnam dan Indonesia.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun beberapa negara yang mengeluarkan doktor-doktor belum lagi diakui tetapi kita ada satu jalan untuk memberi mereka peluang bekerja di sini iaitu yang dinamakan di bawah seksyen 13 dalam Akta Doktor.

#### TEMBAKAU—KUOTA BAGI SYARIKAT KEPUNYAAN MCA

**21. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan telah meluluskan permintaan MCA Kelantan supaya kuota tembakau bagi syarikat-syarikat kepunyaan ahli-ahli MCA dinaikkan. Apakah sebabnya kuota mereka yang dahulunya pada tahun 1990 berjumlah 731,500 kilo dikurangkan kepada 623,800 kilo pada tahun ini; dan
- (b) adakah Kementerian sedar bahawa pemotongan kuota juga berlaku ke atas syarikat-syarikat pengawet Bumiputra sehingga menimbulkan berbagai-bagai masalah kepada mereka. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasinya.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan tidak ada meluluskan permintaan MCA Kelantan supaya kuota tembakau bagi

syarikat-syarikat kepunyaan ahli-ahli MCA dinaikkan. Ini disebabkan kuota diagih tiap-tiap tahun mengikut kriteria-kriteria tertentu yang mengambilkira prestasi, keupayaan dan tata-kelakuan tiap-tiap pengawet. Kuota dipertimbangkan mengikut merit tiap-tiap pengawet secara individu dan bukan secara kumpulan kepada golongan atau organisasi tertentu. Kuota syarikat-syarikat kepunyaan ahli-ahli MCA di Kelantan merosot oleh kerana pengurangan umum yang dikenakan kepada semua pengawet pada tiap-tiap tahun semenjak tahun 1991 dan 1992.

- (b) Kementerian sedar bahawa terdapat beberapa pengawet bumiputera yang mengalami pengurangan kuota oleh sebab-sebab tertentu. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya kuota yang diagihkan kepada pengawet-pengawet bumiputera di seluruh negara telah meningkat dari 6.933 juta kilogram pada tahun 1991 kepada 7.603 juta kilogram bagi tahun 1992 iaitu pertambahan sebanyak 9.7%. Masalah utama yang dihadapi oleh pengawet-pengawet yang mengalami pengurangan kuota ialah untuk menyesuaikan dan merancang tanaman serta pengeluaran mengikut kuota yang telah diagih. Pengawet-pengawet sedemikian dinasihatkan memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk meningkatkan kecekapan produktiviti dan mutu serta mengurangkan kos pengeluaran.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah perusahaan tembakau ini hanya diberikan kepada negeri Kelantan sebagai asas utamanya. Adakah negeri-negeri yang lain tanahnya tidak sesuai untuk tanaman tembakau?

Yang keduanya, berapa peratuskah tembakau tempatan yang digunakan untuk membuat rokok dan sebagainya dan adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan penggunaan tembakau tempatan supaya kuota ini diberikan kepada negeri-negeri yang lain juga yang tahu berterima kasih kepada Kerajaan?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, negeri-negeri yang telah dikenalpasti sesuai dengan tembakau ini ialah Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Tetapi sebagaimana yang kita ketahui kerana mengenangkan Kelantan ialah salah satu negeri yang termiskin atau yang kurang kemampuan sebab itu perhatian diberi kepada Kelantan. Dan pemberian ini bukan di zaman pemerintahan yang ada tetapi pada masa pemerintahan Barisan Nasional dulu.

Mengenai soal peratus penggunaan daun tembakau ini, memang dari semasa ke semasa kita cuba mengurangkannya kepada 85% penggunaan daun tempatan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah menjadi dasar Kementerian berkenaan ataupun amalan biasa untuk pihak Kerajaan meluluskan permohonan daripada parti-parti komponen Barisan Nasional supaya syarikat-syarikat ahli mereka mendapat keuntungan daripada kuota yang diluluskan? Adakah ini satu dasar biasa untuk Barisan Nasional supaya kepentingan MCA dijaga sebelum penanam-penanam tembakau itu ditimbangkan?

Adakah UMNO, GERAKAN dan lain-lain parti komponen Barisan Nasional pernah membuat permohonan? Adakah ini dasar Kerajaan supaya parti-parti komponen ini menguntungkan dan dapat manfaat sebelum rakyat jelata atau rakyat miskin dapat keuntungan darinya?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat tidak faham apa yang saya jawab. Saya jawab

tidak ada mana-mana kuota diberi kepada MCA atau lain-lain parti. Jadi, dia tidak faham; belajar lagi! (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut telah selesai.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 4, 9, 10, 22 hingga 78 adalah diberi di bawah ini)*

### PROJEK MINI HIDRO KIAU— PELAKSANAAN PEMBINAAN

2. **Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada benar bahawa cadangan pembinaan Mini Hidro di Kiau telah diperlambatkan ataupun ditunda kepada suatu masa yang belum ditentukan. Kalau itu benar, apa motif di sebalik penangguhan itu.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar projek Mini Hidro di Kiau itu telah diperlambatkan atau ditunda. Malah, projek tersebut telahpun dimulakan dan pelaksanaannya adalah seperti yang dijadualkan. Kementerian ini sentiasa mengawasi dan mengesan kemajuan projek tersebut agar pelaksanaannya berjalan dengan licin.

### PERPADUAN NEGARA— DEFINISI

4. **Tuan Abdul Malek Munip** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah sebenarnya yang didefinisikan dengan istilah Perpaduan Negara itu;
- (b) memandangkan Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat itu boleh ditafsirkan

sebagai proses pembudayaan atau "a cultural process", maka adakah kegiatan-kegiatan Kementerian ini turut mengambil kira dari Dasar Kebudayaan Kebangsaan; dan

- (c) apakah contoh-contoh kegiatan Kementerian yang dipadankan dari Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perpaduan Negara didefinisikan "satu keadaan di mana rakyat dari berbagai kumpulan etnik, agama dan wilayah, hidup dengan aman sebagai satu bangsa yang bersatu dengan memberi komitmen yang penuh kepada identiti kebangsaan berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukunegara".
- (b) Kegiatan-kegiatan Kementerian ini seperti Rukun Tetangga, Jiran Muda, Jiran Wanita, Khemah Kerja Kejiranan dan Tabika Perpaduan adalah merupakan di antara projek-projek yang sentiasa mengambilkira aspek-aspek pemupukan budaya. Kegiatan-kegiatan yang boleh menonjolkan nilai-nilai budaya sihat dan pembinaan sikap sentiasa diberi keutamaan. Kementerian memandang proses-proses tersebut adalah sebahagian daripada usaha menerapkan cita-cita kebudayaan kebangsaan sesuai dengan prinsip-prinsip dasarnya. Bahkan matlamat kebudayaan kebangsaan bagi mengekal dan mewujudkan identiti kebangsaan adalah juga menjadi tujuan pembinaan bangsa dalam definisi perpaduan di atas tadi.
- (c) Contoh-contoh kegiatan yang dipadankan dari Dasar Kebu-

dayaan Kebangsaan ialah kegiatan-kegiatan yang berbagai jenis itu, khemahkerja kejiranan, sukaneka dan kegiatan atau majlis perjumpaan. Kegiatan-kegiatan itu sepenuhnya dijalankan dalam Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengucapan kebudayaan, latihan dan penyertaan dalam seni tampak misalnya kraftangan, senifoto, senilukis, permainan tradisi, seni muzik dan kegiatan budaya kanak-kanak.

#### **PENINGKATAN PROGRAM MANDARIN—LANGKAH**

**9. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan ada rancangan yang tepat untuk meningkatkan program Kantonis dan menggantikannya dengan program Mandarin bagi kemudahan semua penonton Cina selain segelintir sahaja daripada mereka, kalau tidak, kenapa dan apakah langkah yang akan diambil untuk memperbaikinya; dan
- (b) adakah Kerajaan akan mempertimbang untuk membenar rakyat Malaysia yang mempunyai lesen televisyen untuk memasang cakera parabola untuk menerima siaran antarabangsa, jika tidak, kenapa, terutama sekali kerana negara jiran kita, Indonesia, telah membenarkan rakyatnya untuk memasang cakera parabola.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman):** Terdapatnya lebih banyak program-program Kantonis yang ditayangkan oleh RTM daripada program-program Mandarin adalah kerana kemudahan bekalan beserta dengan harga perolehan yang munasabah. Di samping itu, filem dan drama Kantonis adalah bukan sahaja

populer dan diminati oleh penonton-penonton berketurunan Cina, malah diminati juga oleh penonton yang lainnya di negara Malaysia. Penonton Melayu juga adalah tidak kurang yang meminati filem atau drama Kantonis.

Kementerian Penerangan tidak berhasrat untuk menyekat program-program Mandarin malahan bersedia untuk memperolehi drama dan filem Mandarin, kiranya ianya terdapat di pasaran dengan harga yang berpatutan dan jika program yang didapati bersesuaian untuk ditayangkan.

Dalam usaha untuk mencapai matlamat pengeluaran filem dan drama tempatan yang memenuhi nisbah 80% menjelang tahun 2000, penerbit dan pengeluar filem tempatan tidak dihalang untuk menghasilkan karya mereka dalam loghat Mandarin.

Bagi menjawab soalan (b), Kerajaan belum bercadang untuk membenarkan penggunaan cakera parabola untuk membolehkan penerimaan secara langsung siaran-siaran dari luar negara. Kementerian Penerangan menyedari di samping kita mahu mewujudkan keterbukaan, negara kita perlu juga memberi perlindungan yang wajar kepada rakyat jelata daripada pendedahan tanpa batas.

Kementerian sedang bercadang menambahkan saluran televisyen dengan mewujudkan 'Subscribed News Service' (SNS) atau Perkhidmatan Berita Berlanggan (PBB), agar dapat disiarkan program-program di negara ini yang berfaedah dan berguna serta dari luar negara kepada masyarakat umum. Dengan cara yang demikian, rakyat akan didedahkan dengan pendidikan dan ilmu serta maklumat yang berguna dan pada masa yang sama dilindungi daripada pendedahan tanpa batas.

Kementerian merasakan cara yang sedemikian adalah sebaik-baik cara bagi kita memupuk semangat membangun negara, berasaskan kepada nilai-nilai yang suci dan murni.

## **PASUKAN ATURGERAK CEPAT—KEMAJUAN PELAKSANAAN**

**10. Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) konsep Pasukan Cepat Gerak 'Rapid Deployment Force' (RDF);
- (b) apakah kemajuan yang telah dicapai oleh Kementerian Pertahanan tentang pelaksanaan pasukan ini; dan
- (c) apakah sambutan rakyat tentang program Tentera Masuk Desa (TMD).

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):**

- (a) Untuk mendokong Dasar Pertahanan Negara, Tentera Darat dikehendaki menyediakan satu angkatan yang berkeupayaan untuk bertindak semasa konflik intensiti rendah apabila musuh telah mencero bohi negara atau wujudnya konflik dalam negara. Untuk mencapai matlamat ini, angkatan Pasukan Aturgerak Cepat perlu dibentuk dengan menggunakan aset-aset ketenteraan yang sedia ada.

Sebagai permulaan, penubuhan angkatan Pasukan Aturgerak Cepat dilaksanakan dengan perlantikan kumpulan satu Batalion Infantri Para, elemen-elemen Armor, Artileri, Jurutera, Semboyan dan elemen-elemen bantuan perkhidmatan yang berkenaan. Paras kekuatan Pasukan Aturgerak Cepat akan ditingkatkan mengikut keupayaan Tentera Darat dan ancaman yang akan dihadapi.

Pasukan Aturgerak Cepat telah dilengkapi dengan peralatan ringan dan mempunyai daya

tembakan yang sewajarnya supaya dapat bertindak balas ke kawasan konflik selaras dengan Dasar Pertahanan Negara.

(b) Kemajuan Pasukan Aturgerak Cepat yang telah dicapai merangkumi aspek-aspek yang berikut:

- (i) Penubuhan komponen Pasukan Aturgerak Cepat dapat ditubuhkan dengan menggunakan aset-aset ketenteraan yang sedia ada dalam perkhidmatan dan beberapa perancangan perolehan peralatan penting yang berjumlah \$22.132 juta sedang ditender.
- (ii) Demonstrasi statik untuk mengenalpasti keanggotaan dan peralatan telah diadakan pada 4 Jan 1992.
- (iii) Latihan utama dalam kemahiran penerjunan peracut sedang digiatkan untuk semua anggota pasukan ini dan dijangka akan dicapai sepenuhnya pada 9 Mei 1992.
- (iv) Latihan medan untuk menguji keupayaan pasukan ini telah dirancang untuk diadakan pada 14 hingga 21 Jun 1992.

(c) Penglibatan Tentera Darat dalam pelaksanaan projek-projek Tentera Masuk Desa (TMD) semenjak diumumkan oleh Panglima Angkatan Tentera pada 16 September 1990, adalah sangat menggalakkan dan diterima oleh rakyat kerana projek-projek Tentera Masuk Desa (TMD) telah dapat membantu dalam peningkatan unsur-unsur sosio-ekonomi. Di samping itu, melalui projek-projek Tentera Masuk Desa

(TMD), persefahaman dan kerjasama di antara Tentera, Kerajaan dan rakyat telah dapat diwujudkan dan dikekalkan. Agensi-agensi Kerajaan dan rakyat juga telah memberi sokongan dengan memberi sumbangan dalam segi keperluan peruntukan kewangan. Kenyataan sambutan rakyat yang menggalakkan dan diterima adalah berdasarkan prestasi yang berikut:

- (a) Sebanyak 38 projek telah dikenalpasti untuk dilaksanakan di Semenanjung Malaysia. Dari jumlah ini sebanyak 26 projek telah dilaksanakan dan 12 projek telah ditangguhkan kerana tiada peruntukan kewangan.
- (b) Sebanyak 12 projek telah dirancang di Sarawak dan 11 projek telah dapat dilaksanakan, di mana projek yang terbesar dilaksanakan ialah Pusat Perkhidmatan Kaum Penan di Long Kevok. Satu projek lagi telah ditangguhkan kerana tiada peruntukan kewangan.

#### PERKHIDMATAN DOKTOR UDARA DI SARAWAK

22. Tuan Richard Riot Anak Jaem minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah penduduk serta bilangan kampung di kawasan pedalaman Sarawak yang telah menikmati "Perkhidmatan Doktor Udara" sejak perkhidmatan tersebut diperkenalkan di negeri Sarawak pada tahun 1973 hingga sekarang;
- (b) jumlah perbelanjaan bagi membiayai perkhidmatan tersebut bagi tempoh yang sama; dan

- (c) anggaran peruntukan untuk membiayai perkhidmatan tersebut untuk tahun 1992.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):**

- (a) Jumlah penduduk dan lokasi yang diliputi oleh Perkhidmatan Doktor Udara Sarawak berubah dari tahun ke setahun. Sesuatu lokasi akan digugurkan sekiranya ia telah mendapat perkhidmatan dari klinik baru atau kemudahan seperti jalan raya yang membolehkan lokasi tersebut dilawati oleh pasukan kesihatan bergerak dengan memuaskan. Di samping itu, lokasi baru akan dimuatkan dari masa ke semasa di mana kemudahan kesihatan sukar didapati.
- (b) Jumlah perbelanjaan untuk membiayai perkhidmatan telah meningkat dari \$995,923 pada 1975 ke \$3,961,185 pada tahun 1991. Kos adalah tertakluk kepada harga sewa helikopter yang ditetapkan antara Kementerian Kesihatan dengan syarikat swasta.
- (c) Pada 1992, kos pengendalian perkhidmatan tersebut dianggarkan sebanyak empat juta ringgit.

**SENAPANG PATAH—  
PEMBERIAN LESEN**

**23. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengapa permohonan untuk menggantikan senapang patah baru untuk menggantikan senapang patah yang musnah akibat kebakaran dan perahu karam terutamanya di kawasan Parlimen P.174 Selangau tidak dapat diluluskan;

- (b) apakah sebab permohonan untuk membeli senapang patah yang baru untuk menggantikan senapang patah lama yang tidak boleh dipakai lagi tidak dapat diluluskan;

- (c) mengapakah para petani dan individu tidak dibenarkan membeli senapang patah untuk menjaga tanaman mereka daripada serangan binatang liar memandangkan keselamatan negara telah pulih dan terkawal;
- (d) berapakah bilangan pendatang haram yang telah bekerja menjadi buruh di Malaysia sehingga akhir Oktober 1991; dan
- (e) berapakah bilangan pendatang haram seperti dalam (d) di atas yang telah masuk ke Sarawak sehingga akhir Oktober 1991 dan apakah mereka telah menimbulkan masalah sosial dan keselamatan kepada negeri itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):**

Bagi menjawab soalan (a), (b) dan (c) suka saya menjelaskan bahawa pemberian lesen senapang patah di Sarawak telah dibekukan sejak kebelakangan ini kerana memandangkan bilangannya yang tinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Dasar pembekuan lesen senapang ini meliputi penggantian senapang patah yang musnah akibat kebakaran, hilang kerana perahu karam, yang lama dan tidak boleh dipakai atau pembelian yang baru untuk menjaga tanaman.

Berhubung dengan soalan (d), Kerajaan tidak dapat memastikan bilangan pendatang tanpa izin (PTI) yang bekerja sebagai buruh di negara ini termasuk di Sarawak kerana kehadiran mereka di negara ini adalah secara tidak teratur.

Bagi soalan (e), pendatang tanpa izin (PTI) ini memang ada yang terlibat dengan kejadian jenayah dan

menimbulkan masalah sosial. Walau bagaimanapun, kegiatan ini tidaklah sehingga ke tahap mengancam keselamatan negara dan tindakan sewajarnya telahpun diambil mengikut undang-undang.

#### **PEMBUANGAN SISA KIMIA/ BAHAN TOKSIK—TINDAKAN**

**24. Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan setakat manakah tindakan diambil oleh Kementerian berhubung dengan laporan pembuangan sisa kimia dan bahan toksik di kawasan taman perumahan Sri Muda, Bukit Kemuning, Shah Alam.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telahpun menjalankan siasatan terhadap laporan pembuangan sisa kimia tersebut. Buangan tersebut sedang dipungut dan dilupuskan mengikut cara yang selamat. Jabatan Alam Sekitar sedang menyiasat kes ini dan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap semua pihak yang didapati terlibat.

#### **JEMAAH TABLIGH— PENGHARAMAN**

**25. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah keputusan mengharamkan Jemaah Tabligh suatu keputusan untuk negeri Melaka sahaja dan adakah Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri telah dirundingkan terlebih dahulu; adakah Kerajaan Pusat bercadang untuk merestui lain-lain negeri membuat langkah yang sama;
- (b) apakah sebab-sebab yang membolehkan badan dakwah itu diharamkan;

- (c) anggaran bilangan anggota Jemaah Tabligh di seluruh negara dan ramai manakah mereka terdiri dari kakitangan Kerajaan; dan
- (d) sesudah ia diharamkan di Melaka, adakah badan ini sudah tidak bergerak lagi di negeri itu dan apakah reaksi dari ahli-ahli tabligh itu.

#### **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman):**

- (a) Pengharaman kegiatan Jemaah Tabligh adalah diisytiharkan oleh Kerajaan Negeri Melaka pada 11 Mac 1992. Dengan yang demikian, aktiviti atau kegiatan berkenaan diharamkan di negeri itu sahaja. Dalam hal ini Kerajaan Negeri Melaka mempunyai hak dan kuasa untuk mengharamkan kegiatan Jemaah Tabligh di negeri tersebut. Di samping itu, pada masa ini Kerajaan Pusat belum bercadang untuk mengharamkan kegiatan Jemaah Tabligh di negeri-negeri dalam Malaysia.
- (b) Sebab-sebab utama kegiatan Jemaah Tabligh diharamkan di Melaka adalah seperti berikut:
  - (i) Ahli-ahli Jemaah ini menjadikan masjid-masjid sebagai tempat tinggal sementara mereka. Mereka menjadikan masjid itu sebagai tempat tidur, tempat memasak dan membasuh pakaian mereka. Dengan demikian, mereka telah mengotorkan masjid sedangkan masjid adalah tempat untuk beribadat kepada Allah. Perbuatan sedemikian menimbulkan banyak masalah kepada pegawai-pegawai masjid.

- (ii) Sebahagian daripada ahli Jemaah ini terdiri daripada pegawai-pegawai awam. Ada di kalangan mereka ini tidak melaksanakan tugas seperti yang dikehendaki dan tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap kerja mereka kerana mereka sering mengambil cuti panjang kononnya untuk keluar berdakwah, dan
- (iii) Ahli Jemaah ini kebanyakannya mementingkan urusan hal-hal akhirat iaitu dengan menganggap bahawa soal-soal duniawi sebagai perkara yang remeh-temeh sahaja. Dengan anggapan sedemikian, mereka boleh membawa kepada kemunduran atau menghalang kemajuan umat Islam.
- (c) Kerajaan tidak dapat memberikan jumlah sebenar bilangan ahli Jemaah Tabligh di seluruh negara kerana Jemaah ini tidak berdaftar secara rasmi dengan Pendaftar Pertubuhan, Kementerian Dalam Negeri.
- (d) Pada masa ini Jemaah Tabligh tidak lagi dapat bergerak secara bebas di negeri Melaka. Ini adalah kerana pihak Majlis Agama Islam Melaka telahpun mengeluarkan Surat Pekeliling kepada semua masjid, surau dan madrasah di seluruh negeri Melaka supaya tidak membenarkan tempat-tempat berkenaan (masjid, surau dan madrasah) digunakan sewenang-wenangnya oleh Jemaah ini. Setakat ini semua perintah yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa dipatuhi sepenuhnya oleh semua pihak.

## JUALAN MURAH—PENIPUAN

**26. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) hasil penyiasatan Kementerian terhadap jualan murah yang dijalankan sewenang-wenangnya dan mengakibatkan penipuan terhadap pengguna-pengguna;
- (b) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini;
- (c) apakah garis panduan terperinci yang telah ditetapkan bagi diikuti oleh pekedai-pekedai yang menjalankan jualan murah; dan
- (d) apakah perbezaan di antara jualan murah (sale) dan potongan rendah (discounts).

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum):**

- (a) Sejak Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah), 1987 dikuatkuasakan mulai 1 Januari, 1988 hingga 30 April 1992, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menerima sebanyak 45,188 notis daripada para peniaga untuk mengadakan jualan murah. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 36,974 pemeriksaan telah dibuat di premis-premis perniagaan berhubung dengan jualan murah. Kementerian juga ada menerima sebanyak 178 aduan dari orang ramai mengenai jualan murah yang palsu. Hasil daripada pemeriksaan yang dibuat sebanyak 657 orang peniaga yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan Jualan Murah telah dikenakan tindakan dan barangan bernilai sebanyak \$1,351,982.76 dirampas.

- (b) Bagi menentukan para pengguna tidak tertipu dengan jualan murah ini, Kementerian telah mengambil beberapa tindakan berikut:
- (i) memperhebatkan pemeriksaan ke atas semua premis perniagaan yang mengadakan jualan murah;
  - (ii) meminda Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah), 1987 supaya ianya lebih kemas dan ketat dalam mengawalselia jualan murah;
  - (iii) mengadakan dialog, ceramah dan perbincangan dengan persatuan-persatuan perniagaan bagi menjelaskan kehendak dan peruntukan undang-undang yang wajib dipatuhi di dalam mengadakan jualan murah; dan
  - (iv) menganjurkan pameran dan seminar khususnya kepada orang ramai bagi menerangkan akan hak-hak dan tanggungjawab mereka sebagai pengguna.
- (c) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak ada mengeluarkan sebarang garis panduan untuk diikuti oleh pekedai-pekedai yang menjalankan jualan murah oleh kerana Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1987 telah sedia menggariskan peraturan dan perkara yang perlu dipatuhi oleh sesiapa yang mengadakan jualan murah.
- (d) Kriteria yang penting bagi menentukan sama ada sesuatu jualan itu boleh ditafsirkan sebagai termasuk di bawah tafsiran jualan murah ialah sama ada perbahasaannya yang digunakan itu boleh membawa maksud

bahawa harga yang ditawarkan tersebut adalah lebih murah daripada harga sebelumnya. Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah), 1987 tidak melarang penggunaan apa-apa perbahasaannya untuk digunakan atau diiklankan semasa berlangsungnya jualan murah. Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat, tidak ada perbezaan di antara Jualan Murah (Sale) dengan Potongan Rendah (Discounts) mengikut Peraturan ini dan kedua-duanya termasuk di bawah undang-undang jualan murah.

#### KAD PENGENALAN BARU— PENGELUARAN

**27. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah bilangan pengambilan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara di seluruh negeri berikutan pengeluaran kad pengenalan baru yang kini tergendala pengeluarannya;
- (b) berapa lamakah penangguhan pengeluaran kad pengenalan baru tersebut;
- (c) bilakah ianya akan dapat dikeluarkan semula di seluruh negara; dan
- (d) adakah dengan adanya kad pengenalan baru yang telah diperkenalkan itu akan dapat mengatasi masalah pencetakan kad pengenalan palsu.

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya ingin menjawab ketiga-tiga soalan (a), (b) dan (c) bersekali kerana soalan-soalan itu berkait rapat. Bilangan pegawai dan kakitangan yang telah diambil untuk program Kad Pengenalan Bermutu

program Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT) ialah 538 orang. Pengeluaran KPT berjalan lancar dan tidak tergendala sebagaimana sangkaan Yang Berhormat dari Labuan.

- (d) KPT adalah cara yang efektif bagi mengatasi masalah pemalsuan kad pengenalan.

#### **BANK DARAH—BEKALAN**

**28. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada bank darah di semua Hospital-hospital Daerah mencukupi bekalan darah bagi menghadapi masalah kecemasan apabila pesakit-pesakit memerlukan darah. Nyatakan juga apakah galakan yang diberikan kepada mereka yang kerap kali menderma darah untuk mengisi bank darah di hospital-hospital.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Semua Hospital Daerah mempunyai bekalan darah yang mencukupi dan sekiranya hospital berkenaan mengetahui bekalan darah yang berkurangan, pihak hospital tersebut akan menghubungi Hospital Besar yang berdekatan untuk mendapatkan bekalan.

Galakan yang diberikan kepada mereka yang kerap kali menderma darah ialah beberapa keistimewaan yang berikut:

- (a) Menderma 15 kali dan kurang dikecualikan sepenuhnya daripada caj-caj rawatan dan caj-caj wad dalam wad kelas dua dalam tempoh 4 bulan selepas menderma kali terakhir dan rawatan pesakit luar percuma dalam tempoh yang sama;
- (b) menderma 16 hingga 40 kali, dikecualikan sepenuhnya daripada caj-caj rawatan dan caj-caj wad dalam wad kelas dua dalam tempoh 4 bulan selepas menderma kali terakhir dan selepas itu setengah daripada caj-

caj wad dalam wad kelas dua serta rawatan pesakit luar percuma dalam tempoh 3 tahun selepas menderma kali terakhir itu;

- (c) menderma 41 kali dan lebih dikecualikan sepenuhnya daripada caj-caj rawatan dan caj-caj wad dalam wad kelas dua dan rawatan pesakit luar percuma pada bila-bila masa;
- (d) penderma darah tetap yang telah menderma 2 kali atau lebih setahun di hospital-hospital Kementerian Kesihatan adalah layak mendapat suntikan imunisasi Hepatitis B dengan percuma.

#### **LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BARU DI SEPANG—PELAN INDUK**

**29. Tuan Liew Ah Kim** meminta Menteri Pengangkutan menyatakan pelan induk mengenai lapangan terbang baru di Sepang termasuk pampasan yang akan diberikan kepada penduduk-penduduk terbabit tidak akan teraniaya dengan tindakan pengambilan tanah mereka.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Kajian pelan induk mengenai Lapangan Terbang Antarabangsa Baru di Sepang sedang dijalankan. Ia dijangka siap pada bulan Oktober 1992. Penilaian tanah juga sedang dijalankan dan Kerajaan akan memastikan penduduk-penduduk tidak teraniaya dengan projek ini malahan akan memastikan penduduk setempat mendapat manfaat yang setimpal.

#### **KESALAHAN MEMAKSA MELACUR—HUKUMAN SEUMUR HIDUP**

**30. Puan Lim Lay Hoon** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang mengenakan hukuman seumur hidup atas kesalahan memaksa kaum wanita melacur.

**Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan merasakan akta-akta yang ada serta hukuman-hukuman yang dikenakan sudah mencukupi dan Kerajaan tidak bercadang untuk meminda hukuman tersebut.

#### PENDATANG ASING—JUMLAH

**31. Dato' Haji Mohd. Sharif bin Jajang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang kemasukan pendatang asing yang bekerja di Malaysia:

- (a) nyatakan jumlah pendatang asing yang bekerja di Malaysia mengikut pecahan negara asal mereka; dan
- (b) berapakah jumlah pekerja asing (working permit) dari jumlah penduduk Malaysia yang bekerja.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Jumlah pendatang asing yang didapati bekerja di negara ini di sektor-sektor pembinaan, perladangan dan perkhidmatan pembantu rumah sehingga 15 April 1992 adalah seramai 88,634 orang. Mereka adalah daripada rakyat negara-negara Indonesia, Bangladesh, Myanmar, India, Thai, Pakistan, Sri Lanka, Filipina, Nigeria, Nepal, Syaria, Congo, Djiboti, Ethophia, Cameron, Zaire, Bostwana dan Tanzania.
- (b) Jumlah pekerja asing yang telah dikeluarkan pas kerja bagi ketiga sektor di atas adalah seramai 35,457 orang.

#### PROJEK HIDRO BAKUN

**32. Tuan Billy Abit Joo** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan

sama ada Projek Hidro Bakun sedang dihidupkan semula. Jika begitu, bilakah kerja-kerja ke atas projek ini dirancang untuk bermula dan sama ada para penduduk di kawasan tadahan (catchment area) diberi keterangan dan pandangan penduduk dipertimbangkan terlebih dahulu.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya telahpun menjawab soalan ini pada 5 Mei 1992 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Saya tidak ada apa-apa untuk menambah lagi.

#### BAHAGIAN PERTAMA NEGERI SARAWAK—BILANGAN KES JENAYAH

**33. Tuan Jawah Anak Gerang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan kes kecurian, pembunuhan dan rompakan di Bahagian Pertama Negeri Sarawak adalah pada tahap yang membimbangkan, mungkin akibat pembukaan sempadan Malaysia-Indonesia di Tebedu, Sarawak baru-baru ini. Sama ada Kerajaan mempunyai rancangan supaya kakitangan di sempadan ini seperti Polis, Imigresen dan pihak Kastam akan ditambah.

**Tuan Ong Ka Ting:** Kadar jenayah di Bahagian Pertama, Sarawak ada menunjukkan peningkatan tetapi keadaannya terkawal. Dalam tahun 1990 terdapat 21 kes bunuh, 55 kes rompak dan 3,905 kes curi. Manakala dalam tahun 1991, terdapat 37 kes bunuh, 64 kes rompak dan 4,507 kes curi.

Kerajaan telah mengambilkira pembukaan sempadan Malaysia-Indonesia di Tebedu dengan mengadakan pejabat-pejabat dan keanggotaan yang sewajarnya. Selain daripada Jabatan Kastam dan Jabatan Imigresen yang ditempatkan di Tebedu, Kerajaan juga telah mengadakan sebuah Balai Polis di Serikin untuk menjaga dan mengawasi keadaan keselamatan.

Kerajaan tidak bercadang untuk menambah keanggotaan yang ada memandangkan keadaan keselamatan adalah terkawal dan tidak membimbangkan.

#### LAPANGAN TERBANG SENAI— CADANGAN MEMPERTINGKATKAN

**34. Tuan Wong Wing On** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan sedia dan bercadang mempertingkatkan Lapangan Terbang Senai, jika ya, bila, jika tidak, mengapa.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Kerajaan memang ada rancangan untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan tertentu di Lapangan Terbang Senai. Peruntukan yang sewajarnya telah disediakan di dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6) dan di antara kemudahan-kemudahan yang akan dipertingkatkan ialah mengubahsuai bangunan terminal supaya lebih berupaya mengendalikan jumlah penumpang yang akan bertambah, menurap dan meningkatkan taraf landasan dan memperbaiki sistem perparitan.

#### ORANG ASLI SARAWAK YANG DITANGKAP—JUMLAH

**35. Dr Kua Kia Soong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa jumlah Orang Asli Sarawak yang telah ditangkap atas sebab menyertai tindakan pengepungan pada tahun 1990, 1991 dan 1992;
- (b) di bawah bahagian undang-undang manakah mereka ditangkap;
- (c) adakah mereka yang ditangkap semula itu dilayan dengan baik; dan

- (d) apakah anggaran jumlah bilangan orang yang terlibat dalam tindakan pengepungan ini.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Seramai 223 orang Orang Asli Sarawak telah ditangkap kerana menyertai tindakan pengepungan iaitu 29 orang pada tahun 1990, 115 orang pada tahun 1991 dan 79 orang pada tahun 1992 (Januari hingga Mac).
- (b) Mereka ditangkap di bawah Seksyen 143, 341 dan 384 Kanun Kesiksaan, Seksyen 67 Kanun Acara Jenayah dan Seksyen 90(B) Ordinan Perhutanan.
- (c) Mereka yang ditangkap semula telah dilayan dengan baik.
- (d) Adalah dianggarkan seramai 587 orang telah terlibat dan ditangkap dalam tindakan pengepungan ini.

#### PINJAMAN GABUNGAN OLEH PLUS—KEPUTUSAN KABINET

**36. Tuan Lim Kit Siang** meminta Menteri Kerja Raya menyatakan butir-butir dan keputusan Kabinet atas permintaan Projek Lebuhraya Utara-Selatan Bhd. (PLUS) untuk memperolehi satu pinjaman gabungan (syndicated loan) bagi membiayai pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan yang sedang dijalankan dan sama ada sebagai pertukaran untuk tanggungan awam yang lebih lanjut dalam sebuah projek penswastaan, Kerajaan akan memperolehi konsesi daripada PLUS dan United Engineers Malaysia (UEM) dari segi bayaran tol yang rendah atau pengurangan tempoh konsesi selama 30 tahun tersebut.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Anggaran kos Projek Lebuhraya Utara-Selatan yang mutakhir sebagaimana yang dikemukakan oleh PLUS Berhad menunjukkan bahawa kos

pembinaan akan meningkat dari \$3,446 juta pada tahun 1986 ke \$5,922 juta (iaitu kenaikan sebanyak 71.9%) pada tahun 1992 sementara kos projek secara keseluruhannya dijangka meningkat dari \$4,090 juta ke \$6,750 juta (iaitu kenaikan sebanyak 65%).

Secara keseluruhannya, kenaikan kos ini adalah disebabkan oleh 3 faktor utama iaitu:

- (i) Kenaikan harga ataupun kontrak;
- (ii) kesan mempercepatkan kerja-kerja pembinaan beberapa bahagian lebuhraya dari yang dijadualkan;
- (iii) pembinaan kerja-kerja tambahan dan perubahan rekabentuk.

Pihak PLUS telah memberitahu bahawa pihaknya ingin membuat pinjaman gabungan sebanyak lebih kurang \$2,200 juta. Kerajaan masih belum membuat sebarang keputusan muktamad mengenai cadangan PLUS ini.

#### **PROGRAM KHAS PERUMAHAN KOS RENDAH—LANGKAH- LANGKAH**

**37. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah beliau ambil untuk memastikan Projek Perumahan Kos Rendah Khas untuk membina 328,392 unit rumah di bawah \$25,000 dalam tempoh tiga tahun dari 1986-1989 tidak akan gagal buat kali ketiga selepas ianya telah dilanjutkan kepada sebuah program sembilan tahun sehingga akhir Rancangan Malaysia Keenam pada tahun 1995.

**69. Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) mengapakah Program Khas Perumahan Kos Rendah yang

dilancarkan pada tahun 1986 untuk membina 80,000 unit kos rendah setahun gagal mencapai matlamatnya;

- (b) mengapakah projek Skim Rumah Awam juga gagal mencapai matlamatnya; dan
- (c) apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian sekarang bagi mengatasi masalah permintaan rumah kos rendah yang kian meningkat di seluruh negara.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Ting Chew Peh):** Yang Berhormat dari Tanjung telah membangkitkan perkara sama semasa sesi perbincangan Titah Ucapan di-Raja pada 29 April 1992 dan saya telahpun menjelaskan perkara ini dalam ucapan menggulung saya pada 7 Mei 1992.

Untuk makluman Dewan ini, Ahli Yang Berhormat ini telah menanyakan mengenai apa yang beliau katakan ialah kegagalan Program Khas Perumahan Kos Rendah atau PKPKR. Beliau mengatakan Kerajaan gagal mencapai bilangan 328,392 buah rumah yang dirancangan.

Untuk makluman Dewan ini juga, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telah menanyakan mengenai perkara yang sama. Oleh itu saya akan menjawab kedua-duanya sekali.

Sebenarnya, dari tahun 1986 hingga 1989, sebanyak 240,000 buah rumah dirancangan untuk dibina sebagaimana dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru. Bukan 328,392 sebagaimana dikatakan oleh Ahli dari Tanjung.

Untuk makluman kedua-dua Ahli Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini, Program Khas Perumahan Kos

Rendah tidaklah gagal mencapai matlamatnya, hanya lewat mencapai matlamat. Dari 240,000 buah rumah yang dirancang, 112,679 telahpun dibina dan 109,373 sedang dalam binaan, iaitu sejumlah 222,052 yang sudah menghampiri matlamat. Kalau diambilkira 106,339 unit lagi yang sedang dalam rancangan ini sebenarnya melebihi perancangan asal. Itulah baiknya tempoh program ini dilanjutkan.

Kelewatan program ini disempurnakan adalah disebabkan masalah prosedur pemilihan tapak dan proses pemilihan kontraktor pada permulaan program. Selepas itu perlu mengambilkira pula tempoh pembinaan yang memakan masa. Bagi mengambilkira faktor-faktor ini, maka Kerajaan telah melanjutkan tempoh program supaya matlamat dapat dicapai dan tidak ketinggalan setengah jalan.

Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru juga bertanyakan mengapa Skim Rumah Awam juga gagal mencapai matlamatnya. Adalah difahamkan Skim yang dimaksudkan ialah Program Perumahan Awam Kos Rendah yang dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Suka saya menjelaskan bahawa program ini memang terus berjalan dan tidak menunjukkan kegagalan.

Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru juga ingin tahu apakah langkah yang diambil oleh Kementerian ini bagi mengatasi masalah peningkatan permintaan rumah kos rendah. Suka saya menjelaskan bahawa isu ini diberi perhatian bersama oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak swasta. Melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan sebanyak \$633,278 juta sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri khusus bagi pembinaan Rumah Kos Rendah.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga sentiasa membicarakan dengan lain-lain agensi Kerajaan, pihak akademik dan pihak swasta untuk meningkatkan jentera pembekalan Rumah Kos Rendah.

### PEMBERIAN TENDER TELEKOM—CAMPURTANGAN POLITIK DAN PILIH KASIH

**38. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar tentang dakwaan bahawa terdapat campuran politik dan pilih kasih dalam pemberian tender TELEKOM sebanyak \$2 juta untuk membekalkan alat telefon digital dan tukaran digital kepada 5 syarikat dan nyatakan:

- (a) 5 syarikat tersebut dan butiran pemilikan mereka;
- (b) butiran lanjut mengenai bilangan syarikat yang membuat tender;
- (c) apakah kriteria yang digunakan untuk memberikan tender ini dan apakah tender yang ditawarkan oleh 5 syarikat yang berjaya ini yang paling murah sekali;
- (d) sama ada AT & T telah menulis surat membantah sistem pemberian tender terbuka ini; dan
- (e) sama ada satu Suruhanjaya Siasatan di-Raja akan ditubuhkan untuk menyiasat dakwaan bahawa tender ini hanya diberikan kerana hubungan politik syarikat ini dengan UMNO sepertimana tender Fujitsu disampaikan oleh Koperasi Usaha Bersatu dan rakan kongsi Alcatel adalah Yayasan Bumiputra Pulau Pinang.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Dakwaan bahawa terdapat campurtangan politik dan pilih kasih dalam pemberian tender Telekom Malaysia bernilai \$2 juta bilion adalah tidak benar

kerana pemilihan syarikat-syarikat yang berjaya adalah mengikut prosedur tender dan keputusan muktamadnya telah dibuat oleh Lembaga Pengarah STM.

(a) 5 buah syarikat yang telah ditawarkan tender ini dan butiran pemilikan mereka adalah seperti berikut:

<i>Nama Syarikat</i>	<i>Butiran Pemilikan Ekuiti</i>
(i) Perwira Ericsson –	LTAT – 60% LM Ericsson – 40%
(ii) Pernas NEC –	PNB – 51% NEC – 35% Pernas Eng. – 14%
(iii) Alcatel –	Mengemukakan cadangan usahasama dengan ekuiti: Alcatel – 50% Tabung Haji – 25%-35% Solsis/YBPP – 9%-14% Lain-lain – sehingga 15%
(iv) Marubeni-Fujitsu –	Mengemukakan cadangan usahasama dengan ekuiti: KUB – 60% Fujitsu – 40%
(v) Sapura Holdings –	Mengemukakan cadangan usahasama dengan ekuiti: Sapura – 60% Telenokia – 40%

(b) 9 buah syarikat telah mengambil bahagian dalam tender ini. Selain dari 5 buah syarikat yang ditawarkan tender ini, 4 buah syarikat lain ialah:

- (i) Samsung Co. Ltd.
- (ii) Italtel Societa Italiana
- (iii) AT Telecommunication System Sdn. Bhd. (AT & T)
- (iv) Siemens

(c) Kriteria utama yang telah digunakan untuk memberikan tender ini ialah:

- (i) Perakuan Jawatankuasa Penilaian Teknikal mengenai aspek-aspek teknikal;

(ii) analisa kewangan atas tawaran harga penender; dan

(iii) pertumbuhan ekonomi negara secara jangka panjang melalui cadangan syarikat-syarikat untuk mengeluarkan peralatan ini secara usahasama dengan syarikat-syarikat tempatan.

Jawatankuasa Penilaian Teknikal STM, setelah membuat penilaian telah membuat pemilihan mengikut keutamaan (ranking) bagi 4 syarikat yang terkeatas adalah seperti berikut:

- (i) Pernas NEC
- (ii) Perwira Ericsson

- (iii) Marubeni Corp.
- (iv) Alcatel

Daripada keterangan di atas, jelaslah daripada 5 syarikat yang ditawarkan, 4 syarikat yang terkeatas adalah mengikut keutamaan sebagaimana yang diputuskan oleh Jawatankuasa Penilaian STM. Syarikat usahasama Nokia-Sapura telah juga dipertimbangkan untuk diberi tender ini adalah semata-mata atas pertimbangan bahawa Sapura Holdings adalah satu-satunya syarikat tempatan yang mempunyai kemampuan untuk menerap (absorb) pemindahan teknologi secara berkesan bagi menjaga kepentingan dan aspirasi negara.

Tindakan untuk mengagihkan kontrak ini kepada 5 syarikat adalah dibuat atas pertimbangan bahawa harga tawaran oleh syarikat-syarikat yang mengambil bahagian adalah untuk pembekalan 750,000 talian (lines) sahaja. Apabila STM memutuskan pembekalan talian ini dinaikkan kepada 4 juta talian, STM mempunyai tiga pilihan:

- (i) Menender semula kontrak ini secara keseluruhan;
- (ii) meneruskan tender ini bagi pembekalan 750,000 talian sahaja. Bakinya sebanyak 3,250,000 talian, dibuat secara tender baru.
- (iii) menggunakan tawaran harga terendah bagi pembekalan peralatan bagi 750,000 talian dan mengagih-agihkannya kepada 5 syarikat secara sama rata.

STM memutuskan untuk memilih pilihan ketiga atas sebab-sebab seperti berikut:

- (i) Penglibatan 5 syarikat mulai sekarang akan mewujudkan pertandingan yang sihat bagi pembekalan peralatan-peralatan seperti ini pada masa yang akan datang.

- (ii) Penglibatan lebih banyak syarikat (dengan syarat mereka menanam modal di negara ini) akan memberi faedah sampingan yang besar bagi proses perindustrian negara ini dalam bidang teknologi moden.
- (d) Kementerian Kewangan tiada menerima surat daripada AT & T yang membantah keputusan tender ini.
- (e) Kerajaan tidak bercadang hendak menubuhkan Suruhanjaya Siasatan di-Raja mengenai keputusan tender ini kerana keputusan telah dibuat mengikut peraturan-peraturan tender semasa yang berasaskan keputusan penilaian teknikal, analisa kewangan atas tawaran harga dan tidak sama sekali ada kaitan dengan politik. Pertumbuhan ekonomi negara dalam jangka panjang juga telah diberi pertimbangan dalam tender ini.

#### SISTEM PENGANGKUTAN AWAM—LANGKAH MEMPERBAIKI

**39. Tuan R. Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki sistem pengangkutan termasuk implementasi monorel di Kuala Lumpur.

**Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Beberapa projek-projek sistem pengangkutan awam telahpun dicadangkan bagi Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur. Antara projek-projek yang utama adalah seperti berikut:

- (a) Sistem Transit Laju Ringan (TLR);
- (b) Sistem Monorel;
- (c) Sistem Rel Komuter (KTM Double Tracking);

(d) Memperbaiki mutu perkhidmatan sistem bas.

(a) *Sistem Transit Laju Ringan (TLR)*

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merancang Sistem TLR berdasarkan kepada pelan Struktur Kuala Lumpur untuk tujuan perjalanan ulang-alik dari kawasan perumahan/pertumbuhan di luar pusat bandar ke pusat bandar.

Projek ini diperkenalkan pada tahun 1982 dan pelaksanaan Fasa I (iaitu dari Sentul ke Petaling Jaya) telahpun diluluskan oleh Kerajaan pada 1 Ogos 1984. Walau bagaimanapun, projek ini telah ditangguhkan sejak tahun 1986 oleh kerana kemelesetan ekonomi pada masa itu. DBKL sedang berusaha untuk mendapat kelulusan Kerajaan untuk melaksanakan semula projek ini.

Projek Sistem Transit Laju Ringan akan dilaksanakan dalam lima fasa dengan satu rangkaian laluan sepanjang 52 km.

Fasa 1— dari Sentul Ke Petaling Jaya

Fasa 2— dari Dayabumi ke Bandar Tun Razak

Fasa 3— dari Dayabumi ke Gombak

Fasa 4— dari Sentul ke Kepong

Fasa 5— dari Bandar Tun Razak ke Bukit Jalil.

Selain daripada lima fasa laluan yang disebutkan di atas, satu lagi laluan yang menghubungkan Ampang ke pusat bandar Kuala Lumpur yang menggunakan trak KTM yang sedia ada juga telah dicadangkan.

(b) *Sistem Monorel*

Sistem Monorel adalah satu sistem pengangkutan 'people mover' yang telah dicadangkan oleh DBKL untuk perjalanan dalam pusat bandar (intra-city service) yang bertujuan untuk mengurangkan kesesakan lalulintas dan mempertingkatkan mobiliti di pusat bandar.

Projek ini telah diluluskan oleh Kerajaan pada 14 Jun 1989 untuk menggantikan Projek Aerobus. Pada peringkat permulaan, laluan Sistem Monorel akan menghubungkan Terminal Bas Jalan Tun Razak-Pasar Budaya-Puduraya-Bukit Bintang. Kajian pelaksanaan untuk projek tersebut telahpun siap.

Pada asalnya, projek ini telah diluluskan supaya dilaksanakan sepenuhnya oleh DBKL. Walau bagaimanapun, pada 29 Oktober 1991 Kerajaan telah memutuskan bahawa projek ini dilaksanakan secara penswastaan.

(c) *Sistem Rel Komuter (KTM) Double Tracking*

Sistem Rel Komuter adalah satu sistem pengangkutan awam yang akan dilaksanakan oleh KTM untuk tujuan perjalanan ulang-alik dari luar metropolitan Kuala Lumpur ke pusat bandar Kuala Lumpur (inter-city commuter service).

Laluan Sistem Rel Komuter akan menghubungkan Rawang ke pusat bandar Kuala Lumpur dan ke Seremban. Ia akan mengikut koridor landasan keretapi KTM yang sedia ada.

(d) *Memperbaiki Mutu Perkhidmatan Sistem Bas*

Beberapa usaha sedang dibuat untuk mempertingkatkan lagi

mutu perkhidmatan sistem bas di Kuala Lumpur. Antaranya ialah:

- (i) menjalankan kajian untuk menyusun semula laluan bas yang sedia ada supaya perkhidmatan bas menjadi lebih teratur dan meliputi kawasan yang lebih menyeluruh;
- (ii) membina terminal bas baru di luar pusat bandar dan mempertingkatkan kemudahan terminal-terminal bas yang sedia ada.

Di samping projek pengangkutan awam, DBKL juga sedang mengkaji pelaksanaan sistem 'car pooling' sebagai satu langkah untuk mengurangkan kesesakan lalulintas.

Sistem 'car pooling' adalah satu usaha di mana pemilik-pemilik kereta berkongsi menaiki kereta untuk tujuan perjalanan ke tempat yang sama.

Kelebihan sistem 'car pooling' adalah seperti berikut:

- (a) Dapat mengurangkan jumlah bilangan penggunaan kereta di jalan raya dan di samping itu, dapat mengurangkan kesesakan lalulintas;
- (b) dapat mengurangkan kadar pencemaran udara dan kebisingan;
- (c) dapat menjimatkan penggunaan minyak kereta;
- (d) dapat menjimatkan kos atau bayaran tempat letak kereta.

#### ISU PELARIAN ROHINGYA DI MYANMAR—PERANAN MALAYSIA

**40. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan peranan yang dimainkan

oleh Malaysia dalam mencari pendamaian di Myanmar di antara pihak-pihak yang bersengketa di sana. Adakah bantuan yang diberikan oleh Malaysia kepada pelarian Rohingya tidak menjejaskan persahabatan Malaysia dengan Myanmar.

**Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, soalan mengenai Myanmar dan isu pelarian orang Islam Myanmar telahpun dikemukakan pada sidang kali ini pada 28 dan 30 April 1992, pada 4,6,12 dan 13 Mei 1992. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, kesemua soalan tersebut telahpun dijawab.

#### PILIHANRAYA—JAMINAN SPK

**41. Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak** minta Perdana Menteri menyatakan bolehkah SPK memberi jaminan bahawa pegawai-pegawai SPR tidak akan membuat tindakan yang boleh menyebabkan pilihanraya diadakan semula seperti mana berlaku di Bukit Payong.

**Dato' Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa memastikan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang dilantik bagi mengendalikan pilihanraya mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang mengenai pilihanraya yang berkuatkuasa.

#### PELABURAN DALAM SYARIKAT KPM HOLDINGS SDN. BHD.

**42. Tuan Wee Choo Keong** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) Mengapa sehingga 30hb. Disember 1980 Bank Pertanian Bhd. (BP) melaburkan \$69.25 juta kepada Syarikat KPM Holdings Sdn. Bhd. dengan harga \$8 juta sahaja dan pada masa yang

sama Agoes Salim Holdings Sdn. Bhd. mempunyai 'paid-up capital' sebanyak \$25,000 sahaja;

- (b) sama ada harga \$69.25 juta tersebut telah dijelaskan oleh Agoes Salim Holdings Sdn. Bhd. Jika tidak, mengapa Menteri Pertanian tidak mengambil tindakan dengan segera untuk menjaga kepentingan wang rakyat (public fund).

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:**

- (a) Pada tahun 1982, Bank Pertanian Malaysia telah menjual anak syarikatnya, KPM Holdings Sdn. Bhd. beserta subsidiari-subsidiarinya kepada Agoes Salim Holdings Sdn. Bhd. (ASHSB) dengan harga \$8 juta. Mengikut perjanjian jual beli, Agoes Salim Holdings Sdn. Bhd. telah mengambilalih semua harta dan tanggungan KPM Holdings dan subsidiari-subsidiarinya. Perjanjian juga menetapkan bahawa Agoes Salim Holdings Sdn. Bhd. dikehendaki membayar \$500,000 kepada BPM pada akhir tahun 1992. Baki \$7.5 juta dikehendaki dibayar balik dalam tempoh 36 bulan iaitu pada atau sebelum 31 Disember 1985. Pinjaman yang terhutang oleh KPM Holdings Sdn. Bhd. dan subsidiari-subsidiarinya kepada BPM juga telah diambilalih oleh pihak Agoes Salim Holdings Sdn. Bhd. yang bersetuju membayar semua pinjaman dan faedah ke atasnya dengan cara yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Ansuran pertama hendaklah diterima pada 31 Januari 1985.
- (b) Sehingga kini, BPM masih belum menerima apa-apa bayaran berkaitan dengan penjualan KPM

Holdings Sdn. Bhd. ini. Pihak Bank telah mengambil tindakan undang-undang terhadap Agoes Salim Holdings Sdn. Bhd., KPM Holdings Sdn. Bhd. dan anak-anak syarikatnya. Penghakiman (Summary Judgement) telah diperolehi pada 21 Ogos 1989 di mana semua defenden dikehendaki membayar kepada BPM. Pihak defenden telah membuat rayuan dan mahkamah telah menolak rayuan tersebut beserta kos rayuan ditanggung oleh defenden-defenden. BPM telah mengarahkan peguam-caranya supaya mengambil tindakan kebangkrapan terhadap pihak-pihak yang berkenaan di samping menyasat ke atas aset-aset defenden-defenden.

#### **PROJEK KERETA NASIONAL KEDUA—KEPUTUSAN USAHASAMA**

**43. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan setakat ini adakah Kerajaan telah membuat keputusan pembuat kereta dari negeri manakah yang akan berusahasama dalam Projek Kereta Nasional Kedua. Berapa buah syarikat pembuat kereta luar negeri telah membayangkan hasrat mereka untuk berusahasama.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S.S. Subramaniam):** Kerajaan telahpun membuat keputusan bahawa Projek Kereta Nasional Kedua akan dilaksanakan dengan penyertaan Syarikat Daihatsu Motor Co. Ltd. daripada Jepun. Selain daripada itu, Kerajaan juga ada menerima cadangan daripada Syarikat Peugeot untuk mengadakan projek yang sama yang diasaskan kepada model kereta-kereta Peugeot. Oleh kerana cadangan daripada Peugeot ini diterima selepas Kerajaan

membuat keputusan untuk melaksanakan projek dengan penyertaan Daihatsu Jepun, maka cadangan daripada Peugeot ini tidak dapat diterima. Setakat ini hanya kedua-dua syarikat berkenaan sahaja yang telah membayangkan hasrat untuk melaksanakan projek Kereta Nasional Kedua ini.

#### **TAHUN MELAWAT ASEAN 1992— AKTIVITI DI SARAWAK**

**44. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) pelbagai aktiviti yang akan dijalankan oleh Kementerian di Sarawak sewaktu "Tahun Melawat ASEAN 1992"; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang tertentu yang diambil dan program yang dianjurkan oleh Kementerian untuk memajukan Sarawak menjadi salah sebuah destinasi pelancongan Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian  
Kebudayaan, Kesenian dan  
Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin  
Suliman):**

- (a) Bersempena dengan Tahun Melawat ASEAN 1992, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terlibat sebagai penganjur bersama, dengan memberi bantuan kewangan bagi menganjurkan acara-acara:
  - (i) Upacara sambutan pelancong di pintu-pintu masuk utama ke Malaysia (di Kuching) pada 1.1.1992.
  - (ii) Pameran Warisan Borneo (Sabah dan Sarawak) yang diadakan di Muzium Negara, Kuala Lumpur mulai 31 Januari-30 April 1992.

(iii) Gawai Dayak—yang diadakan pada 1&2 Julai 1992.

(iv) Mulu Expedition—yang diadakan pada 15-31 Oktober 1992.

(b) Kementerian ini juga turut melibatkan diri dalam membiayai beberapa projek/program yang telah, sedang diatur dan yang dilaksanakan di negeri Sarawak. Di antaranya termasuklah:

- (i) Bantuan di dalam membiayai rancangan Kajian Pelan Induk Pelancongan bagi negeri Sarawak;
- (ii) penyediaan tempat-tempat penginapan dan chalet di kawasan-kawasan taman lipor di Sarawak khususnya di Taman Lipor Niah, Taman Lipor Mulu dan Taman Negara Lambir; dan
- (iii) penyediaan kemudahan asas pelancongan yang meliputi pembinaan tandas awam, jambatan, tempat pejalan kaki, pusat penerangan dan lain-lain lagi di Taman Negara Niah, Taman Negara Mulu, Taman Negara Bako dan Taman Negara Lambir.

Kementerian ini juga dijangka akan melaksanakan beberapa projek pembangunan pelancongan di Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

#### **PROGRAM PEMBANGUNAN PEN- DUDUK TERMISKIN—REKA- BENTUK RUMAH**

**45. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji  
Mohd. Hassan** minta Menteri  
Pembangunan Luar Bandar mem-

beritahu sama ada sedar atau tidak bahawa Program Pembangunan Penduduk Termiskin dipilih untuk mendapatkan PPRT, tetapi saya diberitahu rumah-rumah mereka tidak sama rekabentuk dan ini amatlah mengecewakan kerana pelaksana-pelaksana tidak mengikut rekabentuk-rekabentuk yang sedia ada. Kenapakah perkara seperti ini harus terjadi.

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Sukalah dijelaskan bahawa di bawah program membina semula rumah dan membaikpulih rumah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah bertanggungjawab menyalurkan bantuan kewangan kepada orang-orang yang termiskin yang berkelayakan dengan kadar yang telah ditetapkan seperti berikut:

(a) SEMENANJUNG

- (i) Binasemula: \$3,000.00
- (ii) Baikpulih : \$1,500.00

(b) SABAH-SARAWAK

- (i) Binasemula: \$3,750.00
- (ii) Baikpulih : \$2,250.00

Jenis dan rekabentuk rumah adalah dipertanggungjawabkan kepada agensi pelaksana berkenaan di peringkat daerah. Bagi maksud itu, garis panduan telah diberikan bagi menetapkan ciri-ciri yang perlu ada pada pembinaan sesebuah rumah iaitu mempunyai satu bilik tidur, bilik mandi, dapur dan tandas. Perbezaan rekabentuk ini berlaku disebabkan lokasi dan harga binaan yang mempengaruhi bentuk rumah yang akan dibina.

**AIDS—USAHA MEMBENDUNG MENGIKUT AJARAN ISLAM**

**46. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) mengikut seorang doktor pakar bukan Islam dari Hospital Besar

Kuala Lumpur bahawa ubat yang boleh mencegah atau membendung AIDS dari merebak ialah dengan melaksanakan hukum Islam. Sejauh mana Kementerian Kesihatan memberi perhatian kepada pendapat dan nasihat doktor pakar itu; dan

- (b) adakah Yang Berhormat bercadang untuk memajukan pandangannya itu ke dalam seminar-seminar dan forum-forum baik dalam negeri mahupun luar negeri bagi menarik perhatian semua pihak yang diancam oleh serangan AIDS.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, strategi utama yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dalam usaha membendung AIDS dari merebak ialah dengan memberi pendidikan kesihatan mengenai AIDS seluruh rakyat di negara ini. Salah satu pendekatan yang diambil dalam melaksanakan strategi ini ialah mempengaruhi rakyat supaya mengelakkan diri dari kegiatan-kegiatan maksiat yang boleh mendedahkan diri kepada jangkitan kuman AIDS seperti mengadakan hubungan seks secara rambang atau menagih dadah. Penekanan sentiasa diberi kepada masyarakat untuk memperkukuhkan amalan kesihatan jasmani dan rohani. Mesej-mesej ini adalah selaras dengan ajaran Islam dan lain-lain agama di negara ini.

- (b) Pendekatan yang saya sebutkan tadi telahpun disebarkan melalui seminar-seminar dalam negeri mahupun persidangan-persidangan antarabangsa yang dihadiri oleh negara ini.

**DISIPLIN/MORAL ANGGOTA  
POLIS**

**47. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan berpuashati dengan tahap disiplin dan moral anggota-anggota Polis sekarang ini;
- (b) berapa ramaikah anggota Polis yang telah dikenakan tindakan tatatertib dalam tempoh dua tahun lalu, nyatakan kategori kesalahan mereka dan jumlahnya; dan
- (c) setakat manakah usaha Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman agama kepada anggota-anggota yang beragama Islam dan pendidikan moral kepada yang bukan Islam.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Kerajaan berpuashati dengan tahap disiplin dan moral anggota Polis. Peratusan pegawai dan anggota Polis yang dikenakan tindakan tatatertib pada tahun 1989 ialah 3.78%, tahun 1990—2.05% dan tahun 1991—3.4%. Peratusan tersebut adalah kecil dan tidak menjejaskan keseluruhan disiplin dan moral Pasukan Polis.
- (b) Bilangan pegawai dan anggota Polis yang telah dikenakan tindakan tatatertib dalam tempoh 2 tahun yang lalu ialah seramai 3,989 orang. Jenis kesalahan dan jumlahnya adalah seperti berikut:

Ingkar perintah	1,651 orang
Kesalahan terhadap tugas	1,934 orang
Tidak bertanggung-jawab	598 orang
Menjatuhkan reputasi pasukan	495 orang
Tidak jujur	256 orang

Berkelakuan biadab	43 orang
Kekerasan	31 orang
Salahguna kuasa	39 orang
Kurang kecekapan	85 orang
Sabitan mahkamah	125 orang

- (c) Usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman agama kepada anggota Polis yang beragama Islam diberi penekanan melalui Module Agama semasa Latihan Asas Polis, kursus-kursus agama semasa kursus-kursus dalam perkhidmatan, aktiviti-aktiviti agama yang dianjurkan seperti ceramah agama, Ujian Tilawah Al-Quran dan mewujudkan Jawatankuasa Kecil Agama dan mewujudkan Jawatankuasa Kecil Agama atau Surau bagi menyelaraskan aktiviti agama dan mengaturkan saudara-saudara baru mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh PERKIM.

Manakala anggota Polis yang bukan beragama Islam, k e m u d a h a n - k e m u d a h a n beragama tetap diberi perhatian bagi memastikan pendidikan moral mengikut agama masing-masing tidak diabaikan. Semasa Latihan Asas dan Kursus Dalam Perkhidmatan, anggota yang bukan beragama Islam diberi masa dan bantuan untuk menghadiri sebarang bentuk acara agama yang mereka anuti.

**DASAR PERUMAHAN NEGARA—  
JAMINAN**

**48. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) Adakah bentuk Dasar Perumahan Negara sekarang ini: Sejauh manakah Dasar Perumahan itu dapat memberi jaminan agar setiap rakyat memiliki rumah sendiri; dan

- (b) adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mengawal harga rumah yang ditawarkan oleh para pemaju bagi memastikan rakyat berpendapatan rendah berupaya membelinya.

**Dato' Dr Ting Chew Peh:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Perumahan pada masa ini ialah untuk menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi dan mampu dibeli oleh rakyat dari semua kumpulan pendapatan, terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Perumahan adalah satu keperluan asas sosial dan Kerajaan telah dan akan terus memberi penekanan ke atas penyediaan kemudahan perumahan dalam rancangan-rancangan lima tahunnya sama ada melalui program sektor awam ataupun oleh sektor swasta. Program-program dan strategi-strategi perumahan di bawah rancangan-rancangan lima tahun bertujuan untuk membolehkan semua golongan rakyat mendapat kemudahan perumahan. Bagi membantu golongan berpendapatan rendah mendapat kemudahan itu, Kerajaan telah menetapkan supaya harga maksima rumah kos rendah tidak melebihi \$25,000 seunit.

Bagi Rancangan Malaysia Keenam, sejumlah 343,800 unit atau 60% dari jumlah yang dirancangan adalah terdiri dari rumah-rumah kos rendah.

- (b) Untuk memastikan golongan berpendapatan rendah mampu memiliki rumah, Kerajaan telah menetapkan supaya rumah-rumah kos rendah yang dibina olehnya tidak melebihi harga \$25,000 seunit. Harga maksima ini ditetapkan juga bagi rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh sektor swasta.

**AMNESTY INTERNATIONAL  
LONDON—PERMOHONAN**

**49. Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah alasan Kerajaan menolak permohonan badan hak asasi manusia Amnesty International London untuk membuka cawangannya di negara ini; dan
- (b) sila butirkan syarat-syarat permohonan yang gagal dipenuhi oleh badan tersebut.

**Tuan Ong Ka Ting:** Permohonan Amnesty International untuk mendaftarkan cawangannya di negara ini telah ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan atas sebab kegagalan pihak berkenaan mengemukakan objektif yang jelas dan memuaskan mengenai permohonannya itu.

**KAD PENGENALAN BERMUTU  
TINGGI—PROSES**

**50. Puan Lim Lay Hoon** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementeriannya dapat mempermudah proses permohonan Kad Pengenalan Bermutu Tinggi dengan hanya mengambil butir-butir yang terdapat di Kad Pengenalan Lama tanpa menyerahkan Sijil Kelahiran, Sijil Kewarganegaraan dan dokumen-dokumen lain.

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya tidak bercadang menjawab soalan ini kerana jawapan telahpun diberi pada 29 April 1992.

**PESAKIT BUAH PINGGANG—  
BILANGAN**

**51. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pesakit yang mengidap penyakit buah pinggang di seluruh negara sekarang ini;

- (b) adakah bilangan mesin haemodialisis yang diperlukan untuk merawat pesakit-pesakit tersebut mencukupi untuk menampung bilangan pesakit-pesakit yang ada; dan
- (c) nyatakan bilangan mesin haemodialisis yang telah dibekalkan di hospital besar di setiap negeri pada masa ini.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**

- (a) Kementerian ini tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai jumlah sebenar pesakit buah pinggang. Seramai 362 orang sedang menerima rawatan haemodialysis di hospital-hospital Kementerian Kesihatan dan seramai 83 orang lagi sedang menerima rawatan haemodialysis di Jabatan Kerajaan di seluruh negara.

Anggaran pertambahan tahunan pesakit baru bagi penyakit buah pinggang End Stage Renal Disease ialah lebih kurang 850 orang.

- (b) Bilangan mesin haemodialysis di hospital-hospital Kementerian Kesihatan ialah 138 buah. Di bawah program 'home haemodialysis' terdapat sebanyak 294 mesin haemodialysis iaitu 44 di Jabatan-jabatan Kerajaan dan 250 buah lagi di syarikat-syarikat swasta serta di rumah milik persendirian. Bilangan ini belum mencukupi berbanding dengan keperluan. Kementerian ini sentiasa memperkembang dan mempertingkatkan perkhidmatan haemodialysis di hospital-hospital dengan melatih kakitangan serta menambah bilangan mesin untuk menampung lebih ramai pesakit.
- (c) Bilangan mesin haemodialysis yang telah dibekalkan ke hospital-hospital Kementerian ini ialah 138 buah.

### **JETI PENUMPANG DI PELABUHAN SELATAN— LANGKAH-LANGKAH BAIKPULIH**

**52. Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk membaikpulih dan mengganti baru jeti penumpang di Pelabuhan Selatan, Pelabuhan Kelang oleh kerana jeti itu menjadi penghubung-penghubung terpenting bagi penduduk-penduduk di situ, yang mana jeti itu sudah lama dan keselamatannya membimbangkan.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Beberapa langkah keselamatan telah diambil oleh Lembaga Pelabuhan Kelang bagi memastikan jeti tersebut di atas selamat digunakan oleh orang-orang awam. Pada tahun 1987 pemeriksaan dan kerja pembaikan jeti telah dibuat. Kerja-kerja membaiki semula juga telah dibuat pada tahun 1991.

Hasil pemeriksaan terhadap jeti semasa kerja baikpulih siap pada bulan Oktober 1991 lalu menunjukkan bahawa jeti pada keseluruhannya masih sempurna digunakan untuk kira-kira lima hingga lapan tahun lagi kiranya pemeriksaan dan penyelenggaraan sering dijalankan mengikut lazimnya.

Papan tanda pemberitahuan (notis) had penampungan yang mampu ditanggung oleh jeti telah diletakkan di bahagian pintu masuk jeti tersebut pada satu-satu masa. Pengawal Keselamatan Lembaga akan ditempatkan secara tetap memastikan tidak terlalu ramai yang menggunakan jeti tersebut pada satu-satu masa melebihi had muatan "platform" dan "passageway". Bagi hari-hari keramaian pula, kakitangan keselamatan akan ditambah untuk mengawal keadaan.

Lembaga Pelabuhan Kelang akan terus berusaha untuk mengambil langkah-langkah perlu memastikan

supaya jeti penumpang ini sentiasa dalam keadaan selamat untuk kegunaan orang awam.

Kerajaan Negeri mempunyai hasrat membangunkan semula kawasan pantai termasuk kawasan jeti tersebut. Dengan itu, adalah wajar dan teratur sebarang rancangan membina semula jeti tersebut dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Lembaga Pelabuhan Kelang sedia membantu mana yang boleh di dalam rancangan membina semula jeti tersebut.

#### **SENJATA DARI SWITZERLAND— PEMBELIAN**

**53. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah betul bahawa Malaysia merupakan pembeli kedua terbesar untuk senjata yang dieksportkan daripada Switzerland pada tahun 1992, adakah benar bahawa senjata sebanyak 54 juta Swiss Franc telah diimport oleh Malaysia dalam tahun tersebut, termasuklah pembelian anti-aircraft artillery serta Skyguard FCS System, dan apakah peranan telah dimainkan oleh sebuah syarikat Swiss, iaitu Syarikat Oerlikon Contraves.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Memang benar Kerajaan telah membeli sistem persenjataan daripada Switzerland yang melebihi SF 54 juta dalam tahun 1991. Walau bagaimanapun, Malaysia bukanlah pengimport kedua terbesar bagi senjata dari Switzerland. Berhubung dengan Syarikat Oerlikon Contraves ianya adalah merupakan pembuat Sistem Anti-aircraft dan Skyguard dan perolehan telah dibuat terus daripada syarikat tersebut.

#### **PENGHANTARAN TENTERA MALAYSIA KE CAMBODIA— PEMBIAYAAN PENGHANTARAN**

**54. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah benar bahawa pasukan tentera Malaysia yang dihantar ke Cambodia

tidak dibiayai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Jika benar, banyak manakah implikasi kewangan yang ditanggung oleh Kerajaan, dan apakah syarat-syarat perkhidmatan mereka di sana.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Seperti yang telah dimaklumkan melalui akhbar, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah memperuntukkan sebanyak \$5.4 bilion untuk mengendalikan operasi pengaman di Cambodia. Peruntukan tersebut adalah merupakan yang termahal yang pernah ditanggung oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu setakat ini.

Penglibatan Angkatan Tentera Malaysia adalah dibiayai sepenuhnya oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Berkaitan syarat-syarat perkhidmatan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hanya menetapkan jangkamasa perkhidmatan selama setahun. Semasa perkhidmatan, mereka adalah di bawah perintah 'Force Commander' yang dilantik oleh PBB untuk penugasan di Cambodia. Bagaimanapun anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia adalah termaktub kepada syarat-syarat perkhidmatan dan disiplin ketenteraan yang sedia wujud.

#### **PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN— KRITERIA**

**55. Puan Rohani binti Abd. Karim** minta Perdana Menteri menyatakan tentang Program Pembangunan Rakyat Termiskin iaitu dari segi:

- (a) Apakah kriteria yang digunakan bagi membolehkan rakyat memohon atau diberi bantuan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin;

- (b) berapakah jumlah rakyat termiskin (yang memenuhi kriteria di atas) terdapat di Sarawak;
- (c) apakah rancangan yang telah, sedang dan akan dijalankan di bawah program ini di Sarawak;
- (d) sejauhmanakah program ini telah berjaya dijalankan; dan
- (e) apakah agensi-agensi yang mengurus dan mengendalikan program di Sarawak.

**Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:**

- (a) Kriteria yang digunakan bagi menentukan rakyat termiskin ialah isirumah yang mempunyai pendapatan bulanan separuh dari Garis Pendapatan Kemiskinan.
- (b) Mengikut Perkiraan Kajian Isirumah (IIIS) Tahun 1989 terdapat 11,100 Ketua Isi Rumah Termiskin di negeri Sarawak.
- (c) Sungguhpun terdapat 44 jenis projek di bawah pakej bantuan PPRT, bukan semua projek telah dimulakan di Sarawak kerana ia tertakluk kepada kesesuaian projek dan latarbelakang keluarga. Jenis-jenis projek yang telah dimulakan ialah pemulihan rumah, asrama desa, khutub-khanah desa, industri kampung, program kekurangan zat makanan kanak-kanak (KZM) pemulihan infrastruktur pertanian dan lain-lain. Bantuan-bantuan ini akan diteruskan supaya manfaatnya dapat meliputi keluarga-keluarga termiskin yang dikenalpasti.
- (d) Memandangkan PPRT baru dilancarkan penilaian kekesanannya masih belum dibuat.
- (e) Jabatan Pembangunan Negeri Sarawak adalah merupakan Urusetia Jawatankuasa Penye-

larasan PPRT Peringkat Negeri yang bertanggungjawab menyelaras perancangan, pelaksanaan, pengesanan dan penilaian program ini.

#### **PELAKSANAAN SYARIAH ISLAM DI KELANTAN—SIKAP KERAJAAN PUSAT**

**56. Dr Sanusi bin Daeng Mariok** minta Perdana Menteri menyatakan apakah sikap Kerajaan Pusat terhadap usaha Kerajaan Negeri Kelantan melaksanakan syariah Islam di negeri itu.

**Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Sikap Kerajaan Persekutuan terhadap usaha mana-mana Kerajaan Negeri termasuk Kerajaan Negeri Kelantan melaksanakan syariat Islam adalah jelas kerana usaha ini adalah kesinambungan dari usaha-usaha yang sedia ada yang sentiasa diperkembangkan dari masa ke semasa. Pelaksanaan syariat Islam yang lebih menyeluruh yang mengambil kira semua faktor yang diusahakan oleh pihak berkuasa Islam negeri-negeri disokong oleh Kerajaan Pusat dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Di samping itu, Kerajaan Pusat tidak pernah menghalang sebarang usaha ke arah mempertingkatkan dakwah Islamiah di negara ini yang dilakukan oleh orang perseorangan, badan-badan sukarela, pertubuhan dakwah dan politik yang ingin berkongsi sama bagi menjayakan serta memperlengkapkan syariat Islam seperti yang sama-sama kita kehendaki. Walaupun dari pihak Kerajaan Negeri Kelantan asalkan ianya dilaksanakan dengan jujur dan ikhlas.

Pada peringkat ini Kerajaan Pusat perlu mengkaji serta meneliti hasrat atau sikap Kerajaan Negeri Kelantan yang bercadang hendak melaksanakan hukum hudud di negeri itu kerana sehingga kini pihak Kerajaan Pusat belum lagi dapat melihat suatu rancangan yang disusun

dengan teratur dan jelas bagi melaksanakannya. Cuma yang ada ialah bentuk cakap-cakap yang diucapkan di dalam ceramah-ceramah, majlis forum dan sebagainya. Oleh itu, buat ketika ini Kerajaan Pusat mempunyai sikap "tunggu dan lihat" apakah sebenarnya bentuk pelaksanaan syariat Islam di negeri Kelantan yang hendak dilaksanakan itu supaya dapat dipastikan pelaksanaannya berada dalam suasana yang harmoni.

**PENGAMBILALIHAN  
PELABUHAN KEMAMAN—  
SYARAT-SYARAT**

**57. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah syarat-syarat yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu dalam perundingan dengan Kerajaan Pusat untuk mengambilalih Pelabuhan Kemaman.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Untuk makluman Dewan yang mulia ini pengambilalih pengurusan Pelabuhan Kemaman oleh Kerajaan Persekutuan dikuatkuasakan pada 1 November 1991 setelah rundingan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Terengganu mengenai perkara ini mencapai kata sepakat. Persetujuan-persetujuan yang telah dicapai adalah seperti berikut:

- (a) Kerajaan Persekutuan melalui Lembaga Pelabuhan Kemaman akan bertindak sebagai pihak berkuasa pelabuhan bagi keseluruhan dan bertanggungjawab dalam semua hal-hal yang berkaitan dengan operasi kawasan perairan pelabuhan tersebut secara keseluruhan sebagaimana yang digariskan oleh Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan) 1990;
- (b) Lembaga Pelabuhan Kemaman juga bertanggungjawab di dalam merancang dan melaksanakan

program pembangunan Pelabuhan Kemaman secara keseluruhan;

- (c) bagi operasi di daratan pula, Lembaga Pelabuhan Kemaman bertanggungjawab untuk mengendalikan operasi Dermaga Timur, Syarikat Kemaman Supply Base Sdn. Bhd. bertanggungjawab mengendalikan operasi Pengkalan Bekalan Petroliam sementara Petronas Dagangan Sdn. Bhd. bertanggungjawab mengendalikan operasi Terminal Eksport Gas Asli Cecair kepunyaan Petronas. Keadaan dua syarikat ini beroperasi sebagai pengusaha terminal (terminal operator) sahaja.

**PERWAJA STEEL SDN. BHD.—  
PEMBINAAN RUMAH  
KAKITANGAN**

**58. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah benar bahawa pihak pengurusan Perwaja Steel Sdn. Bhd. di Kemaman, Terengganu telah mengambil keputusan untuk membina rumah-rumah kediaman pegawai-pegawainya di Kuantan, Pahang sedangkan pihak Kerajaan Negeri Terengganu telah meluluskan tapak tanah yang sesuai dan berhampiran dengan kilang Perwaja. Sekiranya benar, apakah hujah-hujah di sebalik keputusan Perwaja Steel tersebut;
- (b) negara-negara manakah yang telah dilawati oleh pihak pengurusan Perwaja untuk menarik pelabur-pelabur asing dan apakah hasil daripada lawatan tersebut; dan
- (c) siapakah yang telah menyertai rombongan-rombongan tersebut. Sila senaraikan.

**Tuan S. S. Subramaniam:**

- (a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan membina rumah-rumah kediaman bagi pegawai-pegawai Perwaja adalah berdasarkan perakuan Jawatankuasa Pekerja. Jawatankuasa Pekerja Perwaja telah merancang untuk mengadakan perumahan bagi pegawai dan kakitangannya, tetapi Jawatankuasa tersebut belum lagi membuat keputusan mengenai tapak perumahan ini. Mereka setakat ini telah meninjau beberapa tapak yang difikirkan sesuai di Kemaman dan juga kawasan di antara Kuantan dan Kemaman. Keputusan Jawatankuasa Pekerja mengenai pemilihan tapak bergantung kepada kesesuaian tanah, kos dan jarak dengan loji supaya ianya tidak akan membebankan kakitangan Perwaja di kemudian hari.
- (b) Pengurusan Perwaja telah melawat beberapa buah negara Eropah seperti Itali dan Jerman dan di Asia seperti Korea dan Jepun. Memandangkan industri ini melibatkan pelaburan yang besar, pihak pengurusan tidak menjangka hasil serta merta.
- (c) Lawatan yang dibuat melibatkan kakitangan pengurusan kanan Perwaja Steel Sdn. Bhd.

**CUKAI VAT—KEDUDUKAN  
CADANGAN KERAJAAN**

59. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kedudukan cadangan Kerajaan pada satu ketika untuk memperkenalkan Cukai "VAT".

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Kerajaan belum memutuskan untuk memperkenalkan Cukai VAT.

**BUKU ASIA'S NEW LITTLE  
DRAGONS—LANGKAH-  
LANGKAH KERAJAAN**

60. Tuan G. Palanivel minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah Kerajaan sedar akan komen-komen yang buruk mengenai Malaysia dalam buku "Asia's New Little Dragons" yang ditulis oleh Steven Schlosstein. Jika sedar apakah langkah-langkah yang dipertimbangkan oleh Kerajaan untuk:

- (a) membalas tindakan yang buruk itu supaya pelabur-pelabur asing yang mungkin membaca buku itu boleh mendapat maklumat yang benar;
- (b) mengetahui mengapa si penulis buku itu anti Malaysia dan sebaliknya banyak menyebelahi Indonesia;
- (c) menjemput penulis itu ke satu forum di sini yang boleh diuruskan oleh ISIS supaya kita dapat tahu dari mana beliau mendapat maklumat-maklumat yang beliau tulis dalam bukunya; dan
- (d) menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia termasuk Ahli-ahli Parlimen, penulis-penulis, cendekiawan serta ahli-ahli politik membaca buku itu supaya mereka dapat mengenal dan membuat keputusan sendiri mengenai kebenaran.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Kerajaan sememangnya sedar terhadap komen-komen negatif tentang pelbagai aspek yang dibuat ke atas Malaysia bukan sahaja di dalam buku yang ditulis oleh penulis-penulis Barat, tetapi juga meliputi berita-berita yang dilaporkan dalam lain-lain media-media cetak dan elektronik di Barat. Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya khusus

untuk menangkis sebarang tanggapan yang negatif yang boleh menjejaskan pelaburan di negara ini.

Buku "Asia's New Little Dragon" merupakan salah satu usaha jahat untuk memberi gambaran buruk tentang negara ini dan mencetuskan ketidakharmonian di antara kaum. Justeru itu untuk mengelakkan kemungkinan buruk di kalangan masyarakat negara ini, Kementerian Dalam Negeri telah mengenakan Perintah Larangan (diharamkan) ke atas buku "Asia's New Little Dragon" di bawah Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987 supaya masyarakat majmuk tidak terpengaruh dengan komen-komen negatif dan menghasut buku tersebut.

Selain itu, penyiaran maklumat yang tepat sentiasa telah dilaksanakan oleh perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negara bukan sahaja untuk memperbaiki tetapi meningkatkan lagi imej negara. Lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta misi-misi perdagangan telah berjaya memaparkan maklumat sebenarnya bagi tujuan menarik pelaburan asing ke negara ini.

Disebaliknya, kestabilan negara dan amalan sistem demokrasi yang terjamin adalah faktor utama yang menggalakkan pelaburan-pelaburan asing dalam pelbagai sektor ekonomi di negara ini. Saya percaya pelabur-pelabur tidak akan terpengaruh dengan kandungan buku yang cetek dan tidak bertanggungjawab itu.

(b) Adalah jelas penulis buku tersebut berniat jahat terhadap negara ini khususnya mengapi-apikan sikap anti-agama, bangsa dan pemimpin negara, walaupun perkara yang diperkatakan bertentangan dengan realiti sebenar.

(c) Kerajaan berpendapat adalah lebih wajar dan berkesan mengambil langkah-langkah seperti penyiaran maklumat sebenar secara meluas; mempertingkatkan imej negara di luar negara; dan menunjukkan kemampuan negara ini menghadapi cabaran semasa daripada menjemput seorang penulis yang tidak bertanggungjawab dan tidak dapat memastikan kesahihan fakta-fakta yang dipergunakan olehnya dalam penulisan buku "Asia's New Little Dragons". Lagipun kita tidak boleh menjamin penulis seperti ini tidak akan menulis perkara-perkara yang tidak benar setelah diperdedahkan kepada keadaan dan hakikat sebenar yang terdapat di negara ini.

(d) Dengan pengharaman buku "Asia's New Little Dragons" adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987 bagi sesiapa yang memiliki, mengimport, mencetak, menerbit, mengeluarkan atau menghasilkan semula buku tersebut.

#### SKIM GAJI BARU (SSB)— SYARAT UMUR GURU-GURU

61. Tuan G. Palanivel minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa berdasarkan Skim Gaji Baru (SSB) adalah difahamkan tidak ada sebarang sekatan umur bagi melantik seorang kakitangan Kerajaan, maka bolehkah

Kementerian Pendidikan menggugurkan syarat umur bagi bakal guru-guru untuk memasuki latihan perguruan.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pendidikan belum lagi membuat keputusan untuk menggugurkan syarat umur bagi calon-calon untuk pendidikan guru tetapi mungkin melonggarkan syarat-syarat yang masih ada. Berdasarkan syarat-syarat yang sedia ada, iaitu had umur bagi kursus perguruan asas untuk calon-calon biasa adalah 27 tahun, manakala bagi guru-guru sandaran tidak terlatih dengan pengalaman mengajar sekurang-kurangnya 3 tahun adalah 30 tahun. Bagi Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) pula had umurnya adalah 35 tahun. Kementerian Pendidikan tidak ada membuat apa-apa keputusan baru tentang perkara ini.

**PROGRAM PEMBANGUNAN  
RAKYAT TERMISKIN—  
BILANGAN TERCICIR**

**62. Tuan Kerk Kim Hock** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah anggota keluarga yang dipercayai tercicir daripada menerima bantuan menerusi PPRT dan apakah sebabnya;
- (b) berapakah orang penghulu dan ketua kampung yang telah disenaraihitam kerana mengaku fakir untuk mendapatkan bantuan menerusi Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT); dan
- (c) apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang melakukan penipuan.

**Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:**

- (a) Pelaksanaan projek-projek untuk keluarga termiskin dijalankan berperingkat-peringkat dan

berterusan. Dengan itu, memang ramai lagi keluarga termiskin yang masih belum mendapat bantuan di bawah pakej PPRT dan ini bukan bermakna mereka tercicir.

- (b) Kerajaan tidak ada menerima aduan secara rasmi tentang Penghulu dan Ketua Kampung yang mengaku fakir untuk mendapatkan bantuan di bawah PPRT.
- (c) Sehingga kini belum ada kes penipuan yang dapat dikesan. Dengan itu tiada tindakan diambil terhadap mereka yang melakukan penipuan.

**SPORTS TOTO DAN 4D DI  
NEGERI SARAWAK**

**63. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) mengapa perjudian Sports TOTO dan 4D dipulihkan dalam negeri Sarawak pada 9hb Januari 1992 sungguhpun mereka diharamkan oleh Kerajaan Negeri mulai 1hb Januari 1992; dan
- (b) adakah Kementerian telah menerima sebarang surat atau memorandum daripada Parti Gerakan berkenaan dengan isu perjudian. Jika ya, nyatakan tarikh menerima surat atau memorandum itu dan apakah isi kandungannya.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat soalan (a) telahpun dijawab pada 6hb Mei 1992.
- (b) Mengenai soalan (b), setakat hari ini Kementerian Kewangan tidak menerima sebarang surat atau memorandum dari Parti Gerakan berkenaan dengan isu perjudian.

### HASIL SETEM/DUTI

**64. Tuan Lim Hock Seng** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan pada masa ini hasil Setem Duty diperolehi siapa, Pos Malaysia atau Kerajaan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Untuk makluman Yang Berhormat, Pos Malaysia cuma menjadi wakil untuk menjual setem hasil bagi pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri. Hasil jualan setem tersebut diserahkan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk diakaunkan sebagai hasil Kerajaan. Pihak yang bertanggungjawab terhadap pungutan dan untuk menentukan setem/duti dibayar ialah Jabatan Hasil Dalam Negeri.

### PERSIDANGAN KEDUA MENTERI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN—HASIL

**65. Tuan Lau Dak Kee** meminta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauhmanakah hasilnya daripada Persidangan Kedua Menteri Negara-Negara membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan yang telah diselesaikan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Hasil Persidangan Kedua Menteri Negara-Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan telah dijawab semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Pagoh pada 14 Mei 1992. Dalam hubungan ini, tiada apa-apa perkara tambahan hendak dimaklumkan.

### PEMBUANGAN SISA-SISA TOKSIK—SENARAI KILANG/ SYARIKAT

**66. Tuan Lau Dak Kee** meminta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan menyenaraikan nama-nama syarikat dan kilang-kilang

yang terbabit dengan membuang sisa-sisa toksik sewenang-wenangnya mengikut negeri masing-masing. Sebutkan tindakan telah diambil terhadap mereka.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Setakat ini tiada syarikat dan kilang yang membuang sisa-sisa toksik dengan sewenang-wenangnya. Bagaimanapun ada terdapat beberapa syarikat dan kilang yang telah membuang sisa-sisa toksik dengan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan. Syarikat dan kilang berkenaan telah dikenakan kompaun oleh Jabatan Alam Sekitar.

### MEMBURUKKAN NAMA NEGARA DI LUAR NEGERI— TINDAKAN UNDANG-UNDANG

**67. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bercadang untuk menggubal undang-undang supaya warganegara Malaysia yang memburukkan nama negara di luar negeri dapat diambil tindakan yang sewajarnya atau menahan Pasport Antarabangsanya supaya orang yang berkenaan tidak lagi berpeluang untuk mengulangi perbuatan yang derhaka dan keji itu.

**Tuan Ong Ka Ting:**

(a) Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk menggubal satu undang-undang bagi mengambil tindakan ke atas mereka yang memburuk-burukkan nama negara di luar negeri, kerana undang-undang sedia ada adalah mencukupi.

Kementerian ini sentiasa mengikut gerak-geri mereka yang disyaki dan sekiranya perlu Kementerian tidak akan teragak-agak bertindak umpamanya meminta Jabatan Imigresen menarik balik pasport dan lain-lain dokumen perjalanan yang telah dikeluarkan kepada mereka.

### TANGGAGAJI POLIS—HASIL KAJIAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

68. **Tuan Foo Piew Kok** minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil kajian Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkenaan dengan tanggagaji yang diterima oleh Polis sekarang adalah sangat rendah berbanding dengan kakitangan Kerajaan yang lain. Mengapa tanggagaji Polis kena mengkaji begitu lama sehingga sekarang belum dapat diselesaikan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Sepertimana yang telah dimaklumkan dalam Dewan ini pada 30 April 1992 yang lalu, kajian menyeluruh yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam tahun 1991 sehingga terlaksananya Sistem Saraan Baru (SSB), berkuatkuasa 1 Januari 1992 meliputi juga perkhidmatan Polis di-Raja Malaysia. Sehubungan dengan itu, kedudukan relativiti saraan anggota-anggota Polis berbanding dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain sebagaimana yang ditetapkan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 telah diambilkira dan dikekalkan di bawah SSB. Oleh yang demikian, tidak timbul lagi soal mengadakan kajian berasingan bagi pasukan Polis.

### INFLASI—LANGKAH MEMBENDUNG KENAIKAN

70. **Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa kadar inflasi bagi tahun 1991 sebanyak 4.4% tidak mencerminkan keadaan kenaikan kos sara hidup yang sebenar, sebaliknya harga-harga barangan keperluan seperti makanan dan pakaian, harga rumah dan kadar sewa rumah telah naik dengan ketara antara 10% hingga 50% secara kasar;
- (b) apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memben-

dung inflasi secara yang wajar bagi mengurangkan bebanan yang terpaksa ditanggung oleh golongan pendapatan rendah terutama yang tinggal di bandar.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Soalan Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telahpun dijawab pada 30 April 1992 iaitu semasa saya menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Santubong.

### PROJEK JALAN RAYA BEAUFORT-KUALA PENYU- MENUMBOK—KEDUDUKAN

71. **Tuan Nurnikman bin Abdullah** meminta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah kedudukan projek jalan raya Beaufort-Kuala Penyumumbok pada ketika ini. Sudahkah Kerajaan meluluskan projek ini dan bilakah kerja-kerja pembinaan akan bermula. Sementara itu adakah Kerajaan akan meningkatkan kerja-kerja pembaikan atau to upgrade the maintenance work.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek memperbaiki jalan raya dari Beaufort ke Kuala Penyumumbok telah diluluskan oleh Kerajaan. Bagaimanapun pelaksanaannya akan dijalankan secara berperingkat kerana peruntukan siling RM6 yang terhad. Tambahan peruntukan akan dibuat dalam kajian separuh penggal RM6. Untuk makluman, kerja-kerja penyenggaraan biasa akan dibuat di laluan berkenaan mengikut keperluan dan keutamaan.

### PENDATANG TANPA IZIN— TINDAKAN

72. **Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan-tindakan tegas yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap pendatang-pendatang

tanpa izin selepas 30 Jun 1992 termasuk sistem pengawalan;

- (b) adakah Kerajaan telah mendapat kerjasama daripada negara jiran untuk mengatasi masalah tersebut; dan
- (c) berapakah anggaran jumlah pendatang tanpa izin mengikut negara asal dan berapa ramai telah menyahut seruan Kerajaan dan telah mendaftarkan diri; dan
- (d) adakah Kerajaan bercadang untuk membolehkan mereka yang berdaftar menjadi warganegara Malaysia jikalau berkelayakan.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Selepas 30 Jun ini, Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI) yang belum berdaftar. Antara tindakan yang akan dibuat ialah:
  - (i) Mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir mereka.
  - (ii) Mendakwa orang-orang yang didapati memberi perlindungan kepada PATI.
  - (iii) Meningkatkan rondaan dan pemeriksaan di kawasan perairan dan sempadan yang disyaki.
- (b) Operasi ini tidak memerlukan kerjasama negara-negara asing. Walau bagaimanapun Kerajaan telah memaklukkannya kepada Kedutaan asing yang terlibat.
- (c) Kerajaan tidak mengetahui jumlah Pendatang Tanpa Izin (PTI) yang berada di negara ini kerana kemasukan mereka ke sini adalah secara tidak teratur. Walau bagaimanapun, jumlah PATI yang telah berdaftar di

Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 15 April 1992 adalah seramai 83,634 orang.

- (d) Urusan pendaftaran PATI dan urusan permohonan kewarganegaraan adalah dua perkara yang berasingan. Tujuan pendaftaran ini dibuat adalah untuk mengesahkan kehadiran PATI yang mana melaluinya pas kerja akan dikeluarkan untuk membolehkan mereka bekerja secara sah di negara ini.

**KES PENIPUAN KE ATAS  
PENGUNA—BILANGAN**

**73. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman** minta Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) bilangan kes penipuan ke atas pengguna yang telah berjaya dikesan setakat ini;
- (b) bentuk-bentuk penipuan yang telah dilakukan; dan
- (c) jumlah rampasan yang telah diperolehi dan tindakan yang telah dikenakan terhadap peniaga-peniaga yang terlibat.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:**

- (a) Sejak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna diwujudkan pada 27 Oktober 1990 sehingga 30 April 1992, Kementeriannya telah mengambil tindakan ke atas 6,011 orang peniaga berhubung dengan kes penipuan. Jumlah denda yang dikenakan pula ialah sebanyak \$970,076.00.
- (b) Bentuk-bentuk penipuan yang sering dilakukan oleh peniaga ialah:
  - (i) Menggunakan alat-alat timbang dan sukat yang tidak tepat/salah timbangannya;

- (ii) membuat dan menjual barang-barang tiruan atau palsu;
  - (iii) menawarkan kemudahan atau perkhidmatan yang palsu;
  - (iv) mengadakan jualan murah palsu; dan
  - (v) menyiarkan iklan yang mengelirukan atau palsu.
- (c) Jumlah rampasan yang telah diperolehi daripada peniaga-peniaga yang terlibat sepanjang tempoh yang sama ialah sebanyak \$8,418,781.09. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementeriannya telah dan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang didapati melakukan penipuan terhadap pengguna.

**SYARIKAT BUMIPUTERA  
BERDAFTAR MELANGGAN  
SAHAM—JUMLAH**

**74. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) Jumlah syarikat bumiputera yang telah berdaftar untuk melanggan saham-saham yang diperuntukan kepada bumiputera di dalam terbitan awam;
- (b) apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada syarikat-syarikat; dan
- (c) apakah keutamaan yang diambil-kira dalam pengagihan ini.

**Tuan S.S. Subramaniam:**

- (a) Setakat ini sebanyak 832 buah syarikat bumiputera yang telah berdaftar dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan

Industri sebagai pelabur bumiputera yang berminat untuk melanggan saham-saham yang diterbitkan.

- (b) Syarat yang dikenakan kepada syarikat-syarikat bumiputera yang berminat untuk berdaftar sebagai pelabur bumiputera adalah seperti berikut:

- (i) Modal dibayar syarikat hendaklah sekurang-kurangnya \$25,000;

- (ii) syarikat hendaklah memenuhi ciri-ciri berikut:

- (a) 100% ekuiti dipegang oleh bumiputera;

- (b) sekurang-kurangnya 51% penyertaan bumiputera di dalam Lembaga Pengarah;

- (c) sekurang-kurangnya 51% penyertaan bumiputera di dalam peringkat pengurusan dan profesional; dan

- (d) sekurang-kurangnya 51% pekerja terdiri daripada bumiputera.

- (c) Saham-saham yang diterbitkan untuk dilanggan diagihkan kepada institusi-institusi amanah, yayasan-yayasan negeri, dewan-dewan perniagaan dan syarikat-syarikat serta koperasi-koperasi yang berdaftar dengan Kementerian ini. Saham-saham tersebut diagihkan mengikut keutamaan-keutamaan berikut:

- (i) Institusi-institusi Amanah.

- (ii) Yayasan-yayasan Negeri dan Dewan-dewan Perniagaan Melayu.

- (iii) Syarikat-syarikat dan Koperasi yang berdaftar dengan Kementerian.

**RACUN MAKHLUK PEROSAK—  
JAMINAN KESELAMATAN  
PEKERJA**

**75. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan mensyaratkan jaminan keselamatan pekerja yang menggunakan racun makhluk perosak dan langkah-langkah yang diambil untuk menjamin keadaan selamat;
- (b) sama ada Kerajaan ada mencadangkan pengusaha ladang mewujudkan satu skim insurans untuk pekerja-pekerja yang terlibat dalam kerja meracun tanaman; dan
- (c) sama ada terdapat kekurangan tenaga buruh mahir menjejaskan pencapaian matlamat perindustrian negara dan sekiranya ada, dalam bidang apa kekurangan tersebut berlaku.

**Dato' M. Mahalingam:**

- (a) Kerajaan memang ada mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan keselamatan pekerja yang menggunakan racun perosak. Undang-undang yang sedia ada berkaitan dengan kawalan racun makhluk perosak ialah Akta Racun Makhluk Perosak 1974 yang dikuatkuasakan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Pertahanan. Sebelum sesuatu racun perosak digunakan di negara ini, ia mestilah terlebih dahulu didaftarkan dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak di bawah Kementerian Pertanian yang akan memastikan semua racun perosak yang dijual di

negara ini adalah bermutu tinggi, berkesan, selamat digunakan dan tidak mendatangkan kesan buruk kepada pengguna dan alam sekitar. Di samping itu Jabatan Pertanian dengan kerjasama Kesatuan Pekerja-pekerja Ladang Kebangsaan (NUPW) dan agensi-agensi lain menjalankan juga latihan dan memberi ceramah dalam bidang penggunaan racun perosak secara selamat kepada pekerja-pekerja ladang.

- (b) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 memperuntukkan faedah-faedah yang mencukupi jika berlaku sesuatu kemalangan perusahaan atau penyakit khidmat kepada seseorang pekerja yang layak diliputi di bawah Akta itu. Faedah-faedah itu termasuk faedah perubatan, faedah hilangupaya sementara, faedah hilangupaya kekal, faedah pengurusan mayat dan faedah orang tanggungan.
- (c) Kekurangan tenaga kerja mahir, khususnya di sektor perkilangan, tidaklah serius hingga boleh menjejaskan pencapaian matlamat perindustrian negara. Masalah itu didapati wujud di setengah-setengah jawatan sahaja, terutamanya dalam industri-industri mengeluarkan barangan elektrik dan elektronik, tekstil, kayu-kayan dan logam. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh mahir di negara ini seperti berikut:
- (i) Meluluskan dasar pengajian pekerja asing untuk tempoh tidak melebihi 5 tahun bagi sektor-sektor terpilih di mana majikan benar-benar menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerja mahir tempatan;

- (ii) mengecualikan pemegang-pemegang kad pengenalan merah dan penduduk tetap lain daripada mendapat permit kerja di bawah Akta (Sekatan) Kerja 1968;
- (iii) menaikkan had bekerja lebih masa bagi seseorang pekerja daripada 64 jam sebulan kepada 104 jam sebulan;
- (iv) memberi galakan kepada sektor swasta supaya melatih pekerja-pekerja mereka sama ada dengan memperbaiki dan memperkembangkan kemudahan latihan di negara ini ataupun dengan menyediakan galakan cukai yang sewajarnya; dan
- (v) melaksanakan perakuan-perakuan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan dan Pekerjaan.

#### SISTEM CAR POOL—SAMBUTAN

**76. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada cadangan Kerajaan mengadakan sistem "car pool" disambut ramai dan sama ada terdapat kekurangan lalulintas di bandaraya Kuala Lumpur akibat sistem ini;
- (b) sama ada Kerajaan bercadang mengadakan kelas khas bagi lesen memandu untuk pemandu-pemandu van perdagangan dan van kegunaan persendirian; dan
- (c) apakah kegunaan Lapangan Terbang di Subang setelah Lapangan Terbang Baru di Sepang selesai dibina.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:**

- (a) Untuk menentukan sama ada sistem "car pooling" ataupun perkongsian kereta disambut ramai ataupun tidak adalah bergantung kepada faktor penyesuaian bagi setiap individu yang terlibat dalam skim ini. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum melalui media massa, terdapat pelbagai pandangan dan reaksi terhadap sistem ini. Mereka yang menyokong sistem ini mungkin pihak yang tidak terjejas dengan pelaksanaannya kelak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem ini belum dilaksanakan sepenuhnya pada masa ini, maka pengurangan kadar lalulintas di bandaraya Kuala Lumpur tidaklah berapa ketara. Pada masa ini, Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan telahpun menggalakkan pegawai-pegawai dan kakitangannya untuk mengamalkan sistem ini.

Aspek penting dalam pelaksanaan sistem ini ialah pengumpulan maklumat di kalangan anggotanya. Walau bagaimanapun, proses pengumpulan maklumat berkenaan akan memakan masa dan tindakan selanjutnya ialah bagi agensi-agensi yang terlibat memadankan (match) anggota mereka yang boleh mengambil bahagian dalam sistem ini.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987, motokar adalah ditakrifkan sebagai kenderaan motor yang dibina untuk membawa muatan atau penumpang dan berat tanpa muatannya tidak melebihi 3,000

kilogram. Di samping itu, kelas lesen memandu dibuat berdasarkan kepada sesuatu kategori kenderaan.

Oleh kerana van adalah tergolong dalam kelas atau kategori berat tanpa muatan dalam lingkungan yang sama dengan motokar, maka Kerajaan berpendapat adalah tidak perlu mewujudkan kelas atau kategori tertentu bagi lesen memandu van.

Bagaimanapun, ciri-ciri van adalah berlainan daripada ciri-ciri motokar di mana van mempunyai kuasa pecutan (accelerating power) yang lebih rendah dan "center of gravity" dengan izin, yang lebih tinggi, maka ianya menjadikan van kurang stabil berbanding dengan motokar. Dengan demikian, pemandu-pemandu van hendaklah mengambil ingatan mengenai perkara ini dan perlulah lebih berhati-hati semasa memandunya.

(c) Kajian masih lagi dijalankan bagi menentukan apakah kegunaan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang (LTAS) setelah Lapangan Terbang Antarabangsa Baru di Sepang siap dibina kelak. Di antara cadangan-cadangan kegunaan LTAS adalah seperti berikut:

- (i) Pusat baikpulih kapal terbang;
- (ii) kegunaan Tentera Udara; dan
- (iii) General Aviation Centre.

## BEKALAN ELEKTRIK

**77. Tuan Philip Yong Chiew Lip** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan memandangkan selalunya

berlaku pembekalan elektrik terputus di bandar-bandar besar seperti Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan di Sabah:

- (a) apakah rancangan Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini;
- (b) tahukah Kementerian bahawa Sabah mempunyai jumlah gangguan elektrik yang tertinggi di Malaysia;
- (c) adakah Kementerian bercadang untuk mengganti atau membaiki alat-alat janakuasa yang sedang digunakan oleh Lembaga Letrik Sabah supaya gangguan pembekalan elektrik di Sabah dapat dikurangkan;
- (d) dapatkah Kementerian berkenaan mempercepat pembinaan projek elektrik hidro yang sudah dicadangkan di Sabah supaya kekurangan pembekalan elektrik dapat diatasi; dan
- (e) adakah Kementerian tahu bahawa ada pelabur-pelabur luar negeri yang ingin menanam modal di Sabah tidak berminat lagi kerana pembekalan elektrik tidak memuaskan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sedar akan masalah gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah. Gangguan-gangguan bekalan ini kebanyakannya berpunca daripada kerosakan-kerosakan kepada talian penghantaran dan kepada set-set penjanakuasa serta kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan. Buat masa ini, keupayaan penjanaan adalah mencukupi untuk menampung keperluan beban.

Kementerian telahpun menyusun perancangan jangka panjang dan jangka pendek untuk mengatasi masalah bekalan elektrik di negeri Sabah

terutamanya di kawasan-kawasan Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan. Lembaga Letrik Sabah telah berusaha mengurangkan gangguan, bekalan elektrik melalui langkah-langkah berikut:

- (i) menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan/pembaikan/baik pulih ke atas set-set jentera supaya pengeluaran kuasanya dapat dipertingkatkan; dan
- (ii) meningkatkan keupayaan penjanaan dengan menambah set-set jentera di stesen yang mana keupayaannya hanya dapat menampung keperluan masa.

Di samping itu, LLS juga telah mengenalpasti beberapa langkah untuk menambah keupayaan penjanaan demi untuk mempertingkatkan tahap kekukuhan bekalan di negeri Sabah. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Menambah sebuah set turbin wap yang berkeupayaan 15MW di Loji SGI W.P. Labuan dan dijangka mulai beroperasi pada tahun 1994.
- (ii) Menambah 2x20MW set diesel di stesen janakuasa Melawa dan dijangka siap pada tahun 1994.
- (iii) Melaksanakan projek hidro elektrik utama Liwagu yang berkeupayaan 165MW dan dijangka siap dalam tahun 1998.
- (iv) Membina sebuah stesen diesel baru di Sandakan yang berupaya 2x14MW yang dijangka mulai operasi pada awal tahun 1995.
- (v) Menambah 2x14MW set diesel di stesen janakuasa Batu Sapi, Sandakan dan dijangka siap pada tahun 1994.
- (vi) Membina sebuah stesen diesel baru di Tawau dengan memasang keupayaan 2x12MW dan dijangka siap pada tahun 1994.

Kementerian ini telah mengenalpasti beberapa projek hidroelektrik yang berpotensi di negeri Sabah. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan telah diluluskan untuk melaksanakan kajian kejuruteraan bagi projek hidroelektrik Liwagu. Di samping itu, tindakan telah diambil bagi menjalankan kajian kemungkinan di Ulu Padas. Kementerian ini sedar akan pentingnya projek-projek tersebut bagi meningkatkan lagi keupayaan penjanaan kuasa di Sabah.

Gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah telah diperbesar-besarkan oleh akhbar-akhbar tempatan. Adalah tidak munasabah sekiranya pelabur-pelabur dari luar negeri membuat keputusan mereka berdasarkan liputan-liputan akhbar tempatan. Mereka hendaklah menghubungi Lembaga Letrik Sabah atau Unit Pelaburan Negeri Sabah untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai keadaan bekalan elektrik di negeri Sabah.

#### **PEMENDAPAN TAHUNAN SUNGAI-SUNGAI—KOS PEMBERSIHAN**

**78. Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Pertanian menyatakan kadar pemendapan tahunan sungai-sungai di Malaysia:

- (a) berapakah anggaran perbelanjaan tahunan untuk mengelakkan pemendapan dan kerja-kerja membersihkan pemendapan sungai-sungai di Malaysia;
- (b) berapa, peratuskah kos ini daripada peruntukan yang dikhaskan untuk pembangunan; dan
- (c) apakah punca-punca utama berlakunya kadar hakisan dan pemendapan yang tinggi ini serta apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya untuk jangka panjang dan jangka pendek.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:**

- (a) Kerajaan tiada peruntukan khas untuk mengelakkan masalah pemendapan sungai daripada berlaku. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui agensi-agensi, jabatan-jabatan serta pihak-pihak berkuasa tempatan mengenakan syarat-syarat terhadap segala permohonan untuk membuka tanah bagi tujuan pembangunan. Penguatkuasaan syarat-syarat tersebut dan undang-undang berkenaan dijalankan untuk memastikan ianya dipatuhi dan tindakan undang-undang akan diambil terhadap mana-mana pihak yang melanggar syarat-syarat yang dikenakan itu.

Mengenai usaha-usaha membersihkan enapan sungai, Kerajaan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran melaksanakan program pemeliharaan sungai yang bertujuan menyelenggarakan sungai supaya ianya dapat berfungsi sebagai saluran air yang cekap dan berkesan. Di samping program tersebut, Kerajaan juga melaksanakan program tebatan banjir yang di antara lain melibatkan kerja-kerja memperbaiki saluran sungai termasuk mendalamkan dan memperluaskan sungai. Peruntukan yang telah diluluskan bagi program-program pemeliharaan sungai dan tebatan banjir di bawah Rancangan Malaysia Keenam ialah \$55.65 juta dan \$351 juta masing-masing iaitu sejumlah \$406.65 juta.

- (b) Peratus kos yang tersebut daripada peruntukan pembangunan adalah seperti berikut:
- (i) 0.7% daripada jumlah belanjawan pembangunan negara;
  - (ii) 8.5% daripada jumlah belanjawan pembangunan Kementerian Pertanian;

- (iii) 19.5% daripada jumlah belanjawan pembangunan Jabatan Pengairan dan Saliran.

- (c) Punca-punca utama berlakunya kadar hakisan serta pemendapan yang tinggi di Malaysia ialah:

- (i) curahan hujan yang berintensiti tinggi;
- (ii) jenis tanah yang mudah terhakis;
- (iii) topografi permukaan tanah yang curam;
- (iv) aktiviti-aktiviti pembangunan secara besar-besaran termasuklah pembangunan perumahan, industri, pembinaan jalan/lebuhraya, pembalakan, penerokaan kawasan tanah yang luas bagi pertanian dan perlombongan.

Langkah-langkah jangka pendek yang diambil untuk mengatasinya masalah sedemikian termasuk yang berikut:

- (i) menjalankan kerja-kerja mengorek enapan di bawah program pemeliharaan sungai;
- (ii) melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta Kualiti Alam Sekitar yang mana memerlukan kajian penilaian kesan-kesan kepada alam sekeliling (Environmental Impact Assessment Studies);
- (iii) melaksanakan langkah-langkah perlindungan tanah;
- (iv) memastikan supaya syarat-syarat yang dikenakan terhadap projek-projek pembangunan yang melibatkan pembukaan tanah dipatuhi dengan sepenuhnya.

Langkah-langkah jangkapanjang adalah tertumpu kepada aspek pengurusan di mana kegunaan tanah bagi sesuatu kawasan dirancang dan dikawal, dan juga undang-undang yang berkaitan dikuatkuasakan dengan sepenuhnya.

## USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

### RUSUHAN DI THAILAND

3.35 *ptg.*

**Dr Kua Kia Soong (Petaling Jaya):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya memberi notis di bawah Perintah Tetap Dewan Rakyat No. 18(2) memohon izin untuk mencadangkan supaya Dewan Rakyat ditangguhkan bagi maksud merundingkan satu perkara tertentu yang berkepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan dan usul saya itu berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengizinkan Ahli Parlimen Petaling Jaya, Dr Kua Kia Soong di bawah Perintah Tetap Dewan Rakyat No. 18 untuk menangguhkan Dewan bagi maksud merundingkan satu perkara tertentu, berkepentingan orang ramai dan yang berkehendak disegerakan. Iaitu peristiwa di mana kira-kira 650 rakyat Thai ditembak mati, beribu-ribu rakyat Thai dcederakan dan lebih kurang 3,000 telah ditahan oleh tentera Thai di bawah arahan Kerajaan Thai yang dipimpin oleh Suchinda Kraprayoon, Perdana Menteri yang tidak dipilih oleh rakyat Thai berasaskan sebab-sebab berikut:

- (1) 650 orang rakyat Thai telah ditembak mati, beribu-ribu rakyat Thai telah dcederakan dan lebih kurang 3,000 telah ditahan oleh tentera Thai

termasuk wartawan, kanak-kanak dan juga orang awam yang menyertai tunjuk perasaan secara aman ini sejak 18hb Mei, 1992. Angka ini mungkin akan terus naik sekiranya tindakan military Thai diteruskan.

- (2) Ketua Pembangkang Thai, Chamlong Srimuang yang menyertai tunjuk perasaan secara aman ini telah ditahan oleh Kerajaan Thai dan keadaan beliau masih belum diketahui. Jadi adalah perlu bagi Kerajaan Malaysia untuk menyeru Kerajaan Thai untuk melepaskan Ketua Pembangkang Thai, Chamlong Srimuang.
- (3) Adalah amat perlu bagi Kerajaan Malaysia membantah kekerasan yang dilakukan oleh pihak tentera yang diperalatkan oleh Kerajaan Thai ke atas penunjuk-penunjuk perasaan yang pro-demokrasi kerana tindakan rakyat Thai yang merayu Perdana Menteri Suchinda Kraprayoon meletakkan jawatan ini adalah dijalankan secara aman.
- (4) Adalah amat perlu bagi pemimpin negara ASEAN untuk mengambil berat tentang pemeriharaan satu rantau yang demokratik demi kepentingan dan kebaikan rakyat di rantau ini di samping memupuk suasana pelaburan yang baik untuk pembangunan rantau tersebut.
- (5) Memandangkan nyawa ber-puluh-puluh ribu penunjuk-penunjuk perasaan berada di dalam keadaan cemas, khususnya mereka yang sedang menunjuk perasaan di Universiti Ramkamheang. Jadi satu tindakan yang segera

mesti diambil oleh kerajaan-kerajaan antarabangsa, terutamanya kerajaan-kerajaan dalam ASEAN yang merupakan negara jiran negeri Thai untuk mengenakan tekanan ke atas Kerajaan Thai serta menyelamatkan lebih nyawa-nyawa rakyat Thai yang tidak berdosa daripada dikorbankan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Petaling Jaya pagi ini. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (1) Perkara itu tertentu;
- (2) Ia adalah bagi kepentingan orangramai;
- (3) Ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara-perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orangramai. Tetapi pada fikiran saya, perkara ini tidak perlu disegerakan. Kejadian yang berlaku di negara Thailand akan memakan masa untuk diselesaikan. Kejadian itu masih berlaku dan kita tidak dapat menjangka bila akan tamatnya.

Dengan demikian tidaklah perlu hendak disegerakan sehingga menanggungkan mesyuarat pada hari ini. Selain dari itu, Kerajaan kita sedang memerhatikan perkara ini dengan serius dan sedang memikirkan apa-apa tindakan yang patut dan layak diambil

dalam perkara sensitif dan menyentuhi soal rumahtangga orang. Tambahan pula mereka itu adalah jiran tetangga kita dan juga bersama-sama menganggotai ASEAN. Perbincangan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 tidak akan memberi apa-apa faedah, sebaliknya boleh menimbulkan salah faham di antara kedua buah negara sahabat.

Dengan yang demikian, apa-apa tindakan yang akan diambil dan yang patut diambil hendaklah jangan dibuat dengan cara tergesa-gesa dan hendaklah terlebih dahulu ditimbangkan dengan teliti dan biarlah Kerajaan dengan segala budi-bicara mereka membuat apa-apa tindakan yang perlu. Dengan demikian, saya menolak Usul ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG, UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.43 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman):** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, bagi memperluaskan pemakaian Akta itu ke Wilayah Persekutuan Labuan dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1991 ini bertujuan untuk meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Akta 303 supaya Akta

tersebut terpakai bagi Wilayah Persekutuan Labuan. Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 didapati tidak terpakai bagi Wilayah Persekutuan, Labuan kerana pada masa Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 diluluskan pada 23hb Mac, 1984 Wilayah Persekutuan Labuan belum lagi diwujudkan. Wilayah Persekutuan Labuan hanya wujud pada 16hb April, 1984 iaitu melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984. Sehubungan dengan itu, takrif (Wilayah Persekutuan) yang terdapat di dalam Akta tersebut bermaksud Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja. Oleh yang demikian, cara yang teratur dan sah bagi memperluaskan pemakaian Akta tersebut ke Wilayah Persekutuan Labuan ialah dengan membuat pindaan kepada Akta tersebut iaitu sebagaimana yang dikemukakan di Dewan ini pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di sini sukacita juga saya memberikan sedikit penjelasan mengenai Rang Undang-undang ini:

- (a) Fasal 2 bertujuan meminda Seksyen 1 Akta Undang-undang Keluarga (Wilayah Persekutuan) 1984 untuk menampakkan pindaan dan perluasan yang dicadangkan;
- (b) Fasal 3, bertujuan meminda takrif enakmen pentadbiran yang terdapat di dalam seksyen 2 Akta tersebut. Takrif tersebut perlu dipinda memandangkan mula berkuatkuasanya Perintah Wilayah Persekutuan (Pembaharuan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1981, 1984, 1988 dan perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pembaharuan dan Perluasan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1985 dan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984. Fasal ini juga memperuntukkan takrif-takrif Wilayah Persekutuan dan Wilayah-wilayah Persekutuan.

(c) Fasal 5 dan 6 bertujuan meminda Seksyen 52(1)(k) dan 53(1) Akta tersebut supaya Ordinan Lunatik Sabah Bab 74 dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Sabah Bab 123 dapat dimasukkan ke dalam Seksyen-seksyen masing-masingnya, kerana ini adalah undang-undang di Wilayah Persekutuan Labuan.

(d) Dengan penguatkuasaan pindaan ini, bahagian VI dan VII Seksyen 155, 156, 158, 159, 160 dan Perenggan (n), Seksyen 178, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 bagi Negeri Selangor tidak diperlukan lagi dan dengan yang demikian, adalah dimansuhkan dan terhenti terpakai melalui Fasal 8 bagi Wilayah Persekutuan Labuan.

(e) Pindaan-pindaan lain yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini bertujuan membuat perubahan-perubahan kecil atau yang berbangkit kepada Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan penjelasan di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Rang Undang-undang Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1991 di atas adalah perlu supaya pemakaian Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dapat diselaraskan bagi Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tuan Mohd. Noh bin Rajab):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 bagi

memperluaskan pemakaian Akta itu kepada Wilayah Persekutuan, Labuan dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Marang.

3.46 ptg.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi menyertai perbincangan-perbincangan dan perbahasan berhubung dengan Rang Undang-undang (Pindaan) yang berkait dengan Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) sebenarnya terlalu banyak pindaan-pindaan yang perlu dibuat. Kita perlu memahami bahawa Islam sebagai agama sejagat, agama yang menyeluruh dan agama seluruh alam bukan sahaja di dalam konteks Malaysia, dan apabila kita membincangkan di dalam konteks Malaysia, kita perlu menyelaraskan pelaksanaan undang-undang ini bukan sekadar di Wilayah Persekutuan tetapi di seluruh Malaysia. Bukan sekadar untuk Labuan dan Kuala Lumpur, kerana masih terlalu banyak percanggahan yang berlaku di antara negeri dengan negeri kerana undang-undang keluarga Islam adalah berdasarkan kepada apa yang kita warisi dari zaman penjajah Inggeris yang memberi bidang kuasa agama kepada negeri-negeri dan ini masih dilangsungkan dan diteruskan.

Seterusnya, kita perlu memahami dengan tidak menafikan bahawa Undang-undang Keluarga Islam yang terdapat di negara kita ini masih ada yang selaras dengan ajaran Islam dan tepat dengan ajaran Islam, tetapi terkadang terdapat tidak ada keberkesanan di dalam melaksanakan undang-undang. Bukan kerana kesilapan-kesilapan Islam, bukan kerana kesilapan hukum syarak, hukum Allah S.W.T. tetapi kesilapan ialah di dalam pelaksanaan yang perlu difahami oleh kita bahawa pelaksanaan Islam itu adalah tali-menali di antara satu sama lain. Kepincangan yang berlaku di dalam Keluarga Islam perlu dikaitkan dengan

kepincangan yang berlaku di dalam masyarakat dan kepincangan yang berlaku di dalam media massa.

**Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat,** sungguhpun saya suka hendak mendengar apa Yang Berhormat ucapkan itu, tetapi tajuk di hadapan kita ini ialah pemakaian ataupun pindaan kepada Undang-undang (Wilayah Persekutuan) 1984 yang dipanjangkan pemakaiannya di Labuan, bukan di atas cara kesemua sekali di negeri-negeri lain dan sebagainya. Kalau sekiranya Yang Berhormat boleh berucap di atas tajuk di hadapan kita ini, maka itu akan lebih menepati, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan ialah untuk menggambarkan bahawa Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) itu, kita tidak boleh meletakkan kelemahannya kerana Islam, tetapi kelemahannya kerana hujah-hujah yang saya sebutkan tadi, bukti-bukti dan alasan yang saya nyatakan. Kita perlu memahami bahawa di dalam Undang-undang Keluarga Islam termasuklah dalam Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) itu sendiri, terdapat undang-undang manusia bukannya undang-undang Islam, yang tidak ada kena mengena dengan Islam, yang tidak berkait dengan Islam bahkan bercanggah dengan Islam, bahkan ia membahayakan dari segi hubungan kekeluargaan dan akhlak di dalam Islam.

Sebagai suatu contoh, saya ingin menyebut seksyen 46(1) dan 46(2) di dalam Rang Undang-undang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan), ada menyebut:

“(1) Jika salah satu pihak kepada sesuatu perkahwinan itu murtad atau memeluk sesuatu kepercayaan lain daripada Islam, maka perbuatan yang demikian tidak boleh dengan sendirinya berkuatkuasa

membubarkan perkahwinan itu melainkan dan sehingga disahkan sedemikian oleh mahkamah.

- (2) Jika salah satu pihak kepada sesuatu perkahwinan bukan Islam, memeluk agama Islam, maka perbuatan yang demikian tidak boleh dengan sendirinya berkuatkuasa membubarkan perkahwinan itu melainkan dan sehingga disahkan sedemikian oleh mahkamah.”

Kita memahami bahawa perkara itu perlu diregisterkan, perlu dicatatkan oleh pihak Kerajaan. Tetapi masalah membatalkan perkahwinan dan terfasahnya perkahwinan itu mengikut ajaran Islam, ianya berlaku sebaik sahaja murtad itu berlaku. Ianya berlaku sebaik sahaja salah satu daripada kedua belah pihak dalam rumahtangga itu menganut Islam. Ianya berlaku, jika sekiranya pemansuhan perkahwinan itu tertakluk kepada diregisterkan lebih dahulu di mahkamah sebagai suatu hukum, sangat membahayakan di segi akhlak dan boleh menimbulkan bersekedudukan dalam tempoh beberapa lama yang sangat bercanggah dengan Islam dan sangat bercanggah dengan moral. Menunjukkan kepada kita bahawa di dalam Undang-undang Keluarga Islam ini, masih ada lagi undang-undang manusia, yang dinamakan dengan Islam. Dan ini adalah bercanggah dengan Firman Allah s.w.t. di dalam Al-Quranulkarim yang bermaksud: “Kecelakaan bagi mereka yang menulis kitab, buku dan apa sahaja dengan tangan mereka, lalu mereka menyatakan ini daripada Allah, pada hal bukan daripada Allah, untuk membeli dengan harga yang murah, kecelakaan di atas apa yang mereka kerjakan dan kecelakaan di atas apa yang mereka lakukan.”

Oleh kerana itu, kita mengharapkan Kerajaan perlu membuat pindaan dan perubahan kepada perkara-perkara yang seperti ini terlebih dahulu. Dan oleh

kerana ketidakberkesanan di dalam Undang-undang Keluarga Islam ini, membawa kesan kepada kehidupan masyarakat dan keluarga Islam. Ini boleh menimbulkan salah faham orang-orang bukan Islam kepada ajaran Islam dan boleh menimbulkan salah faham di kalangan orang Islam sendiri. Oleh kerana itulah timbul di dalam masyarakat kita, orang Islam sendiri yang tidak yakin kepada Islam, yang menyatakan Islam tidak sesuai, Islam tidak boleh dilaksanakan sekarang dan lain-lain. Inilah hasil daripada ketidakberkesanan daripada apa yang dilakukan. Pada hal bukan itu sahaja Islam dan ianya perlu dikaitkan dengan yang lain dan perlu dibuat pindaan kepada perkara-perkara yang sangat perlu dipinda.

Dari sana terdapat hal-hal yang sangat memilukan umat Islam yang perlu diberi perhatian, umpamanya dalam undang-undang perubahan dalam perkahwinan dan perceraian, Akta tahun 1976 seksyen 51(1) daripada Undang-undang Sivill yang memberi hak kepada orang-orang yang bukan Islam sahaja boleh meminta supaya dibatalkan perkahwinan itu. Dan ini berlaku dalam kes Fedley melawan Majlis Agama Islam Pulau Pinang. Dan ini menandakan masih ada kelemahan-kelemahan yang berlaku di dalam undang-undang pentadbiran Islam yang perlu dipinda dan diubah, bukan sahaja mengubahkan pelaksanaannya kepada Wilayah Persekutuan Labuan tetapi perlu perubahan kepada undang-undang dan hukum sendiri yang merupakan perkara dasar dan perkara yang sangat penting. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Labuan.**

*3.55 ptg.*

**Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit (Labuan):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi meminda Undang-undang Keluarga Islam

(Wilayah Persekutuan) 1984 bagi memperluaskan pemakaian Akta ini ke Wilayah Persekutuan Labuan seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Saya mengalu-alukan usaha Kerajaan bagi memperluaskan pemakaian Rang Undang-undang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ke Labuan, yang mana telah berkuatkuasa pada 29 April 1987 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 1(1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan bahawa Akta ini hanya terpakai bagi Wilayah Persekutuan di mana takrif "Wilayah Persekutuan" yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bermaksud Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja. Oleh itu saya berpendapat bahawa pemakaian ini perlu bagi memperkemas pentadbiran dan juga operasi Jabatan Agama Islam, Wilayah Persekutuan Labuan (JAWI) Cawangan Labuan, ke arah melahirkan keluarga bahagia di kalangan masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, ini akan dapat membantu untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh, ciri-ciri, moral dan etika dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan keharmonian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.

Tuan Yang di-Pertua, pengwujudan sebuah masyarakat yang mempunyai nilai keagamaan dan bermoral dan beretika tinggi dan mulia, tidak boleh diwujudkan dengan serta merta. Ia perlukan suatu pendekatan bersepadu melalui proses pendidikan, latihan serta amalan yang akan mengambil masa yang panjang. Dan dengan adanya undang-undang ini, ianya akan dapat membantu dan mempertingkatkan lagi sistem pengurusan dan penglibatan keluarga Islam di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, kini Jabatan Agama Islam Labuan menjalankan urusan pentadbiran dan pengurusan serta operasinya hanyalah tertakluk kepada bidang kuasa yang diperuntukkan dalam undang-undang.

Yang pertama, ialah Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang memperuntukkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, selaku Ketua Agama Islam Wilayah Persekutuan termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

Yang kedua, ialah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 bagi Negeri Selangor sebagaimana yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan 1974 dan Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian dan Perluasan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1985.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada dua undang-undang yang saya sebutkan sebentar tadi, kita juga menguatkuasakan dan menggunakan Ordinan Mahkamah Anak Negeri, bagi menyelesaikan kes-kes keluarga Islam dan kaum bumiputera Sabah di Labuan seperti perkahwinan, pembahagian harta dan lain-lain. Hubungan Mahkamah Anak Negeri dengan pelaksanaan Undang-undang Islam dan Undang-undang Keluarga Islam ialah dari segi pembahagian harta pusaka sahaja, di mana Mahkamah Anak Negeri menjaga hal ehwal adat kelaziman masyarakat bumiputera di Wilayah Persekutuan Labuan, misalnya dalam kes pembahagian harta-harta pusaka, di mana pewaris mempunyai dua pilihan. Sekiranya keluarga Islam bumiputera mahu pembahagian harta pusaka mengikut adat kelaziman, maka pembicaraan kes ini dijalankan sepenuhnya oleh Mahkamah Anak Negeri dari mula kes ini berjalan, hinggalah selesai dan pelaksanaan perintah mahkamah dalam pembahagian harta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pilihan kedua ialah sekiranya pewaris keluarga Islam ini mahu pembahagian harta pusaka mengikut hukum Islam, maka Mahkamah Anak Negeri terpaksa merujuk kes ini kepada Mahkamah Syariah untuk mendapat keputusan dari segi kadar pembahagian, kemudiannya pelaksanaan kadar pembahagian itu diuruskan oleh Mahkamah Anak Negeri.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa hampir 70% penduduk Labuan adalah bumiputera yang berjumlah sebanyak 54,305 orang kini dan hampir kesemuanya adalah beragama Islam, maka saya merasakan sudah tiba masanya untuk mengadakan satu undang-undang baru. Dengan ini, saya ingin menyarankan supaya diadakan satu undang-undang yang akan memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah dan bagi membolehkan dan melaksanakan sepenuhnya urusan pembahagian hartapesaka masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan Labuan. Dan dengan ini bukan bererti akan menghapuskan kuasa Mahkamah Anak Negeri. Ianya akan kekal atau akan diperkekalkan tetapi penggunaan kuasa Mahkamah Anak Negeri ini hanyalah dikuatkuasakan bagi menyelesaikan kes-kes yang melibatkan keturunan bumiputera yang bukan beragama Islam yang terdapat di Labuan.

Sebelum ini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyarankan agar satu kajian terperinci yang dibuat ke atas penggunaan undang-undang Mahkamah Anak Negeri ini dan kesesuaiannya dengan konteks masyarakat Islam di Labuan kini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini juga saya ingin menyentuh beberapa masalah yang melibatkan pendudukan Islam di Wilayah Persekutuan Labuan. Yang pertama ialah masalah keluarga di mana sistem kekeluargaan masyarakat Islam

di Labuan adalah berbentuk dan keluarga tradisi yang masih berpegang kuat kepada adat-istiadat tempatan dan fahaman kurang tepat masih terdapat dalam amalan kekeluargaan seperti dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, berkhatan, kematian dan seumpamanya, dan manakala pembahagian pesaka masih kecenderungan diuruskan mengikut sistem adat tidak mengikut undang-undang Islam seperti yang saya nyatakan tadi.

Masalah kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah penglibatan golongan muda di dalam aktiviti agama ini hanyalah dalam bentuk hiburan Islam seperti hadrah-marhaban, nasyid dan ujian tilawah sahaja. Penglibatan belia dalam kegiatan agama seperti kursus-kursus kefahaman dan kursus-kursus lain berbentuk kemahiran kurang mendapat sambutan daripada muda-mudi Islam ini.

Dan yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah arak. Seperti kita sedia maklum bahawa penjualan arak adalah berleluasa di Labuan dan dengan harga yang murah kerana ianya barangan bebas duti. Walaupun penjualan arak di Wilayah Persekutuan Labuan pada dasarnya untuk non-Muslim dan pelancong non-Muslim tetapi yang ramai menjadi pelanggan adalah orang-orang Islam. Dan orang-orang Islam minum arak secara terbuka di restoran-restoran, di pusat-pusat hiburan dan sebagainya. Ini adalah menjadi masalah atau menjadi kesulitan pihak penguatkuasa Jabatan Agama Islam untuk membanterasnya. Walaupun dimaklumi bahawa adalah menjadi kesalahan jika seorang Islam membeli, menjual dan meminum arak di bawah peruntukan 151 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor 1952 sebagaimana yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan yang saya nyatakan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, gejala-gejala negatif akibat dengan ketagihan arak ini maka bertambahlah kes-kes keruntuhan dan porak-perandanya rumahtangga orang Islam. Dan selain daripada itu,

terdapat juga di mana kes-kes pelajar sekolah sudah mula meminum arak. Perkara-perkara yang saya sebutkan ini perlu diberikan perhatian dengan serius oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu mengurangkan masalah ini, saya ingin mencadangkan agar lebih ramai pegawai-pegawai penguatkuasa ditempatkan di Labuan dan memperbanyakkan lagi pegawai-pegawai agama bagi membantu Jabatan Agama Islam Labuan untuk mempertingkatkan status kegiatan masyarakat Islam sama ada dari segi pengetahuan amalan, perancangan dan kegiatan sosial ke arah yang dikehendaki oleh orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya menyentuh tentang pengwujudan sebuah masyarakat yang mempunyai nilai keagamaan yang bermoral dan beretika tinggi dan mulia tetapi ianya tidak boleh diwujudkan serta-merta. Ia perlukan satu pendekatan yang bersepadu melalui proses pendidikan, latihan serta amalan yang akan mengambil masa yang panjang. Kalau pendekatan awal melalui proses pendidikan, maka kita perlu menjaga kebajikan para pendidik atau para guru-guru agama yang bertugas di sekolah-sekolah Islam seperti kualiti pendidikan yang disampaikan itu berada di suatu tahap yang memuaskan. Masalah gaji ataupun elaun guru-guru sekolah agama ini saya timbulkan di sini kerana saya melihat masalah ini akan menjadikan penghalang kepada kelicinan dan pembangunan pendidikan agama Islam di Wilayah Persekutuan Labuan.

Rata-rata, elaun-elaun guru-guru agama ini hanyalah di lingkungan \$300 sebulan dan guru-guru besar diberi sedikit elaun tambahan. Dan memandangkan sara hidup yang begitu tinggi di Wilayah Persekutuan Labuan, bayaran elaun dan sebagainya \$300 ini tidak mencukupi. Apatah lagi kalau guru-guru ini didatangkan dari Semenanjung ataupun Sabah di mana

mereka terpaksa mendapatkan rumah-rumah sewa dan kemudian kalau yang baru bertugas memerlukan kenderaan dan kalau semuanya dibayar, maka yang tinggal ialah sebahagian kecil sahaja daripada gaji ini. Ini akan mendatangkan masalah dan menimbulkan kurangnya minat oleh guru-guru dari luar Labuan untuk berkhidmat dan bertugas di Labuan. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan mengkaji semula kadar bayaran elaun kepada guru-guru agama ini dipertingkatkan sekurang-kurangnya \$500 sebulan dan \$650 kepada guru besar sekolah-sekolah agama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang peruntukan bagi aktiviti keagamaan yang diamanahkan kepada Jabatan Agama Islam Labuan yang hanya bagi tujuan pentadbiran mengurus sahaja daripada sumber Perbendaharaan dan juga Baitulmal, manakala aktiviti pembangunan agama Islam Labuan adalah diurus oleh Jabatan Agama Islam, Kuala Lumpur. Dan saya ingin mencadangkan supaya peruntukan pembangunan ini diberikan terus kepada Jabatan Agama Islam, Labuan supaya aktiviti pembangunan Islam dapat dilaksanakan dengan lebih baik, dengan lebih pesat dan sempurna. Ini adalah memandangkan bahawa pegawai-pegawai yang bertugas di Labuan mengetahui sebenarnya tentang keperluan serta perkembangan pembangunan Islam itu sendiri. Dan kalau ianya diletakkan di Kuala Lumpur sudah tentu akan mendatangkan masalah bagi pegawai-pegawai Labuan untuk membuat perancangan yang betul serta pelaksanaan yang sempurna. Dan saya rasa Jabatan Agama Islam Kuala Lumpur sudah mempunyai tanggungjawab yang luas, yang besar bagi melaksanakan tanggungjawab mereka di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil perhatian di Dewan yang mulia ini untuk membuat sedikit

perbandingan tentang peruntukan perbelanjaan Kerajaan yang diberikan kepada Jabatan Agama Islam, Labuan untuk tujuan mengurus. Pada tahun 1988, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$449,900, pada tahun 1989 sebanyak \$574,400, pada tahun 1990 sebanyak \$733,900 dan pada tahun 1991 sebanyak \$758,100, dan manakala perbelanjaan yang disumbangkan daripada Baitulmal pula ialah pada tahun 1988 sebanyak \$140,000, pada tahun 1989 sebanyak \$148,294, 1990 sebanyak \$181,420, pada tahun 1991 sebanyak \$284,003 dan pada tahun 1992 sebanyak \$388,961.

Dan kalau dibandingkan, Tuan Yang di-Pertua, dengan peruntukan yang akan dibelanjakan dalam Rancangan Malaysia Keenam, dalam sektor ekonomi sahaja diperuntukkan sebanyak \$179.473 juta, sektor sosial diperuntukkan sebanyak \$108.92 juta dan sektor keselamatan diperuntukkan sebanyak \$25.344 juta dan pentadbiran sebanyak \$47.88 juta yang berjumlah sebanyak \$361.61 juta bagi Rancangan Malaysia Keenam. Kalau kita bandingkan dengan peruntukan yang diberikan untuk pembangunan Islam hanyalah kurang daripada \$1 juta setiap tahun. Ini jelas bahawa peruntukan ini adalah tidak seimbang dan apa yang kita khuatir Kerajaan telah memberikan peruntukan yang begitu besar kepada sektor-sektor lain, sektor ekonomi, sosial dan sebagainya sedangkan peruntukan bagi pembangunan Islam itu hanya diberikan satu peruntukan yang kecil.

Kerajaan mahu melihat pembangunan Labuan itu berkembang sebagai sebuah pusat kewangan yang terkenal, sebagai sebuah pusat pelancongan dan sebagai sebuah pusat perdagangan bebas duti. Tetapi apa yang lahir kemudian sekiranya peruntukan untuk membangun Islam ini hanya sekadar dalam lingkungan \$1 juta setahun, kita khuatir bahawa pembangunan Islam itu akan ketinggalan, tidak mampu bersaing dengan pembangunan dalam sektor-sektor lain.

Kita tidak mahu melihat nanti apabila Labuan ini dibangunkan dengan bangunan-bangunan yang moden tetapi terdapat sebuah masjid atau surau yang usang, tanah perkuburan dengan semak-samun menjadi tempat bersarangnya "penyamun" seperti kata Ahli dari Kuala Kedah. Jadi, ini kita tidak mahu. Kalau boleh peruntukan diberikan untuk pembangunan Islam itu haruslah seimbang atau sejajar dengan pembangunan dalam sektor-sektor yang lain.

Saya juga dalam kesempatan ini ingin menyentuh tentang keperluan yang perlu diwujudkan untuk kemajuan Islam di Wilayah Persekutuan Labuan. Di antaranya ialah supaya organisasi Jabatan Agama Islam Labuan ini diperbesarkan dan pegawai-pegawai serta kakitangannya ditambah atau diperbanyakkan lagi.

Yang kedua ialah tentang peralatan supaya Jabatan Agama Islam di Labuan ini diberikan peralatan yang mencukupi seperti komputer dan ini termasuk juga surau dan sekolah-sekolah agama.

Yang ketiga ialah pembinaan masjid dan surau baru ini perlu dilaksanakan bagi menganti masjid-masjid dan surau-sarau yang sudah usang ini.

Yang keempat ialah sekolah menengah agama perlu diwujudkan di Wilayah Persekutuan Labuan. Ini adalah merupakan hasrat masyarakat Islam di Labuan dan kini kita sudah mempunyai lebih daripada lapan buah sekolah agama di Labuan dan saya rasa sudah tiba masanya bagi Kerajaan untuk menubuhkan sebuah sekolah menengah agama ini.

Yang kelima ialah tentang peruntukan untuk membersihkan atau memperindah tanah-tanah perkuburan ini kerana kita tidak mahu melihat kawasan lain cantik tetapi kawasan tanah perkuburan ini terbiar.

Yang keenam ialah surau-surau atau masjid-masjid perlu didirikan di taman-taman perumahan untuk memudahkan umat Islam beribadah.

Yang ketujuh ialah rumah anak yatim, rumah orang tua, rumah orang miskin dan rumah saudara-saudara baru ini perlu juga diwujudkan di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, suatu peruntukan perlu disediakan dan dirancang dari sekarang supaya halacara pembangunan Islam itu selari dengan pembangunan Labuan secara total. Satu tabung hendaklah disediakan yang bertujuan untuk mengimbangkan pembangunan Islam itu supaya dapat bersaing dengan pembangunan dalam sektor-sektor yang saya telah sebutkan tadi.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan supaya institusi-institusi yang berasaskan kepada Islam ini perlu memperluaskan aktiviti-aktiviti ke Wilayah Persekutuan Labuan seperti Bank Islam, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam, Takaful dan lain-lain. Semua undang-undang mengenai Islam ini yang dipakai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini perlu diperluaskan ke Labuan. Sebagai contohnya, Perintah Wilayah Persekutuan, Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1988 masih belum diperluaskan ke Wilayah Persekutuan Labuan. Akibatnya pelaksanaan denda dalam jenayah syariah adalah sangat rendah dan tidak memberikan kesan kepada pesalah.

Contohnya kesalahan minum arak ini dendanya tidak lebih daripada \$25 bagi kesalahan pertama. Contoh kedua ialah kesalahan makan dan minum di bulan Ramadhan dendanya tidak lebih daripada \$25 bagi kesalahan pertama. Pada hal kalau mengikut Perintah Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1988 ini dendanya adalah seperti berikut. Kesalahan minum arak (Seksyen 151) ialah \$1,000 atau penjara

tidak lebih daripada enam bulan atau sebat tidak lebih daripada enam sebatan. Bagi kesalahan kedua tadi iaitu makan dan minum di bulan Ramadhan ini di bawah Seksyen 152, denda sebanyak \$300 atau dipenjarakan tidak lebih daripada dua bulan bagi kesalahan pertama. Ini sedikit sebanyak akan dapat memberikan kesan kepada pesalah-pesalah dan kalau denda yang hanya \$25 ini, saya rasa tidak akan memberi kesan-kesan kepada mereka yang terlibat dalam kesalahan kes ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menyarankan supaya pihak Kerajaan dapat memberi perhatian kepada beberapa perkara yang telah saya sebutkan tadi bagi mempertingkatkan pembangunan Islam di Wilayah Persekutuan Labuan itu supaya dapat bersaing dengan pembangunan-pembangunan dalam sektor lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Klang.

*4.17 ptg.*

**Tuan Fong Kui Lun (Klang):**  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang bernama Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan (Pindaan) 1991 kerana saya memerhatikan ada hubungkaitnya dengan orang-orang bukan Islam bilamana lelaki muallaf yang baru memeluk agama Islam meninggalkan isteri dan anak-anak yang tidak memeluk agama Islam menjalani kehidupan dalam agama asalnya. Perkara yang saya perkatakan ini ada kaitannya dengan Rang Undang-undang atau keseluruhan Akta yang hendak kita perkatakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya izinkan saya memberi sedikit pandangan ke atas pindaan yang dicadangkan ini

walaupun saya bukan beragama Islam. Masalah yang sedang berlaku dalam masyarakat Malaysia ketika ini ialah apabila seorang yang beragama bukan Islam memilih untuk memeluk agama Islam, hubungan keluarga sama ada isteri, anak-anak, ibu bapa dan seluruh keluarga yang tidak turut memeluk agama Islam akan terputus. Ini bererti beliau dikira bercerai dengan isterinya dan segala harta benda yang masih di atas nama simuallaf tidak berhak dituntut oleh bekas isterinya atau anaknya apabila simuallaf tadi meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, jika simuallaf tadi tidak ada waris selepas beliau meninggal dunia, ini bererti harta pesakanya akan menjadi hak baitulmal.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menemui masalah seperti ini dan ini merupakan suatu keperitan bagi keluarga bekas isterinya apabila terpaksa menjalani kehidupan dengan penuh susah payah. Si bekas isteri tadi tidak mempunyai pekerjaan dan anak-anak masih kecil. Jadi, apakah remedi kepada persoalan ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menjumpai apa-apa peruntukan dalam Akta atau Rang Undang-undang ini bagi memberi sedikit ruang untuk keluarga si isteri bernafas. Adakah Kerajaan berkehendakkan si isteri dan anak tadi memohon bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk sara hidup mereka sekiranya mereka tidak berupaya untuk bekerja atau membiarkan mereka menjalani kehidupan dengan mengemis. Inilah hakikat hidup yang ada di dalam masyarakat Malaysia dan saya ingin menyatakan pendirian saya bahawa saya tidak bermain prasangka dan saya sebenarnya bermaksud mengajak Dewan yang mulia ini mencari jalan keluar kepada persoalan ini seperti kata pepatah: "Menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung tidak tumpah atau berselerak".

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya disediakan peruntukan dalam Akta bagi membenarkan keluarga yang ditinggalkan memperoleh sedikit bahagian dari harta pesaka si mati. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua: Arau,** selepas ini diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

*4.21 ptg.*

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong supaya Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ini diperluaskan pemakaiannya ke Wilayah Persekutuan.

Saya tidak mahu menyentuh perkara-perkara yang telah disentuh oleh rakan-rakan saya tadi, terutamanya daripada Marang, kerana saya kurang arif tentang perkara yang tersebut, tetapi amatlah teringin saya untuk mendengar jawapannya, supaya saya juga tidak confuse.

Yang keduanya, saya hendak sentuh ini, sebab Yang Berhormat kawan saya dari Labuan ada sentuh tadi. Dia ada menyebut, walaupun dia ada sedikit lari, tetapi ada hubung-kait, dia ada menyebut tentang pihak Kerajaan dalam usaha untuk memperluaskan pemakaian ini sehingga ke Labuan supaya melaksanakan perkara-perkara tertentu termasuklah sekolah agama. Jadi yang saya hendak sentuh ini ialah sekolah agama yang saya ingat ada hubung-kait sampai ke Universiti Islam Antara-bangsa dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah melawat beberapa buah sekolah agama terutamanya Sekolah Agama Wilayah Persekutuan, iaitu yang saya hendak sentuh di sini. Apabila anak-anak ini masuk ke sekolah agama, cara hidupnya cukup bagus, saya setuju, tetapi yang penting ini ialah di peringkat umur yang anak-anak ini harus membesar, apakah

mereka ini harus diasingkan dengan aktiviti-aktiviti yang berbentuk aktiviti ko-kurikulum? Yang saya hendak tekankan ini, saya beri contoh iaitu Sekolah Agama Wilayah Persekutuan di Kajang—saya terpaksa isytiharkan kepentingan saya, kerana anak saya ada di sana. Saya lihat bahawa aktiviti-aktiviti ko-kurikulum ini termasuk juga sekolah-sekolah agama yang lain, yang saya lihat seolah-olahnya ini merupakan acara persendirian, pada hal di peringkat umur ini, anak ini harus membesar, dan apabila dia membesar dia harus dibentuk supaya dia mempunyai badan yang sihat, fizikal yang sihat dan sebagainya, tetapi kalau sekiranya tidak dibentuk, tidak ada sesuatu usaha yang membolehkan dia menjadi manusia yang sihat, aktif dan sebagainya, saya takut ianya mendatangkan kesan kepada proses pembelajaran. Maaf kata, apakah mungkin kalau kita lihat ada terdapat kumpulan anak-anak di bawah pergerakan Arqam. Saya pun pernah tegur sebab ramai kawan-kawan saya di sana, sekarang pun ramai kawan-kawan saya dalam Arqam—itu kena isytihar. Saya lihat aktiviti-aktiviti ko-kurikulum ini, yang penting seolah-olahnya diabaikan, pada hal itu menjadi asas utama kepada anak-anak dalam proses pembesaran, di peringkat kita ini tidak apalah, seminggu tiga kali kita hendak keluar peluh pun okay, ataupun setengahnya sebulan sekali, itu sebab setengahnya badan melebeh dan sebagainya, tetapi yang penting, yang di peringkat untuk membesar ini ianya harus dibesarkan secara sistematik. Pakaiannya okay, all clear, tetapi seolah-olah apabila masuk sekolah agama ini, alam dan dunia mereka sudah ke tepi dari alam dunia yang lain, maka sudah pasti sekolah-sekolah agama ini tidak akan dapat mengeluarkan yang terkenal. Ini saya rasa mungkin memang bukan tujuan sekolah agama ke arah itu, mereka pasti tidak akan dapat mengeluarkan pasukan badminton terkenal, pasukan bolasepak, pasukan memanah, dia tidak akan dapat mengeluarkan kerana mungkin itu menjadi tujuan utama, iaitu kita hanya mementingkan kepada soal-soal pelajaran.

Saya melihat ini tanpa prejudice, dengan izin, supaya sesuatu harus dibuat, dan penekanan ke arah pembesaran anak-anak ini jangan dimatikan ke tahap itu. Jadi walaupun banyak kita mencadangkan sekolah-sekolah agama termasuk di Labuan kawasan Yang Berhormat Abdol Mulok, kita kena perhatikan perkara ini, dan anak Yang Berhormat pun satu hari akan masuk ke sana, kena tengok. Kalau proses pembesaran ini tidak diatur dengan secara sistematik, anak-anak kita akan menjadi anak-anak yang lemah. Saya takut dianya bersambung-sambung, sebab kita yang mahu sekarang, manusia, anak Malaysia, generasi masa depan yang sihat, yang unggul, yang tertib, yang tahu berpadu, yang tahu peraturan Parlimen, tidak seperti Ahli-ahli dari DAP, terutamanya Yang Berhormat dari Kepong—yang saya hormati dahulu, sekarang saya sudah tidak hormat—sebab dia tidak tahu peraturan Parlimen sekarang dan dia sudah merendahkan dirinya ke martabat seperti setengah-setengah kawan-kawannya yang lain, yang bercakap tidak mengikut peraturan . . .

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Bukit Bintang bangun.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Okay, no problem.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat dari Arau kata dia tidak hormat Yang Berhormat dari Kepong. Jadi saya hendak mendapat penjelasan daripada dia sama ada beliau masih hormat kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas, oleh kerana kelmarin dia hendak tumbuk orang dalam Dewan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jawablah.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab, kita jawab satu persatu, bila bercakap Pasir Mas, kita bercakap Pasir Mas, tetapi sekarang ini untuk Kepong dahulu, sebab Kepong dia tidak bercakap mengikut apa yang sepatutnya. Sekarang ini dia sudah terbawa-bawa dan malah telah dimimpikan dirinya untuk memikirkan MAIKA. Saya ingat silap-silap isterinya dipanggil "oh! MAIKA" tengah-tengah malam—mana tahu, dia sudah mimpi. Soalan yang tidak berkenaan pun dia tanya fasal MAIKA, ini saya hendak memberi contoh. Yang Berhormat dari Kepong . . . .

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**...dan Yang Berhormat dari Bukit Bintang pun saya hormat, kedua-dua ini saya hormat, tetapi kalau sudah mula menyeleweng jangan ikut perangai orang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**...kita mesti bawa diri, dan identiti sendiri supaya kita sentiasa dihormati dan merupakan Ahli Parlimen DAP yang boleh diterima pakailah. Yang lain-lain itu amat sukar.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong minta jalan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong minta jalan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Dia minta penjelasan atau jalan?

**Dr Tan Seng Giaw:** Penjelasan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ini, you tidak hormat pada saya, cakaplah hendak penjelasan, tengok sini dan katakan "saya hendak penjelasan", saya beri.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya mematuhi Peraturan-peraturan Tetap. Saya tengok pada Tuan Yang di-Pertua. Itu satu cara yang betul, bukan hendak tengok ke situ, tidak penting tengok ke situ. Yang penting sekali di dalam Majlis Mesyuarat ke arah Pengerusi, itu peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham iaitu sebagai Pengerusi FAMA, sekarang ini dia sangat berminat dengan 'Lazariah' dan sebagainya. Sekarang ini pula hendak puji Kedah, kerana dia kata di Kedah itu pengeluaran mempelam akan melebihi daripada Perlis, Perlis ada lebih 1,000 hektar ditanam dengan mempelam yang baik, tetapi sekarang dia kata di negeri Kedah itu pengeluaran mempelam akan mengatasi Perlis, bila-bila masa, dan dia angkat negeri Kedah sekarang. Itulah sikapnya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Apa penjelasannya?

**Dr Tan Seng Giaw:** Yang keduanya, minta penjelasan, adakah dia tahu walaupun Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dua hari yang lepas, dia kata anaknya tidak ada kaitan dengan MAIKA Holdings atau dengan Advance Personal Computers Sdn. Bhd, tetapi menurut business cardnya dia jadi Pengurus Besar? Semalam pun saya sebutkan tiga alamat yang ada di England, di Australia dan juga di Sentul, Kuala Lumpur. Adakah dia sedar hal seperti ini? Adakah dia sensitif? Sebagai Pengerusi FAMA, kita berharap dia tidak akan mencontohi teladan seperti itu.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur sebab dia berminat mengikuti perkembangan

saya, walaupun dia tidak minat pandang, dia hanya minat pada Tuan Yang di-Pertua, tetapi sekali lagi dia hanya bercakap, selepas itu dia pandang belakang juga, dia pun melelong. You doktor, you balik check tengok di mana silapnya itu. Tetapi saya bersyukur sebab Yang Berhormat berminat tentang FAMA, dan saya cadangkan kepada Yang Berhormat selepas ini balik makan "Lazaria", sudah pasti Yang Berhormat akan jadi sihat macam saya, boleh panjat gunung, boleh buat macam-macam. Walaupun sebagai doktor, jangan ingat Yang Berhormat sihat, mungkin tidak sihat di mana-mana tempat tertentu, tetapi kalau makan daging arnab "Lazaria", badan boleh sihat—I can guarantee you on that.

Itu sebab Yang Berhormat bukan sahaja Yang Berhormat telah mimpi dengan MAIKA, Yang Berhormat sudah teruk sedikit. Yang saya hendak tekankan di sini . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Arau kata dia panjat gunung dan sebagainya. Setahu saya dia pergi ke Morib sahaja. (*Ketawa*) Tinggal di Rumah Selangor, itu sahaja dia buat. Panjat gunung pula. (*Ketawa*) "Gunung" mana saya tidak tahulah. (*Ketawa*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, Yang Berhormat baca kenyataan saya di Morib, tetapi Yang Berhormat kalau boleh datang ke pejabat saya, saya boleh tunjuk rangkaian sijil-sijil mendaki Gunung Kinabalu dan Gunung Tahan. Itu satu kebanggaan. Rangkaian you know, bukan satu dua, rangkaian itu yang saya ingat mana-mana DAP, mana-mana Ahli Parlimen tidak boleh lawan saya. Sebabnya, saya makan arnab.

Okay, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat dari Kepong yang saya hormati supaya soal MAIKA ini cari tajuk yang sesuai. Ini cuba tengok yang sesuai pada hari ini, Yang Berhormat hendak bangkit, bangkit. Selepas itu kita lawan habis-habisan. Sebab kita memang suka lawan.

Tengoklah mana-mana bawah SOCSO mana Yang Berhormat boleh bangkit, bangkit. Tetapi ini soal keluarga Islam . . . .

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat hendak cakap fasal Keluarga Islam.

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Arau sama ada beliau sedar kelmarin atau dua hari dahulu Yang Berhormat dari Pasir Mas meloncat keluar dan juga pushed Yang Berhormat sendiri hampir jatuh di dalam Dewan dan datang ke sini untuk menumbuk orang. Sama ada kelakuan begitu bolehkah Yang Berhormat yang duduk tepi dia, bolehkah dihormati oleh Yang Berhormat ataupun Dewan yang mulia ini?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Kalau mengikut undang-undang di mahkamah, saya rasa DAP bersalah sebab DAP menunjukkan perbuatan lucu padanya. Jadi, dia meradang, ini provokasi. Dari segi undang-undang tanya lawyer. Makna kata itu salah. Dari segi moral satu-satu, sebab tunjuk lucu dia melompat ke sana, samalah lebih kurang . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat teruskan ucapan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Jadi, makna satu-satu . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Cukuplah Yang Berhormat. (*Ketawa*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, jadi saya ingin menyambung fasal—secara serius sebab saya diganggu dengan bermacam-macam tadi, saya pohon supaya anak-anak kita yang dididik di sekolah agama sama ada mereka yang dididik di sekolah agama, sama ada mereka terdiri dari orang Islam yang dihantar ke sana atau yang bukan Islam, tetapi jangan mereka ini diasingkan dengan dunia luar, kokurikulum dunia luar. Itu yang saya hendak beri perhatian. Dan diminta cikgu, guru-guru yang berada di sana terutamanya guru-guru agama Wilayah Persekutuan itu dan mereka pula ada rumah quarters di dalam compound sekolah. Jadi, apakah mungkin perhatian diberi dalam program kokurikulum ini untuk membolehkan pembesaran anak-anak yang saya ingat patut diberi perhatian supaya dibuat dengan secara sistematik dan bukan dibuat dengan secara begitu sahaja. Yang penting di sini supaya anak-anak ini bukan sahaja muncul sebagai orang-orang yang maju di dalam bidang pelajaran, tetapi juga dalam bidang-bidang lain. Kita tidak mahu sekaligus kalau masuk sekolah agama, dunia sudah habis daripada dunia luar, tetapi kalau masuk ke sana kita mahu dia lebih terbaik, lebih baik apakah mungkin daripada tempat-tempat lain. Ini cadangan saya kerana saya melihat sendiri dan mengalami sendiri dan mungkin benda ini tidak berpanjangan.

Kemudian akhir sekali saya hendak sentuh fasal perkataan 'sebat', Yang Berhormat ada sebut 'sebat'. Sebab hukuman ini dijatuhkan di Mahkamah Syariah ataupun di mahkamah mana dicontohkan saya kurang pasti. Jadi, saya terbaca Yang Berhormat dari Marang, saya baca ucapan habis fasal hukum hudud, sebab hukuman sebat di penjara ini lain. Sebat di penjara saya tengok siapa yang sebat di penjara saya pernah tengok, bukan kawan saya, ada orang sebat di penjara, sekali sebat dia akan seumur hidup dia akan dapat bebas. Jadi hukuman sebat apakah betul ataupun berlawanan. Sebab hukuman ini dibuat

di Mahkamah Syariah, sebab Yang Berhormat sebut dalam hukum hudud itu bahawa dalam Islam, cara hendak pegang rotan macam mana dan tidak boleh terlampau kuat dan sebagainya. Jadi, makna pukulan itu adakah pukulan akan dibuat secara hukum hudud—bukan hukum hudud, qisas . . . .

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Hudud.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Hudud, terima kasih. Elok dia tegur sebab saya tidak pandai. Sama dibuat dalam cara bentuk hukum hudud ataupun hukuman dalam mahkamah biasa. Sebab kalau sekiranya kalau mengikut hukuman hudud cara pegang—terdapat orang-orang yang dilatih dalam bentuk yang dikehendaki oleh Islam ataupun kita hendak pakai yang pukul di penjara tidak kiralah Benggalikah, Melayukah. Adakah kita hendak pakai yang dibuat di dalam mahkamah biasa? Dan itu pertanyaan saya sebab sebagai orang Islam, sebab ini melibatkan keluarga Islam, saya ingin bertanya perkara-perkara yang saya ingat saya perlu tahu dan kawan-kawan lain yang seperti saya juga perlu mengetahui. Jadi, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

4.35 ptg.

**Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih atas ulasan perbincangan yang dikemukakan oleh 4 orang Ahli Yang Berhormat, iaitu dari Arau, Labuan, Klang dan terutamanya dari Marang. Ulasan terakhir yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Arau mengenai sekolah menengah kebangsaan agama yang dimaksudkan tidak di bawah Jabatan Agama. Sekolah-sekolah itu ialah di bawah Kementerian Pendidikan. Insya Allah, perkara ini

akan kita sampaikan dan membuat kajian. Tetapi mengikut pengalaman dan pengetahuan saya ko-kurikulum di sekolah-sekolah berkenaan berjalan seperti biasa seperti sekolah-sekolah lain, tetapi mungkin ada sedikit-sebanyak kekurangan atau bilangan pelajar tertentu yang mengabaikan. Tetapi dari segi dasarnya adalah sama.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan, sepertimana yang telah ditetapkan bahawa JPA, agensi-agensi Pusat bersama dengan Jabatan Agama Wilayah Persekutuan sedang mengkaji tentang penyusunan semula organisasi dan aktiviti-aktiviti Jabatan Agama di Wilayah Persekutuan. Begitu juga tentang penambahan pegawai-pegawai dan sebagainya. Segala ulasan dan cadangan akan diambil perhatian, insya Allah, akan dilaksanakan.

Bagi Ahli Yang Berhormat dari Klang menyebut soal pemisahan mengenai memeluk agama Islam kemudian ahlinya yang tidak memeluk agama Islam dihalang daripada mewarisi. Bagi menjawabnya ini adalah kehendak Islam iaitu perbezaan agama tidak boleh waris-mewarisi.

Ahli dari Marang berbicara, yang pertama sekali tadi beliau menyebut tentang percanggahan Negeri-negeri. Ini bukan bidangkuasa Dewan Rakyat untuk mengendalikannya. Walau bagaimanapun, di Jabatan Perdana Menteri iaitu Bahagian Hal Ehwal Islam, suatu Jawatankuasa Peringkat Tinggi telah ditubuhkan oleh Kerajaan sejak tahun 1984 iaitu jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Penyelarasan Hukum-hukum, Undang-undang Sivill dan Syarak. Dan sekarang ini jawatankuasa ini sedang menumpukan perhatian kepada penyelarasan pentadbiran undang-undang pentadbiran hukum syarak di Negeri-negeri dan telahpun digubal beberapa rang undang-undang supaya diambil-pakai oleh Negeri-negeri. Sebagai misalan,

Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam di Wilayah Persekutuan dihantar kepada Negeri dan Negeri mengambil-pakai.

Perkara yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang tadi mengenai murtad kena disahkan dahulu oleh mahkamah, baru dikatakan murtad dan dibaca pula ayat Al-Quran bahawa yang dibuat itu bukan hukum Islam kerana ayat itu berbunyi: 'Neraka wail bagi orang yang menulis Kitab'. Kitab bererti Injil, Taurat dan Quran itu, mereka-reka bahawa ini ayat Al-Quran dituju kepada orang, bukannya tidaklah boleh dibaca. Mengenai perkara murtad hendaklah disahkan, ini memang ada dalam . . . .

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Marang bangun.

**Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tidak dapat, saya tidak habis lagi, nanti sekejap saya terangkan. Kalau tidak jadi berdebat, orang keliru. Perkara murtad mesti disahkan murtad. Siapa hendak disahkan dalam pentadbiran negara kita ini—mestilah mahkamah. Tetapi kita ada caranya, apabila disyaki murtad sahaja, ada cara, ada kuasa mahkamah dan pentadbiran nikah-cerai di Jabatan Agama bahawa suami-isteri itu mesti dipisahkan.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Marang bangun lagi Yang Berhormat.

**Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Ya, silakan.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, masalah yang pertama ialah masalah bersekedudukan. Sebelum disahkan oleh

mahkamah, kadang-kadang memakan masa dan ini menyebabkan berlakunya bersekedudukan dalam keadaan murtad. Kita tidak menafikan bahawa ianya perlu disahkan oleh mahkamah. Bagaimanakah penyelesaian untuk mengatasi masalah bersekedudukan ini?

Yang kedua, apa yang saya sebut dalam ayat Quran tadi ialah mereka yang menulis kitab dengan tangan kemudian mengatakan ini dari Allah. Apa yang berlaku dengan menggubal undang-undang yang dinamakan undang-undang syarak tetapi bukan daripada hukum syarak termasuk dalam masalah sebab sebagaimana yang disebutkan tadi.

**Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tentang bersekedudukan itu, saya cakap belum habis, Yang Berhormat terus hendak tanya itu. Apabila disyaki murtad, pemisahan mesti diadakan. Ada penguatkuasaan memisahkan suami-isteri apabila disyaki seorang telah murtad hinggalah mahkamah menjatuhkan hukum, barulah penyelesaian muktamad dibuat. Jadi, tidaklah ertinya kita membiarkan mereka bersekedudukan tetapi kalau benda itu tidak diketahui, kita tidak dapatlah kerana benda tidak dapat diketahui. Itu sahaja yang dipastikan ataupun yang saya katakan tadi menulis kitab itu, Islam membenarkan kita cara mentadbir, ada cara mentadbir. Ertinya, mengenai murtad ini, siapa hendak jatuhkan hukum murtad, siapa hendak tentukan, mestilah mahkamah. Jadi, itulah yang kita katakan Islam memberi kelonggaran kepada kita untuk mencari jalan mentadbirkan hukum itu.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Marang bangun lagi Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, ini mengelirukan sebabnya di dalam Islam, ada nas yang mengatakan berkenaan

dengan murtad dan di sana ada hukuman yang dihadkan yang bersabit dengan murtad dan di sana ada perkara yang berkait dengan pentadbiran di dalam mengendalikan hukum murtad. Apa yang menjadi masalah, soalnya adakah di dalam undang-undang pentadbiran agama Islam negara kita pada hari ini sudah ada undang-undang yang berkait dengan murtad?

**Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Ahli Yang Berhormat itu mengkait-kaitkan soal lain, bukan soal hukum Undang-undang Keluarga Islam. Dia sudah pergi jauh kepada soal murtad—apa hukum, apa hendak buat dengan orang murtad? Yang kita dok bincang ini, Undang-undang Keluarga Islam. Apabila seorang murtad, apa kita hendak buat apabila salah seorang ini murtad? Ertinya mereka mesti dipisahkan tetapi soal perbincangan kita ini ialah siapa hendak menentukan dia murtad?

Ahli Yang Berhormat tadi hendak bagi apa hukum orang murtad pula, fasal apa tidak bunuh orang murtad. Itu soal lain, bukan ada hubungan dengan pindaan Rang Undang-undang ini.

Semasa Yang Berhormat buat mukaddimah tadi pun Yang di-Pertua telah tegur. Jauh sangat, dok bercakap hal lain pun dok corner pergi ke situ juga. Ada banyak kali sangat dok ulang. Kalau kita check *Hansard* pun hal itu juga. Jadi, Tuan Yang di-Pertua sendiri pun naik muak kerana ulang-ulang kali sangat hal itu, perkara yang sama.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat . . . .

**Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Jadi, itulah jawapan saya mengenai ulasan-ulasan yang dibuat. Saya tidak ada tambah, segala perhatian yang lain akan diambil kira oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak beri lagilah. Sila duduk, ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 8* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) (No. 2)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.47 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):** Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) (No. 2) 1992 dibacakan kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) (No. 2) 1992 ini bertujuan untuk membolehkan beberapa

peruntukan dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992 dikuatkuasakan mulai 1hb Januari 1992. Mungkin Ahli Yang Berhormat masih ingat lagi Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992 telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada persidangan yang baru lalu dalam mana ianya telah dibincangkan dan dibahaskan dengan panjang lebar dan diluluskan.

Memandang isi kandungan Akta itu masih segar dalam ingatan Ahli-ahli Yang Berhormat dan untuk menjimatkan masa Dewan yang mulia ini, adalah wajar Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) (No. 2) 1992 yang dibentangkan kali ini tidak dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua, antara peruntukan-peruntukan penting dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada persidangan yang baru lalu iaitu termasuk memperluaskan skop bencana kerja untuk meliputi kemalangan yang berlaku semasa dalam perjalanan pergi atau balik kerja umpamanya supaya lindungannya lebih bermakna lagi.

Kedua, mengurangkan syarat kelayakan caruman bagi faedah-faedah di bawah Skim Pencen Ilat supaya lebih ramai lagi pekerja dan tanggungan mereka dapat menikmati faedah-faedah di bawah skim itu.

Ketiga, memperbaiki tempoh bayaran pencen ilat dan keempat, melonggarkan syarat pergantungan bagi ibu-bapa atau datuk-nenek untuk tujuan kelayakan faedah orang tanggungan atau pencen penakat supaya menyenangkan lagi mereka memenuhi syarat kelayakan bagi faedah-faedah itu.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rang Undang-undang Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992

telah diwartakan pada 20hb Februari 1992. Menteri Sumber Manusia berhasrat untuk menguatkuasakan beberapa peruntukan dalam Akta itu khususnya mengenai empat perkara yang saya sebut tadi mulai 1hb Januari 1992 memandangkan ia akan memberi manfaat kepada pekerja-pekerja dan tanggungan mereka lebih awal lagi.

Di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak majikan dan pekerja atas sokongan yang telah diberikan kepada Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memenuhi hasrat itu masalah perundangan telah ditimbul. Pindaan yang dicadangkan sekarang ini akan dapat mengatasi masalah perundangan yang telah ditimbul itu. Dengan lulusnya pindaan yang dicadangkan ini, peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan perkara-perkara yang disebutkan tadi dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992 itu akan dapat dikuatkuasakan mulai 1hb Januari 1992.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat ini bukan sahaja memberi faedah kepada para pekerja dan tanggungan mereka, tetapi juga memperkukuhkan perhubungan tiga pihak iaitu Kerajaan, majikan dan pekerja. Saya juga ingin menegaskan bahawa Kementerian Sumber Manusia sentiasa mengambil perhatian berat ke atas kehendak-kehendak kaum pekerja dan sedapat boleh cuba memenuhi harapan mereka selaras dengan konsep Masyarakat Penyayang. Saya harap Rang Undang-undang ini akan mendapat sokongan penuh dari Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau):** Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial

Pekerja (Pindaan) 1992 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Bayan Baru.

4.52 ptg.

**Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian membincang Rang Undang-undang bagi meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1992. Saya amat tertarik dengan permintaan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi supaya perkara ini tidak perlu dibincang langsung dan terus disokong.

Kasihannya saya terpaksa bangun untuk membahaskan satu pindaan yang begitu penting dan saya rasa Timbalan Menteri perlu bersedia untuk mencatat segala-gala yang akan dibangkitkan supaya dapat memberi jawapan-jawapan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi untuk dikuatkuasakan pada 1hb Januari 1992 adalah dialu-alukan. Namun demikian, ada lagi berbagai masalah yang perlu dipertimbangkan dan perlu dilihat secara serius oleh pihak Kementerian Sumber Manusia yang sekarang ini cuba untuk memberi berbagai pertolongan kepada pekerja-pekerja.

Pertamanya saya ingin menyentuh tentang penguatkuasaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja ini. Kita lihat masih ramai majikan-majikan yang cuai, yang gagal untuk menyempurnakan statutory obligation mereka bagi mencarum kepada Tabung Keselamatan dan Sosial ini. Walaupun apa jua yang telah dilakukan selama ini, kita lihat masih ramai majikan-majikan yang gagal menyempurnakan tanggungjawab mereka. Ini mungkin kerana hukuman-hukuman ringan yang ditetapkan seperti yang ada pada masa kini, iaitu majikan yang gagal mencarum kepada Tabung Keselamatan dan Sosial hanya

dikenakan hukuman selama dua tahun ataupun dikena hukuman penjara selama enam bulan.

Hukuman yang seumpama ini tidak menakutkan majikan-majikan dan dengan sebab itulah kita lihat ramai majikan-majikan tidak kisah untuk membuat caruman kepada Tabung Keselamatan dan Sosial ini.

Yang kedua, kita lihat di pihak Kementerian Sumber Manusia penguatkuasaan terhadap mereka yang gagal menyempurnakan statutory obligation mereka bagi mencarum kepada Tabung Keselamatan dan Sosial ini tidak diperketat ataupun diperhebatkan. Dan kemungkinan ada majikan-majikan yang boleh terlepas disebabkan bukan pihak Kementerian Sumber Manusia tidak tahu mereka ini tidak mencarum kepada Tabung Keselamatan dan Sosial, mungkin ada amalan-amalan yang tidak sihat sedang berlaku. Walaupun terdapat banyak majikan-majikan yang tidak mencarum kepada Tabung Keselamatan dan Sosial ini masih mereka bebas daripada tindakan-tindakan yang perlu diambil termasuk hukuman-hukuman yang perlu dikenakan kepada mereka. Jadi saya berharap pihak Kementerian Sumber Manusia akan mengambil berat kepada dua perkara yang disebutkan ini. Pertamanya mereka yang gagal ataupun tidak endah dengan kehendak Akta ini untuk mencarum kepada Tabung Keselamatan dan Sosial dan keduanya kelemahan dalam Kementerian Sumber Manusia sendiri dalam penguatkuasaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap hukuman yang lebih berat dikena kepada majikan-majikan yang tidak menyempurnakan tanggungjawab mereka untuk memastikan caruman itu dibuat.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat negara kita ini sedang mengamalkan satu cara pengambilan kerja yang amat berleluasa iaitu pekerja-pekerja kontrak dan pekerja-pekerja

sambilan. Kebanyakan ataupun boleh dikatakan keseluruhan pekerja-pekerja yang menjalankan kerja secara kontrak dan sambilan di dalam sektor swasta mereka ini tidak diberi perlindungan di bawah Akta Keselamatan dan Sosial Pekerja. Majikan-majikan mereka telah gagal ataupun cuai untuk mencarum kepada Tabung Keselamatan dan Sosial bagi melindungi pekerja-pekerja yang terlibat. Kita berharap pekerja-pekerja kontrak dan sambilan ini juga diberi perhatian yang serius kerana pada hari ini masalah ini bukan hanya melibatkan pekerja-pekerja tempatan malahan beratus ribu pekerja-pekerja asing yang telah memasuki negara ini dan diambil pekerja secara kontrak ataupun sambilan.

Selain daripada lingkungan pekerja-pekerja kontrak dan sambilan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian bahawa ada juga jenis-jenis pekerjaan yang dijalankan di dalam sektor awam yang perlu diberi perlindungan insuran seperti SOCSO ataupun Keselamatan Sosial ini dan pekerja-pekerja itu kebanyakannya di dalam keadaan tertentu tidak diberi perlindungan keselamatan dan sosial.

Saya hairan mengapa Kerajaan mengadakan 'double standard' dalam menginsurankan pekerja-pekerja sama ada mereka ini bekerja di dalam sektor swasta ataupun dalam sektor awam, kerana mereka ini menjalankan jenis kerja-kerja yang terdedah kepada ancaman-ancaman bencana dan ancaman-ancaman yang boleh menggugat kedudukan diri mereka dari segi kesihatan. Mengapakah Kerajaan mementingkan soal Akta Keselamatan dan Sosial Pekerja ini hanya bagi pekerja-pekerja swasta? Kita ambil sebagai contoh, pekerja-pekerja yang bekerja di pelabuhan-pelabuhan yang diuruskan oleh Kerajaan sendiri atau di mana-mana enterprise yang melibatkan bidang pertanian, perladangan dan sebagainya yang dimiliki oleh Kerajaan, mengapakah mereka ini dikeluarkan daripada tertakluk kepada Akta ini? Disebabkan

mereka ini boleh dikatakan kakitangan awam ataupun pekerja-pekerja sektor awam, mereka ini dikeluarkan daripada tertakluk kepada Akta Keselamatan dan Sosial? Walaupun kita tahu bahawa di dalam sektor awam Kerajaan memang menyediakan berbagai-bagai kemudahan tertentu seperti kemudahan perubatan dan sebagainya, tetapi ia tidak ada memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja di dalam sektor awam untuk mendapat sebarang pampasan, sebarang ganti rugi seperti yang disediakan oleh skim insuran yang saya anggap seperti Tabung Keselamatan dan Sosial ini.

Apakah mereka ini juga bukan pekerja-pekerja? Saya rasa masa sudah sampai bagi pihak Kerajaan untuk menimbang supaya Skim Keselamatan Sosial Pekerja ini yang tertakluk kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja juga diperluaskan skopnya supaya dapat meliputi pekerja-pekerja dalam sektor awam, dan seterusnya, kemungkinan sama ada pekerja atau majikan, mereka kurang mengetahui tentang wujudnya Tabung Keselamatan Sosial ataupun Akta Keselamatan Sosial ini.

Oleh yang demikian saya rasa setakat ini, pemberitahuan ataupun publisiti-publisiti yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Sumber Manusia adalah tidak mencukupi. Saya berharap Kementerian Sumber Manusia akan menggunakan seluas-luasnya media massa yang ada seperti TV dan radio untuk mengiklan ataupun memberi publisiti yang seluas-luasnya supaya setiap majikan sama ada majikan yang besar atau majikan yang kecil, sama ada pekerja yang di bandar mahupun pekerja di luar bandar mengetahui tentang kewujudan Tabung Keselamatan Sosial di bawah Akta Keselamatan Sosial ini dan apakah hak-hak mereka sebagai pekerja dan apakah tanggungjawab majikan-majikan yang ada di dalam negara ini.

Kalau ianya sekadar membawa dalam Parlimen kemudian dibukukan dan

disimpan di Kementerian Sumber Manusia dengan diberitahu secara terhad, saya rasa Akta yang seumpama ini sama ada pindaan yang dicadangkan ini termasuk Tabung Keselamatan Sosial yang telah ditubuhkan, ia tidak akan memberi makna dan berkesan dalam segi pelaksanaannya.

Saya berharap Kementerian Sumber Manusia mengambil berat apa yang telah saya sarankan kerana ini satu perkara yang baik, saya tidak menganggap bahawa ini tidak baik, tetapi saya rasa ia perlu dikuatkuasakan, dilaksanakan secara yang bermakna dan berkesan. Kalau tidak, cuma indah khabar dari rupa. Cerita dalam paper, cerita di sini tetapi sebenarnya semua orang tahu pekerja-pekerja tidak mendapat perlindungan daripada Tabung Keselamatan Sosial di bawah Akta Keselamatan Sosial. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Arau dan selepas itu Menteri menjawab.

*5.04 ptg.*

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Yang di-Pertua, point of order kepada Ahli dari Kepong, 41(c) "Ahli-ahli tidak boleh membaca suratkhbar-suratkhbar, buku-buku, surat-surat atau kena mengena kecuali apa-apa yang ada yang dibahaskan." Kita membahaskan mengenai SOCSO, dia baca fasal hudud. *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila letak buku, Kepong.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, supaya dia memberi perhatian kepada ucapan saya pada hari ini, saya bawa banyak fakta-fakta yang boleh dilihat, *(menunjukkan sesuatu)* nampak cantik semuanya ini. Jadi saya minta Ahli dari Kepong untuk mendengar.

Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat dari Bayan Baru, sahabat saya di luar sahaja, di dalam kita selalu bertengkar. Ini bukan pindaan apa-apa, ini cuma pindaan untuk menguatkuasakan undang-undang yang telah kita luluskan dahulu supaya berkuatkuasa pada 1hb Januari. Kalau kita hendak tambah, kita tambahlah. Jangan ingat Yang Berhormat seorang sahaja yang boleh bercakap, kita pun boleh bercakap.

Saya hendak sentuh sedikit secara detail fasal SOCSO ini. Saya bersyukur sebab selalunya Kesatuan Sekerja ini dia jarang-jarang sangat memberi perhatian kepada soal-soal kebajikan pekerja. Dia cuma sentuh tentang yuran pekerja-pekerja ataupun masalah pembuangan pekerja. Perkara pokok mengenai pekerja-pekerja ini kurang sedikit diberi perhatian.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Arau, point of order.

**Tuan Ahmad bin Nor:** 36(1), cakap merepek, di luar daripada tajuk.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila ikut tajuk, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap dia ini boleh pergi ke sekolah dan belajar membaca. Baca betul-betul, "36(1)—Ahli-ahli mesti menyentuh ucapannya kepada perkara-perkara yang sedang dibahaskan", dia tidak sebut merepek. Maknanya Yang Berhormat sudah gila. Kalau sudah gila, balik ke kawasan. Lagi satu, saya kesal sebab ada orang-orang DAP yang tidak pandai membaca Peraturan Mesyuarat. Balik baca 36(1), 36(6), 44(1), 44(6), 44(9), 26(1)(n). Ini perkara-perkara yang DAP harus ingat. Sudah hafal? 36(1) bukan merepek. Saya

sudah hafal, saya tidak perlu bawa buku. Ini Yang Berhormat dari Pasir Mas punya. Saya tidak payah, saya sudah hafal semua. Walaupun saya bukan lawyer tetapi saya sudah hafal semua peraturan-peraturan, ya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh fasal pekerja-pekerja perindustrian dan saya tidak menyertai Pembangkang dalam hal ini. Untuk menyatakan rasa tidak puashati saya dengan cara ikhlas kepada SOCSO dan saya rasa sesuatu harus dibuat terhadap SOCSO ataupun PERKESO ini untuk membetulkan pentadbiran yang ada sekarang.

Untuk itu sebagai latar belakangnya, kita dapati sekarang ini kemalangan perusahaan bertambah. Apabila rakyat bertambah kemalangan perusahaan bertambah. Apabila rakyat bertambah, maka growth ataupun pertumbuhan pekerjaan juga bertambah. Mengikut angka yang saya dapati daripada akhbar-akhbar terutamanya *The Malay Mail* dan juga daripada satu syarikat yang mengadakan seminar baru-baru ini yang saya hadiri bersama, daripada tahun 1987 hingga 1995, didapati jangkaan, dan ini Yang Berhormat Bayan Baru harus hafal sebab ini boleh menambahkan keahlian kesatuan sekerjanya, sebab dia bukan tahu. Dia tahu hanya beratus ribu ahlinya, tetapi dia tidak tahu berapa peratus.

Sebenarnya pertumbuhan sekarang dalam kadar 34%—boleh tulis sekarang, dan GNP kita dari tahun 1987 sehingga 1995 ialah dalam kadar 105%. Ini cukup tinggi. Jadi sekali gus daripada 1987 sehingga 1995 berdasarkan kepada GNP dan juga berdasarkan kepada kadar pertumbuhan pekerjaan ataupun employment growth, maka kemalangan perusahaan dijangka akan meningkat sampai ke kadar 215%. Mengikut laporan dan laporan ini saya dapat daripada SOCSO sendiri, kemalangan perusahaan daripada 1985 sehingga

1989 adalah seperti berikut. Ini laporan yang dibuat, bantuan yang diberi saya tidak tahu:

1985	61,724
1986	68,890
1987	76,482
1988	88,177
1989	107,479

dan kita jangka 1990, 1991, 1992 kemungkinan besar angka ini bertambah. Tetapi ini hanya cover untuk 1/3 daripada tenaga kerja sahaja dan oleh kerana 2/3 lagi ialah majikan-majikan seperti yang Bayan Baru sebutkan tadi, 2/3 tidak dicover dengan SOCSO. Cuma 1/3 yang saya sebutkan ini ialah daripada work-force yang ada sekarang ini.

Berdasarkan kepada keadaan tersebut, maka ini satu angka yang besar dan malangnya saya lihat Kesatuan Sekerja tidak menyentuh perkara ini dengan secara khusus dalam perjuangan-perjuangan mereka. Dia menyentuh hanya soal gaji. Jadi mereka ini kalau orang dapat kerja, dapat gaji, sebab daripada gaji dapat contribute sedikit kepada kesatuan, dia okay. Bila mereka sudah patah kaki, dia tidak sebut, SOCSO tidak sebut. Tiap-tiap hari saya baca akhbar, kesatuan sekerja tidak perjuangkan, dia perjuangkan fasal gaji, perburukkan Kerajaan Malaysia supaya Kerajaan Malaysia ditarik balik keistimewaan-keistimewaan yang ada. Itu yang mereka buat. Yang lain-lain tidak ada diperjuangkan. Yang memperjuangkan ini ialah orang-orang Barisan Nasional, termasuklah saya. Saya hero kepada pekerja-pekerja yang cacat, dia hero kepada pekerja-pekerja yang senang. Orang yang menangis akan berjumpa saya, yang senang baru berjumpa dia. Saya ini memperjuangkan kepada orang-orang yang menangis.

Saya katakan sekali lagi, tiada perjuangan yang khusus yang telah mereka buat. Yang menjadi masalah kepada kita pada hari ini apabila kita melaporkan, Yang Berhormat Timbalan

Menteri, sebab saya adalah salah seorang daripada majikan, banyak kawan-kawan saya, DAP pun ada, ada kedai pun dikira majikanlah, kedai makankah, geraikah, jadi saya salah seorang daripada majikan yang terlibat. Saya tidak pernah tuang dari SOCSO. Kecuali Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru kalau beliau menjadi majikan, saya rasa dia mesti tuang.

Tetapi apabila ada kemalangan, saya pernah ada dua tiga kes yang pekerja saya terlibat dengan kemalangan. Kita lihat, saya sendiri atau majikan sendiri terpaksa keluar wang dahulu kepada pihak hospital ataupun mana-mana panel perubatan kalau sekiranya dia melibatkan kemalangan yang memerlukan rawatan yang lebih daripada itu saya terpaksa menghantar cagaran kepada hospital. Sebab panel-panel doktor itu tidak boleh buat perkara-perkara yang melibatkan kemalangan yang besar.

Jadi, saya sebagai majikan, saya contribute kepada SOCSO. Sepatutnya SOCSO atau PERKESOLah yang sepatutnya mengambil daya usaha untuk melihat pekerja-pekerja ini. Ini majikan, sudahlah saya beri sumbangan, saya lagi sekali terpaksa mengeluarkan sumbangan awal untuk membolehkan dia mendapatkan rawatan. Yang Berhormat Bayan Baru tidak pernah sebut perkara ini. Ini penting. Pernah pekerja saya patah kaki sebab guni padi jatuh, saya terpaksa mengeluarkan modal dahulu dan pihak SOCSO mengambil tiga sampai enam bulan untuk membuat kajian. Undang-undang bagus Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri ini cukup bagus punya Timbalan Menteri. Undang-undang bagus, tetapi pelaksanaannya perlu diperhatikan, Yang Berhormat. Ini kita sudah buat undang-undang, all clear, semua bagus.

Saya minta pengurusan SOCSO fikirlah, bukan saya hendak rosakkan periuk nasi orang tetapi kalau boleh berubah, alhamdulillah. Pastikan supaya SOCSO tampil ke depan dahulu.

Saya hendak beri contoh pasal cerita Bright Sparklers. Siapa sebenarnya yang menolong mereka yang terlibat dengan Brights Sparklers? Yang pertama, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Yang kedua, Ahli-ahli Parlimen pun ada kita beri sedikit. Yang ketiga, dermawan-dermawan, pertubuhan sukarela dan sebagainya. Mana dia nama SOCSO di situ? Mana dia kesatuan sekerja yang beri sumbangan, saya baca suratkhobar, tidak ada. Yang beri sumbangan dermawan-dermawan, pihak ini . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Kerajaan Negeri, tetapi tidak muncul nama SOCSO. Dan SOCSO hanya mengambil masa 12 bulan selepas itu baru membuat laporan mengenai Bright Sparklers. Silakan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat Arau sedar bahawa sekiranya kawalan ketat dikenakan ke atas Bright Sparklers maka tidak wujudlah pengorbanan dan mala-petaka. Dan siapakah yang salah yang membenarkan mala-petaka ini berlaku?

**Seorang Ahli:** Tidak relevant.

**Dr Tan Seng Giaw:** Macam mana tidak relevant kerana selepas dia membenarkan berlaku, baru sahaja dia kata Kerajaan-kerajaan Negeri menghulurkan bantuan. Orang sudah mati, hendak bantuan apa lagi? (*Ketawa*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Soalan ini menarik, tetapi sebenarnya dia tidak bersangkutan sedikit. Tetapi di cadangan akhir saya nanti, saya ada masukkan tiga cadangan yang saya rasa pihak SOCSO perlu beri perhatian. Termasuklah Yang Berhormat sebut itu Yang Berhormat curi idea saya. (*Ketawa*) Tidak apalah.

Tetapi sebenarnya itu adalah cadangan yang saya akan masuk. Ini cadangan yang baik yang kita akan masukkan sebentar lagi.

Ini Bright Sparklers, Yang Berhormat, saya mengikut laporan yang ada di hadapan saya. Saya kurang pasti. Kalau saya silap saya minta maaf, tetapi 12 bulan. Jadi siapakah SOCSO di situ? Adakah Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun Kerajaan Negeri Selangor ataupun mungkin wakil Kepong ada beri \$10, kami ada beri seorang \$100. Atau siapa-siapa? Sebenarnya kita yang jadi SOCSO sekarang. Kita tidak dapat gaji daripada SOCSO sebaliknya kita yang jadi SOCSO, terpaksa beri sumbangan dulu. Sepatutnya SOCSO tampil ke hadapan, Yang Berhormat. PERKESO tampil. Atau Ketua Pengarah dia atau Yang Berhormat sendiri mengumumkan "PERKESO akan pastikan mereka ini...." itu yang betul. Sebab kita mencarum kepada PERKESO atau SOCSO. Tetapi dia jadi lain. Lepas itu sudah 12 bulan.

Ini salah seorang daripada pekerja mari cerita kepada saya. Dia kata saya tidak hendak cerita kepada DAP, sebab kalau cerita kepada DAP dia pusing-pusing nanti kerajaan tidak terima. Baik cerita kepada Barisan Nasional. Saya kata bagus, pergi beritahu semua orang macam itu kena buat kepada kesatuan sekerja, beritahu Barisan Nasional sebab kita cakap betul. Kita ada angka-angka yang baru teringat kalau-kalau macam kuning, merah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi persoalan sekarang kita beri sumbangan kepada SOCSO dan saya mendapat laporan bahawa caruman yang diberi, saya kurang pasti angka ini. Tetapi lebih kurang \$300 juta setahun ataupun mungkin \$900 juta; saya kurang pasti. Ini berdasarkan kepada 1/3 daripada work force yang ada sekarang, kita contribute sebanyak \$300 million. Tetapi kalau semua orang carum, makna kata

SOCOSO akan mendapat \$900 million, besar. \$900 million banyak. Seumur hidup saya tidak akan dapat duit ini.

Jadi, hal ini semakin serius sekarang. Mengikuti laporan daripada *Malay Mail* pada 20.4.92 yang didasarkan kepada laporan daripada sebuah syarikat yang menganjurkan seminar ini terdapat di antara 2 sehingga 3 orang rakyat Malaysia yang mati dalam kemalangan industri tiap-tiap hari. Dua ataupun tiga. You tahukah Bayan Baru, dua ataupun tiga orang, banyak. Saya tidak pernah dengar daripada kesatuan sekerja sebut benda ini dekat saya. Dalam Parlimen pun tidak pernah disebut. Tengok mana *Hansard* ada sebut? Tidak ada. You tidak pernah perjuang macam ini. Dan satu kemalangan bagi tiap-tiap 5 minit. Kena ingat ya, tiap-tiap 5 minit satu kemalangan berlaku berdasarkan 1/3 daripada work force yang mendaftar dengan SOCOSO. Kalau semua daftar, makna kata 3 kemalangan dalam 5 minit. Ini yang tidak dilapor lagi dua. Mana pergi?

Mengikuti kajian yang telah dibuat, kita dapati daripada tahun 1987 sehingga sekarang Kerajaan telah rugi sebanyak \$1 bilion tiap-tiap tahun. Dan kita kerugian hampir \$4 bilion dari segi pengeluaran, dari segi keuntungan, dari cukai gaji, cukai-cukai lain dan sebagainya termasuk 20% kerugian dalam belanjawan kesihatan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Saya juga mendapat laporan yang SOCOSO beritahu kepada saya bahawa pada tahun 1989, \$24 juta ataupun 40% daripada kutipan telahpun dibuat pembayaran. Tetapi yang saya hendak tekankan di sini sebab Tuan Yang di-Pertua pun sudah masuk, saya percaya benda ini harus dicepatkan. Yang saya hendak beri penekanan kepada semua pihak, kepada Yang Berhormat Menteri pada hari ini ialah sesuatu harus dibuat supaya pengurusan SOCOSO memberi perhatian kepada perkara-perkara ini.

Dan akhir sekali, yang ini penting. Kita tidak mahu SOCOSO hanya beri perhatian kepada kemalangan apabila kemalangan itu berlaku. Tetapi kita mahu SOCOSO membuat follow-up ataupun membuat sesuatu untuk memastikan mereka yang terlibat dengan kemalangan, dalam peringkat rawatan juga SOCOSO terlibat secara langsung. Sebab bagi kita, bila kita beri sumbangan kita perlukan keselamatan, pencegahan dan lain-lain lagi. Akhirnya kita sampailah ke peringkat rawatan.

Tidak ada kesatuan sekerja yang beri perhatian kepada pekerja-pekerja yang telah cacat naik kerusi roda, tidak ada. Mereka tidak ada, mereka tunggu yang bekerja. Yang tidak kerja dia kira pergi mampuslah. Yang bekerja sahaja diberi perhatian oleh mereka sebab ini boleh beri caruman kepada mereka terutamanya ahli dari Bayan Baru. Tetapi yang kita mahu sekarang SOCOSO beri perhatian.

Maka kita cadangkan supaya SOCOSO—apakah mungkin, saya kurang pasti sekarang apakah SOCOSO badan berkanun sekarang—bukan badan berkanun, supaya SOCOSO bergerak ke arah itu. Sebab untuk hendak melibatkan satu-satu kemalangan, kita terpaksa pergi kepada banyak pihak. Polis dan macam-macam pihak yang kita kena pergi. Yang kita mahu sekarang ini semuanya supaya kita pergi kepada SOCOSO. Bila pekerja saya ada kemalangan dulu saya terpaksa pusing macam-macam jabatan akhirnya baru sampai. Itu pun laporan sudah penuh, SOCOSO tengok laporan sudah clear, okay dia pun beri. Sepatutnya SOCOSO yang buat bagi pihak saya, bukan saya. Jadi SOCOSO seharusnya menjadi one-stop agency. Mungkin boleh bergerak sebagai badan berkanun. Saya minta maaf kepada pegawai-pegawai SOCOSO yang ada di belakang sana itu, ini teguran membina supaya memperbaikinya. Undang-undang sudah ada pada tuantuan. Duit pun ada. Yang penting tuantuan.

tuan ini bergerak sesuatu supaya SOCSO menjadi pelindung kepada pekerja, bukan kesatuan sekerja. Kesatuan sekerja dia buat kacau sahaja.

Jadi, dalam usaha untuk kita bergerak ke arah tersebut, yang pertama sekali kita mesti pastikan pencegahan. Kepong! ini soal pencegahan yang you sebut tadi—ini SOCSO kena beri perhatian. Ini kuasa SOCSO. Sekarang kuasa siapa yang buat pencegahan? Selepas pencegahan, kita pasti supaya SOCSO perhatikan—ini SOCSO terima duit sahaja. Dia terima duit tiap-tiap bulan, sepatutnya SOCSO sendiri pergi tengok dan pastikan “oh! ini pekerja-pekerja saya— tidak selamat, tidak boleh. Jadi kalau SOCSO boleh tumpang sekaki ataupun ada kuasa bersama . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong bangun.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Silakan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat Arau menyatakan bahawa pihak SOCSO tidak memainkan peranan yang perlu dimainkan di dalam Bright Sparklers, di mana beberapa orang terkorban akibat kecuai Kementerian Sumber Manusia. Adakah itu maknanya, adakah itu maksudnya, adakah itu yang ditujukan?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Oh, Kementerian ini bagus. Kementerian ini tidak cuai. Masalahnya sekarang ini Kementerian ini tidak cuai, sebab undang-undang yang berhubung untuk mengeluarkan sesuatu lesen, dia macam-macam terlibat, pihak Polis dan lain-lain Jabatan yang terlibat untuk menubuhkan sesuatu kilang. Jadi, sekarang ini sebab SOCSO tidak ada, tetapi SOCSO ini pernah dibuat cadangan oleh banyak pihak termasuk pihak-pihak yang buat seminar baru-baru ini iaitu kita pernah cadangkan—sebab saya ingat Pegawai

SOCSO ada sama pada masa tersebut—mencadangkan supaya melihat perkara ini. Yang kita mahu sekarang ialah supaya SOCSO memberi perhatian kepada perkara ini. Sebab sekarang ini SOCSO tidak ada undang-undang dalam perkara ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Boleh.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa SOCSO ditubuhkan pada tahun 1969 dan malapetaka di Sungai Buloh, Kuala Selangor berlaku pada tahun yang lepas. Entah beberapa tahun diperlukan untuk menjalankan amalan pencegahan. Jadi, apakah salahnya?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tidak. Soalnya, kita contribute— macam kita contribute kepada EPF, tetapi SOCSO cuma melibatkan dari segi memberi pampasan sahaja. Satu sahaja bahagian. Rang Undang-undang ini ada terlibat sedikit, yang saya tengok, pampasan juga melibatkan kemalangan pergi dan balik. Ini sudah bagus, Timbalan Menteriya bagus, Menteriya pun bagus, yang tidak bagus di sebelah sana. Apa yang saya hendak tekankan di sini supaya SOCSO me'restruktur'kan ataupun mengstruktur semula. Yang Berhormat ini ada kuasa penuh—beritahu kepada kawan-kawan kita di belakang itu supaya melihat aspek-aspek pencegahan. Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah tolong beri perhatian, sebab mereka ini sahabat-sahabat saya. Aspek pencegahan—kuasa ini bagus, sekurang-kurangnya kita boleh beri kuasa—SOCSO tidak mahu terima pencaruman sebab kita dapati pekerja-pekerjanya tidak selamat. Sekurang-kurangnya dengan cadangan SOCSO itu kilangnya tidak akan mendapat lesen. Sampai ke peringkat itu.

Kedua, SOCSO boleh memberi nasihat, SOCSO juga terlibat dengan pampasan dan SOCSO juga diminta terlibat dengan pemulihan. Itu ayat yang saya hendak cari tadi. Jadi, pencegahan, pampasan, pemulihan—tiga “P”. Kalau sekiranya SOCSO bergerak ke arah tersebut, sudah pasti saya rasa majikan-majikan pun, kesatuan tidak payahlah menjerit tidak tentu fasal. Kita tahu keselamatan pekerja kita. Bila orang bekerja dengan kita, kita akan beri sumbangan kepada SOCSO. Tetapi pastinya SOCSO buat sesuatu dan saya sedar Pegawai-pegawai SOCSO sebagai Pegawai-pegawai Kerajaan dia ada dia punya ‘pride’. Saya tahu, tetapi zaman sekarang zaman canggih.

Kita harus ingat, masih ramai juga orang-orang yang pandai dan mungkin ada teknologi-teknologi daripada luar yang harus SOCSO ambil kira untuk membuat kajian khusus mengenai cadangan-cadangan 3’P’ saya tadi iaitu pencegahan, pampasan dan pemulihan yang mana SOCSO sekarang hanya terlibat dengan pampasan tetapi itupun mengambil masa dari 3 hingga 6 bulan. Sebab kes insiden di kilang saya—6 bulan, Yang Berhormat. Walaupun saya kenal Menteri dan Timbalan Menteri tetapi saya tidak mahu dilebihkan daripada orang lain. Saya mahu disamakan dengan orang lain. Walaupun sebagai Yang Berhormat mungkin saya boleh dapat sebulan tetapi kami Yang Berhormat Barisan Nasional tidak mahu menggunakan kedudukan kami untuk kepentingan-kepentingan tertentu, kecuali DAP. Saya tahu banyak DAP yang datang minta macam-macam, rekomen warganegarah dan sebagainya, tetapi cukup fasal keadilan tetapi minta rekomen—ini kawan saya, ini adik saya. Orang Barisan Nasional tidak buat begitu. Kita berdasarkan kepada keadilan. Yang kita dapat kemudahan cuma, kalau pergi airport dapat tempat parking “VIP”—itu sahaja, lain tidak ada. Yang lain-lain kita tidak pernah buat—kita mengikut keadilan.

Akhir sekali, sistem 3’P’—ini saya minta, saya tabik pun tidak apa, Yang Berhormat, supaya SOCSO buat macam ini dengan itu SOCSO harus mendapatkan khidmat nasihat luar. Saya tidak nampak yang ada di dalam itu—sebab mereka terlampau sibuk bekerja, dia tidak dapat fikir. Bahagian fikir ini beri kepada mana-mana juruperunding yang boleh membuat sesuatu untuk membuat cadangan yang khusus mengenai perkara ini.

Akhir sekali saya hendak tanya, SOCSO mempunyai wang begitu banyak. Pelaburan SOCSO ini didasarkan kepada macam mana? Dalam bentuk apa? Sebab wang yang begitu banyak—dahulu saya pernah ingat, SOCSO telah melaburkan seperti EPF juga, tetapi apakah bentuk pelaburan itu suatu kriteria yang diterima pakai dan sebagainya? Apakah ada keuntungan kepada SOCSO sendiri, apakah SOCSO berminat dalam bidang-bidang yang memastikan supaya wang yang telah dicarum oleh majikan untuk pekerja ini terselamat dan bertambah dan boleh digunakan untuk kebajikan pekerja-pekerja.

Jadi, saya ingat Yang Berhormat boleh ingatkan terus perkataan saya, iaitu perkataan 3 ‘P’ tadi untuk memastikan supaya SOCSO menjadi badan yang dihormati dan SOCSO akan muncul di mana-mana ada kemalangan dan SOCSO akan sentiasa ke hadapan, jangan benarkan parti-parti pembangkang ambil kesempatan untuk menuduh yang bukan-bukan. Sebab kita mesti tunjukkan bahawa SOCSO ini adalah bapa dan juga pelindung kepada pekerja dan bukan kesatuan sekerja.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Petaling Jaya.

5.27 ptg.

**Dr Kua Kia Soong (Petaling Jaya):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil bahagian dalam Akta

ini untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin membawa perhatian Kementerian Sumber Tenaga Manusia atas satu kes sahaja yang menunjukkan bagaimana keselamatan sosial pekerja telah dianiyai dengan begitu tidak adil sekali, iaitu kes berkenaan dengan seorang pekebun sekolah bernama A. Mariadass. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri pun pernah dengar kes ini. Sepatutnya Akta Keselamatan Sosial Pekerja harus dipinda supaya loop-hole kepada majikan, seperti apa yang saya akan bangkitkan dapat ditutupkan.

Tuan Yang di-Pertua, A. Mariadass adalah seorang pekebun di Sekolah Tamil Estet Valamrossa, Kapar. Selama 24 tahun beliau berkhidmat di sekolah tersebut, tetapi beliau hanya ditempatkan di dalam tanggagaji sementara sahaja. Beliau tinggal di dalam kawasan sekolah dan bertugas sebagai penjaga malam bagi sekolah tersebut tanpa menerima sebarang upah tambahan. Beliau telah mencuba berbagai jalan untuk mendapatkan pengesahan daripada Kementerian Pendidikan serta Jawatankuasa Perkhidmatan Pendidikan supaya menaikkan status beliau ke tingkat yang lebih tinggi tetapi harapan ini tidak dapat ditunaikan sehingga hari ini.

Mariadass mempunyai 7 orang anak dan selama 24 tahun beliau bekerja sebagai pekebun sementara di Sekolah Rendah Tamil ini. Gajinya hanya tetap \$104.00 sebulan. Percubaannya untuk mendapatkan pengesahan telah gagal berkali-kali di tahun-tahun yang lepas dan kesukarannya mendapat pengesahan amat ketara kini kerana beliau dijangka akan bersara pada bulan September tahun depan. Sekiranya beliau masih tidak mendapat pengesahan pada tarikh yang berkenaan, ini bermakna beliau tidak akan memperolehi satu sen pun sebagai ganjaran sara.

Tuan Yang di-Pertua, amatlah menakjubkan sekali bahawa perkara ini berlaku ke atas diri seorang pekerja sektor awam, bukan majikan swasta. Dan Kementerian Pendidikan mesti memberikan penjelasan tentang bagaimana perkara seperti ini boleh berlaku. Sebenarnya, Kementerian Pendidikan telah mengetahui tentang perkara ini sejak tahun 1975 tetapi sampai ke masa kini tiada sesiapa pun yang nampaknya mengendahkan sangat keadaan Mariadas ini, dan kita pula menggelar masyarakat ini sebagai "masyarakat penyayang."

Tuan Yang di-Pertua, adakah kes Mariadas merupakan kes yang tunggal ataupun masih ada lagi banyak kes-kes yang sebegini tidak adil dari segi sosial? Saya harap dapat Kementerian Sumber Manusia ini memberikan satu gambaran yang lebih jelas. Banyak soalan yang perlu dilemparkan berkenaan dengan kes ini seperti berikut. Adakah Mariadas layak menuntut bantuan dari skim golongan paling miskin yang diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini, oleh sebab gaji upahnya hanya \$104? Apakah bentuk keselamatan sosial yang Kerajaan sediakan sementara menggalakkan keluarga yang bersaiz besar seperti yang termaktub dalam polisi 70 juta orang penduduknya itu?

Timbalan Menteri Sumber Manusia sendiri sedar tentang kes ini dan di dalam *Malay Mail* yang bertarikh 25hb Januari 1992, beliau berjanji akan membantu Encik Mariadas yang juga berdaftar di bawah kawasan Parlimen beliau. Tetapi sehingga hari ini nampaknya tidak ada sebarang usaha yang telah dibuat untuk melindungi keselamatan sosial para pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa Kementerian Pendidikan campur tangan dalam kes Mariadas, supaya kes ini tidak akan menjadi ejekan yang lebih teruk lagi di dalam rekod keselamatan sosial pekerja di negara ini. Encik Mariadas meminta perkara yang asas sahaja,

memberikannya satu peluang untuk bersara dengan bangganya di mana beliau dinaikkan taraf ke tangga gaji tetap sebelum dia bersara. Beliau tidak mempunyai sebarang harapan yang cerah seperti yang terkandung dalam Wawasan 2020 Perdana Menteri kita. Saya harap di dalam jawapan Timbalan Menteri, beliau akan memberi satu hadiah yang baik kepada Encik Mariadas itu..Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.34 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, Arau dan Petaling Jaya.

Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru ada sebutkan beberapa perkara dan salah satu perkara ialah mengenai publisiti yang kurang. Saya ingin memberitahu di sini bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang yang 'busy' dengan kerja-kerja mereka, tidak tengok TV ataupun tidak membaca suratkhbar—saya sebagai Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai saya ada berjumpa ataupun melalui media massa memberitahu mengenai kedudukan Akta PERKESO dan jenis bantuan yang boleh didapati dari PERKESO. Kita telah memberitahunya banyak kali dan sekarang pun di beberapa tempat kursus-kursus sedang dijalankan untuk menerangkan kandungan dalam Akta PERKESO.

Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru juga ada menyebut perkara-perkara tersebut di dalam ucapan-ucapan dan hujah-hujah . . . . .

**Tuan Ahmad bin Nor: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Bayan Baru bangun, Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' M. Mahalingam:** Tidak. Perkara-perkara seperti yang diberikan adalah serupa juga.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Jawapan negatif!

**Dato' M. Mahalingam:** Bukan negatif, Yang Berhormat itulah yang negatif.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru juga mengatakan mengenai liputan PERKESO untuk pekerja-pekerja sektor awam. Saya boleh beritahu di sini bahawa Kementerian saya boleh pertimbangkan ini. Bagaimanapun, pekerja-pekerja dalam Badan-badan Berkanun dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan yang tidak diliputi oleh Akta Pencen adalah diliputi oleh Akta PERKESO sehingga masa ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru juga berkata pekerja-pekerja kontrak tidak diliputi di bawah Akta PERKESO. Saya ingin memberitahu di sini, Tuan Yang di-Pertua, ini tidak benar. Pekerja-pekerja kontrak yang diambil bekerja di bawah sesuatu kontrak perkhidmatan dengan gaji \$1,000 atau kurang sebulan adalah tertakluk kepada prinsip "sekali layak terus layak" dan adalah diliputi di bawah Akta PERKESO.

Cadangan dari Ahli Yang Berhormat dari Arau adalah baik. Tiga prinsip yang dia memberitahu, iaitu pencegahan, pengawasan dan pemulihan, adalah satu sistem yang baik. Kementerian saya akan mengambil berat dan akan mengkaji perkara-perkara yang diberitahu oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):**  
(*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong bangun, hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' M. Mahalingam:** Tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan.

**Dato' M. Mahalingam:** Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya memberitahu di sini mengenai kes Mariadas. Kes Mariadas ialah kes di dalam kawasan saya sendiri iaitu Kapar. Dua, tiga bulan yang lalu, beliau telah berjumpa saya. Bila beliau datang, saya beritahu dia supaya memberikan semua perkara dan dokumen-dokumen yang perlu, supaya saya sendiri boleh mengambil tindakan. Tetapi nampaknya Mariadas seorang yang bekerja di SRJK (Tamil) Valamrossa sebagai gardener sementara sahaja. Ini adalah hal untuk Kementerian Pendidikan dan saya sendiri sebagai Ahli Parlimen Kapar menulis surat kepada Kementerian Pendidikan dan kita menunggu keputusan dari Kementerian Pendidikan. Selepas itu Kementerian saya boleh mengambil tindakan. Inilah yang saya ingin memberitahu di sini.

Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Kementerian saya sendiri tadi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN BINTULU (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.40 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin bagi mengemukakan suatu undang-undang yang bernama Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) 1992 bagi bacaan kali yang kedua. Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981.

Sejak pelaksanaan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu pada tahun 1981, Akta tersebut hanya dipinda sekali pada tahun 1987. Kementerian Pengangkutan dan pihak Lembaga Pelabuhan Bintulu telah mendapati bahawa terdapat beberapa perkara yang perlu dipinda demi kelicinan pentadbiran dan bersesuaian dengan keadaan masa sekarang. Pada amnya, pindaan ini boleh dibahagikan kepada tiga perkara iaitu pemaliman, denda dan lain-lain.

**Pemaliman:**

Pada masa ini, hanya malim Lembaga Pelabuhan Bintulu yang boleh memalimkan kapal dalam kawasan pemaliman pelabuhan. Pindaan dibuat bagi membolehkan malim yang bukan pekerja Lembaga Pelabuhan untuk memalimkan kapal dalam kawasan perairan pelabuhan tetapi mereka masih dilesenkan oleh Jawatankuasa Pemaliman Pelabuhan. Dengan demikian, segala peruntukan dalam Akta ini yang mengawasi kegiatan dan kelakuan malim Lembaga perlu dipinda untuk membawa ke dalam lingkungannya malim-malim yang dilesenkan.

**Denda:**

Lembaga Pelabuhan Bintulu bercadang menaikkan denda untuk beberapa jenis kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini. Kenaikan ini perlu memandangkan jumlah yang dikenakan sekarang telah lama dibuat dan adalah tidak sesuai lagi. Kebanyakan daripada denda dinaikkan dari \$500 ke \$2,000, dari \$1,000 ke \$2,000 dan ada juga ke \$5,000. Kenaikan denda adalah untuk kesalahan seperti memberi pernyataan palsu mengenai muatan "tonnage", dengan izin, tuntutan dan dokumen tentang kargo, memberi maklumat palsu tentang paras benaman air kapal atau draught, dengan izin, kegagalan pemunya kapal menggunakan malim Lembaga Pelabuhan atau malim yang dilesenkan untuk memalimkan kapal dalam kawasan pemaliman wajib; menghalang pekerja Lembaga Pelabuhan menaiki kapal bagi tujuan penyiasatan tentang kesalahan yang dilakukan dan mengendalikan kargo melalui pantai pelabuhan off-shore, dengan izin, tanpa kebenaran Lembaga Pelabuhan.

Di samping itu, pindaan juga dibuat untuk memberi kuasa kepada Lembaga Pelabuhan mengenakan denda kepada sesiapa yang melanggar perintah atau arahan dalam mana-mana juga kawasan pelabuhan.

Peruntukan yang sedia ada hanya meliputi kesalahan yang dilakukan di dalam kawasan dermaga sahaja. Satu lagi pindaan memberi kuasa kepada Pengurus Besar Pelabuhan mengenakan kompaun ke atas beberapa kesalahan terhadap peruntukan-peruntukan Akta ini.

**Lain-lain:**

Memperuntukkan kuasa membolehkan Lembaga Pelabuhan menjalankan aktiviti-aktiviti tambahan yang ada kaitan dengan aktiviti pelabuhan seperti mentadbir pelabuhan kering dan sebagainya; membolehkan Lembaga Pelabuhan memberi sumbangan kewangan untuk kebajikan kakitangannya; membolehkan Lembaga Pelabuhan membuat undang-undang kecil berkaitan dengan tender dan kontrak; membolehkan Lembaga Pelabuhan mendapat kembali perbelanjaan yang telah dilakukan untuk mengganti atau memperbaiki kerosakan harta-benda yang disebabkan oleh keengganan atau kecuaiian, mana-mana orang yang tidak mematuhi arahan yang diberikan menurut Akta ini; dan memperuntukkan seksyen baru untuk mengawal perbuatan syarikat yang dilesenkan oleh Lembaga Pelabuhan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang saya telah sebutkan itu adalah perkara-perkara akan dipinda dalam Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981. Saya ingin memaklumkan bahawa Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) 1992 ini tidak melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan

Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
(*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

5.45 ptg.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin cakap sedikit berhubung dengan suatu Akta untuk meminda Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981.

Sebagaimana yang kita telah maklum, Bintulu adalah satu bandar yang begitu pesat membangun di Malaysia dan pelabuhannya juga mengalami satu kemajuan yang begitu ketara dan adalah wajar sekali perundangan-perundangan yang dinamik diluluskan. Memandangkan pada perundangan-perundangan lama yang mana terutamanya di bidang pemaliman iaitu pemaliman daripada malim dari Lembaga sahaja boleh bertugas dengan Lembaga Pelabuhan Bintulu. Dengan itu, menghadkan pihak Lembaga untuk mengurus dan mengendalikan tugas-tugas Lembaga dengan begitu licin lagi jikalau berlaku kekurangan anggota malim itu. Dengan adanya pindaan ini, insya Allah, kalau kekurangan anggota dalam Lembaga Pelabuhan Bintulu dapatlah pihak Lembaga mengambil malim daripada luar yang boleh dilesenkan untuk menjalankan tugas yang besar dan semakin berat itu.

Sebagaimana yang kita tahu, Lembaga Pelabuhan Bintulu mengendalikan kebelakangan ini banyak pekerja-pekerja, terutama sekali kapal-kapal dari luar negara. Dengan itu, undang-undang yang lebih dinamik lagi perlu digubalkan. Dengan ini wujud satu pindaan bukan sahaja dari segi pemaliman tetapi juga dari segi pinjaman

wang. Dengan adanya kuasa diberi kepada Lembaga untuk meminjam wang untuk mengendalikan urusan Lembaga, Lembaga juga boleh bergiat begitu cergas lagi. Dengan harapan Lembaga Bintulu boleh memajukan bandar Bintulu, maju ke hadapan setapak demi setapak.

Walaupun saya sedar iaitu sebelum pihak Lembaga meminjam wang terlebih dahulu perlu mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan tetapi adakah "machinery" perlembagaan itu sendiri boleh dan mempunyai kemampuan menguruskan wang kalaulah pinjaman diterima dan didapati oleh pihak-pihak kewangan luar daripada Kerajaan? Dengan itu, pihak Kementerian mestilah menyelaras juga semasa berlakunya pinjaman wang daripada pihak-pihak yang lain oleh Lembaga.

Di samping itu juga, tidak terlupa pihak Kementerian menyelitkan sedikit contoh-contoh masyarakat penyayang yang kita agungkan walaupun ada di pihak Pembangkang menafikan tindakan-tindakan Kerajaan ini. Dimasukkan di sini dalam Fasal 6 bertujuan meminda Seksyen 14 memberi Lembaga kuasa untuk membuat sumbangan wang untuk kebajikan kakitangannya. Ini adalah baik sekali, walaupun begitu sedikit sebegitu pendek tetapi padat bermakna, terutama sekali kepada pihak kakitangan dan pekerja-pekerja Lembaga kerana Lembaga ialah sebagai nadi pembangunan Bintulu.

Dengan adanya pindaan ini, kita berharap kemajuan Bintulu boleh dipesatkan lagi.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.50 ptg.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Batang Lupar yang telah membincangkan mengenai pindaan yang telah dikemukakan di Dewan ini untuk dapat mengendalikan pelabuhan Bintulu ini dengan lebih teratur, dengan lebih canggih lagi dan seperti harapan beliau, dapat membawa pembangunan yang pesat kepada bandar Bintulu itu sendiri.

Apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat itu adalah perkara-perkara yang memang disarankan dalam pindaan-pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, dan saya rasa saya tidak patutlah membincangkannya semula kerana perkara itu adalah dipersetujui. Saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 30* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.54 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Pembangunan Sumber Manusia 1992 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sedang mengalami perubahan struktur ekonomi dan dengan cepat memasuki era perindustrian yang pesat. Proses perubahan ini yang berterusan ke tahun-tahun 90an akan meningkatkan permintaan terhadap kemahiran teknikal peringkat tertinggi, keupayaan pengurusan dan keusahawanannya serta peningkatan tahap pembangunan teknologi dan penggunaan modal. Di samping itu, prospek ekonomi Malaysia menampakkan perkembangan yang menggalakkan pada masa depan. Kadar pertumbuhan ekonomi negara mencapai 8.8% dalam tahun 1991 iaitu satu pencapaian yang memberangsangkan di jangka dapat dikekalkan pada tahun ini kerana Keluaran Negara Kasar sebenar diramalkan mencapai pertumbuhan sebanyak 8.7%. Dalam pertumbuhan ekonomi yang pesat ini, Kerajaan sedar bahawa sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK di jangka bertambah daripada 27% pada tahun 1990 kepada 37% menjelang tahun 2000, menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berorientasikan industri dan semakin bergantung kepada eksport barangan pembuatan bagi pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga.

Oleh itu sepanjang dekad 90an, Kerajaan yakin pengurusan pembangunan sumber manusia akan menjadi lebih penting. Daya bersaing, daya pengeluaran, daya cipta dan

keupayaan dalam pengurusan teknologi baru akan ditentukan oleh kualiti sumber manusia. Maka, untuk menyokong dan menggalakkan proses pembangunan ini, Malaysia perlu mewujudkan tenaga kerja berdisiplin yang dilengkapi dengan asas kemahiran tinggi dalam bidang kemahiran perindustrian moden serta mempunyai budaya dan etika kerja positif. Hanya dengan ciri-ciri ini, tenaga kerja kita dapat membolehkan Malaysia sentiasa berada di hadapan dan mengekalkan daya saingannya dan dapat mencapai matlamat untuk menjadi negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat ini, Kementerian Sumber Manusia memang sedar bahawa ia mempunyai tanggungjawab yang agak berat untuk memberi panduan dalam pembangunan sumber manusia. Maka dengan ini, Kementerian Sumber Manusia setelah memperbandingkan pendekatan-pendekatan yang diamalkan di negara-negara seperti Taiwan, Korea Selatan, Jepun, Jerman, Brazil dan Singapura telah merumuskan bahawa pendekatan yang paling sesuai dalam pembangunan sumber manusia adalah dengan menubuhkan sebuah tabung yang digelar Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia yang akan dikendalikan bersama oleh sektor swasta dan awam. Ini juga adalah selaras dengan pensyarikatan Malaysia yang diamalkan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang yang dicadangkan ini terdiri terutamanya dari bayaran levi oleh majikan sebanyak 1% dari jumlah bayaran gaji dan elaun tetap bulanan dan aktiviti utamanya adalah pembiayaan program latihan kepada perusahaan perniagaan yang membuat sumbangan terhadap Kumpulan Wang.

Penubuhan Kumpulan Wang ini juga membantu proses pemindahan teknologi dan memberi jaminan kepada pekerja-pekerja dari segi, dengan izin, job

security and job flexibility, dalam menghadapi proses perubahan dalam job configuration, dengan izin, akibat perubahan teknologi. Melalui pendekatan tersebut akan melahirkan pekerja-pekerja yang lebih fleksibel dari segi keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan teknologi baru walaupun dalam keadaan ekonomi yang berubah-ubah. Melalui usaha-usaha latihan ini adalah diharapkan bukan sahaja masalah kekurangan tenaga kerja mahir di pasaran buruh akan dapat diatasi, tetapi juga mengurangkan amalan "memancing" atau job pinching, dengan izin, tenaga kerja mahir di antara perusahaan perniagaan di sektor swasta lebih-lebih lagi dalam keadaan pasaran buruh yang ketat. Dalam jangka panjang pula, adalah diharapkan penubuhan Kumpulan Wang ini akan juga dapat mengembangkan satu budaya latihan di antara perusahaan-perusahaan perniagaan di sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konsep baru yang dicadangkan, sektor swasta akan memainkan peranan yang lebih aktif dalam memikul tanggungjawab untuk melatih dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja mahir. Di samping itu Kerajaan juga akan terus memberi keutamaan kepada pembangunan sumber manusia dalam memperuntukkan belanjawan bagi maksud ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan berpendapat sudah sampai masanya bagi sektor swasta memainkan peranan yang sama penting dalam melatih pekerja-pekerja dalam bidang yang diperlukan oleh mereka. Sektor swasta perlu meningkatkan usaha latihan sendiri untuk menampung sistem latihan di institusi-institusi latihan awam yang hanya mampu memberi latihan yang broad based, dengan izin, dan tidak secara khusus mengikut keperluan sesebuah perusahaan perniagaan selaras dengan tahap teknologi yang digunakan. Penubuhan Kumpulan Wang di mana sebahagian daripadanya terdiri dari sumbangan mereka sendiri akan

mewujudkan keadaan yang kompetitif di kalangan perusahaan perniagaan untuk melaksanakan program-program latihan supaya tidak kehilangan peluang untuk menggunakan wang dari Kumpulan Wang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang yang dicadangkan akan digantikan Skim Potongan Dua Kali bagi Latihan yang diluluskan dan telah dirangkakan supaya pemakaiannya adalah lebih luas. Di peringkat permulaan Akta ini akan meliputi semua perusahaan perniagaan di sektor perkilangan yang mempunyai 50 pekerja ke atas yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, 1965 ataupun di bawah Akta Perkongsian 1961. Manakala Skim Potongan Dua Kali bagi latihan yang diluluskan dikekalkan bagi perusahaan perniagaan yang mempunyai kurang dari 50 pekerja. Ini adalah kerana sektor perkilangan kini merupakan sektor utama dan mengalamai perkembangan dan perusahaan teknologi yang pesat. Pemakaian Akta ini akan diperluaskan untuk meliputi lain-lain sektor ekonomi apabila didapati perlu melalui proses rundingan dan perbincangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan penjelasan yang diberikan oleh saya setakat ini, Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memahami falsafah dan konsep dalam penubuhan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Dengan ini saya akan meneruskan ucapan saya untuk memberi penjelasan mengenai kandungan Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia, 1992. Rang Undang-undang yang dimaksudkan ini mengandungi 8 Bahagian.

Bahagian I menerangkan antara lain pemakaian dan penguatkuasaan Akta dan Bahagian II pula adalah berkaitan dengan Levi Pembangunan Sumber Manusia sebanyak 1% dari jumlah upah bulanan pekerja, yang akan dikenakan ke atas setiap majikan yang diliputi oleh Akta berkenaan. Menteri Sumber

Manusia adalah juga diberi kuasa mengubah kadar ini dari masa ke semasa apabila difikirkan perlu.

Bahagian III menerangkan syarat-syarat kelayakan menerima bantuan dari Kumpulan Wang. Apabila sebuah perusahaan perniagaan menjalankan latihan yang diluluskan oleh Majlis, sebahagian besar perbelanjaan yang terlibat boleh dituntut dari Kumpulan Wang mengikut kadar-kadar yang akan ditetapkan oleh Majlis. Salah satu daripada syarat kelayakan menerima bantuan daripada Kumpulan Wang tersebut ialah majikan hanya layak menerima bantuan setelah membuat bayaran selama 6 bulan berturut-turut kepada Kumpulan Wang serta tidak mempunyai tunggakan bayaran yang belum dijelaskan.

Bahagian IV adalah berkaitan dengan penubuhan dan penggunaan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Aktiviti utamanya yang akan diberi tumpuan adalah untuk menggalak, membangun dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja melalui program latihan oleh perusahaan perniagaan yang membuat sumbangan terhadap Kumpulan Wang. Tumpuan latihan adalah bagi kategori pekerjaan yang menghadapi kekurangan bekalan dan kemahiran baru yang diperlukan oleh sesebuah perusahaan perniagaan. Kumpulan Wang ini akan juga meliputi jenis-jenis latihan semula dan latihan untuk mempertingkatkan kemahiran pekerja akibat dari proses perubahan teknologi atau untuk mempertingkatkan produktiviti pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V pula adalah berkaitan dengan pembentukan Majlis Pembangunan Sumber Manusia iaitu suatu pertubuhan perbadanan yang menjadi Pemegang Amanah Kumpulan Wang.

Majlis akan berfungsi untuk:

- (i) menilai dan menentukan bentuk serta kandungan latihan dan latihan semula mengikut keperluan industri;

- (ii) memaju dan menggalakkan Latihan Sumber Manusia melalui Kumpulan Wang;
- (iii) menentu dan menasihatkan Menteri mengenai syarat-syarat penggunaan Kumpulan Wang.

Untuk tujuan melaksanakan fungsinya, Majlis diberi kuasa untuk:

- (i) mengutip apa-apa wang yang harus diterima oleh Kumpulan Wang;
- (ii) menimbang serta melulus atau menolak permohonan untuk membiayai latihan dari majikan;
- (iii) menetap dan meluluskan jumlah serta syarat-syarat bantuan kepada majikan untuk tujuan latihan;
- (iv) menentukan jadual dan syarat pengeluaran wang kepada majikan;
- (v) menentukan tempat serta institusi latihan;
- (vi) mengurus atau menubuhkan kemudahan latihan;
- (vii) mengurus, mengawal serta mengawasi pelaksanaan program-program latihan; dan
- (viii) menggalak dan melibatkan diri dalam usaha latihan secara sendirian atau bersama pihak majikan.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis akan dianggotai oleh 14 orang Ahli yang dilantik oleh Menteri. Seramai 8 orang mewakili pihak majikan dan 4 orang mewakili pihak Kerajaan, sementara 2 orang lagi dari mana-mana pihak yang difikirkan perlu. Ini adalah selaras dengan permintaan sektor swasta untuk memperolehi perwakilan majoriti di dalam Majlis. Seorang Pengerusi Majlis akan dilantik oleh Menteri dari kalangan wakil-wakil pihak swasta, juga mengikut permintaan sektor swasta. Pendekatan ini adalah selaras dengan hasrat sektor swasta agar satu Private-sector Driven Council, dengan izin, ditubuhkan.

Bahagian VI Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia menerangkan prosedur perantikan agen pelaksanaan bagi menjalankan kewajipan-kewajipan Majlis di mana perlu, yang bertujuan untuk mengelakkan kelewatan dalam mana-mana urusan Majlis yang berpunca dari kerenah pentadbiran. Sebagai contoh, agen pelaksanaan ini boleh diberi tugas untuk memproses dan meluluskan permohonan-permohonan untuk pembiayaan latihan. Bahagian ini juga mengandungi peruntukan-peruntukan yang sewajarnya bagi melindungi wang tabung disalahgunakan oleh agen pelaksanaan dan menetapkan penalti bagi kes-kes penyalahgunaan.

Bahagian VII pula menentukan peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 terpakai berkaitan dengan urusan akaun dan audit Majlis, manakala Bahagian VIII mengandungi peruntukan-peruntukan am berkaitan dengan kesalahan-kesalahan oleh Pertubuhan Perbadanan, kuasa Menteri untuk membuat peraturan, arahan dan prosedur rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membuktikan komitmen Kerajaan Barisan Nasional, dalam membantu sektor swasta melatih dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerjanya serta menjayakan pelaksanaan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia ini, Kerajaan telah membuat keputusan untuk menyumbang dalam bentuk geran penyama atas nisbah 1:1 berdasarkan kiraan bagi satu tahun sahaja iaitu kira-kira \$48.9 juta. Sumbangan ini diagihkan kepada 3 tahun iaitu sebanyak \$16.3 juta setahun akan diberikan kepada Majlis bagi tempoh 3 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan persaingan antarabangsa yang hebat, daya hidup dan kemajuan berterusan, industri-industri bergantung kepada kemampuan untuk melaksanakan

penyesuaian struktur dan perubahan teknologi. Dalam mencapai keadaan tersebut, usaha mempertingkatkan kemahiran dan latihan semula pekerja sektor swasta melalui latihan merupakan usaha yang kritikal untuk melahirkan tenaga pekerja yang tinggi tahap kemahirannya serta fleksibel dari segi keupayaan untuk mempertingkatkan produktiviti yang tinggi dan menghadapi perubahan teknologi dan ekonomi yang berubah-ubah. Penubuhan Kumpulan Wang dan Majlis Pembangunan Sumber Manusia yang dicadangkan merupai jentera untuk melaksanakan Skim Insentif Latihan untuk mencapai matlamat tersebut dan juga mencapai matlamat untuk menjadikan negara Malaysia sebuah negara perindustrian yang maju menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia 1992 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Bayan Baru.

6.09 ptg.

**Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia 1992.

Adalah didapati bahawa Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mewujudkan suatu Akta bagi mengadakan peruntukan untuk mengenakan pungutan levi pembangunan sumber manusia bagi maksud melatih pekerja-pekerja, menubuh

Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan mengadakan Kumpulan Wang Sumber Manusia bagi pekerja-perkara yang berkaitan dengan latihan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mewujudkan suatu Akta berhubung dengan pembangunan manusia ini dianggap lambat, tetapi tidaklah terlewat, dan barulah kita sedar bahawa Kerajaan memandang berat tentang soal pembangunan manusia. Selama ini pembangunan manusia hanya dibuat secara yang sederhana tanpa mengambilkira bahawa tenaga manusia adalah amat penting untuk diberi latihan yang secukupnya seiring dengan pembangunan ekonomi yang sedang kita lalui. Pembangunan manusia adalah menjadi satu masalah utama dalam pembangunan ekonomi negara ini. Perkara ini telah dibincang di pelbagai peringkat dan sudah lama telahpun diseru kepada Kerajaan supaya Kerajaan memberi perhatian ke arah memberi penekanan kepada pembangunan manusia supaya ia dapat memberi lebih bererti kepada pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat secara keseluruhannya atau secara amnya Rang Undang-undang yang diperkenalkan ini lebih mementingkan hanya kepada golongan industri tertentu iaitu industri pembuatan. Kita berharap satu Rang Undang-undang yang lebih menyeluruh, yang akan memberi makna kepada pembangunan sumber manusia, secara lebih luas, bukan hanya menumpu kepada industri pembuatan. Negara kita perlu bukan sahaja setakat industri pembuatan, kebanyakannya adalah diimport, tetapi juga kita hendak menggalak, membiakkan dan membesarkan lagi industri-industri yang berunsurkan kepada sumber-sumber tempatan, termasuk juga industri-industri kecil di luar bandar.

Jadi, kita lihat bahawa Rang Undang-undang ini hanya ditujukan kepada industri tertentu yang besar, yang mempunyai 50 pekerja atau lebih dan

dikhaskan hanya kepada industri pembuatan. Biasanya industri-industri besar ini adalah kepunyaan pelabur-pelabur asing. Walaupun usaha ini adalah baik, tetapi saya rasa satu Rang Undang-undang yang lebih bermakna, yang lebih luas patut diperkenalkan dalam Dewan yang mulia ini bagi menentukan bahawa usaha Kerajaan dalam membangunkan sumber manusia bukan hanya terhad kepada kilang-kilang ataupun industri-industri tertentu sahaja. Saya berharap perkara ini akan dikaji secara lebih mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat mengalu-alukan—walaupun perkara ini terlambat, tetapi kita masih mengalu-alukan—usaha Kerajaan ini dan Kerajaan perlu melihat sepertimana saya sebut tadi secara yang lebih luas. Kementerian Sumber Manusia janganlah hanya melihat dari segi melatih pekerja-pekerja, kerana kita sekarang ini ada banyak industri elektronik yang mana seperti dikatakan tadi kita masukkan banyak teknologi tinggi. Kita perlukan kemahiran yang lebih tinggi supaya pekerja-pekerja dapat menjalankan kerja untuk menambahkan produktiviti yang lebih baik. Itu memang tujuannya. Tetapi saya rasa latihan-latihan yang perlu dijalankan bukan hanya sekadar pekerja-pekerja dalam industri ini. Kita perlu memperluaskan latihan ini kepada semua lapisan masyarakat terutamanya mereka yang bakal menjadi pekerja. Kalau ditubuhkan satu kumpulan wang bagi hanya melatih mereka yang bekerja, saya tidak nampak bahawa kita dapat meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja secara menyeluruh dan juga saya tidak nampak apakah bentuk latihan yang boleh diwujudkan, boleh diadakan secara yang lebih sistematik bagi pekerja-pekerja seperti ini. Kalau inilah yang hendak dibuat, saya rasa kilang-kilang ataupun syarikat-syarikat yang mempunyai 50 pekerja dan lebih adalah syarikat-syarikat yang besar dan kaya dan mereka ini boleh mengadakan 'in-

service training' ataupun latihan dalaman secara persendirian tanpa mengharapkan bantuan daripada kumpulan wang ini yang hendak ditubuhkan—tidak perlu. Mereka berupaya, sebab mereka adalah kilang-kilang ataupun syarikat-syarikat yang besar. Malahan sekarang ini pun saya percaya kebanyakan kilang ini mempunyai latihan dalaman, (in-service training) dan ada yang antara pekerja-pekerja mereka sehingga dihantar ke luar negara seperti ke Taiwan, ke Korea, ke Jepun dan ada yang dihantar ke Amerika kerana mereka mampu, mereka sudah ada. Cuma di Malaysia ini kita adakan syarikat-syarikat yang ada kaitan dengan syarikat-syarikat induk daripada negara-negara asal, pelabur-pelabur yang datang ke sini. Jadi, kalau setakat itulah yang hendak dibuat, saya rasa tidak perlu Akta ataupun Rang Undang-undang ini untuk diwujudkan. Suatu Akta memang boleh diwujudkan, tetapi adalah lebih bermakna kalau Akta ini akan memberi suatu galakan supaya majikan-majikan di negara ini terutamanya pelabur-pelabur memberi sumbangan dan bertanggungjawab ke arah yang disebutkan tadi iaitu Konsep Persyarikatan Malaysia.

Saya bersetuju majikan-majikan, pelabur-pelabur bertanggungjawab untuk melatih pekerja-pekerja, kerana pada masa akan datang mereka akan menggunakan sumber manusia yang terlatih, itu kita bersetuju. Tetapi kalau hendak kumpulan wang, kemudian hendak beri balik wang ini kepada mereka yang menjadi ahli kepada Kumpulan Wang Sumber Manusia, saya tidak nampak apa maknanya. Kilang-kilang yang kecil yang tidak mampu mempunyai bilangan pekerja yang besar iaitu kurang daripada 50 orang, adakah mereka ini tidak perlu dilatih? Adakah kilang-kilang mereka ini tidak penting dan latihan bagi pekerja-pekerja mereka tidak begitu mustahak? Cuma yang mustahak ini untuk kilang-kilang yang besar! Apa jadi kepada kilang-kilang kita

di kampung-kampung? Tidak perlu kemahiran? Tidak perlu diberi bimbingan dan latihan?

Saya tidak tahu sama ada ini telahpun dipersetujui, telahpun mendapat restu dengan secara fahaman yang penuh daripada pihak Kabinet walaupun ia datang daripada Kementerian Sumber Manusia. Saya tidak nampak manfaatnya kepada syarikat-syarikat kecil, pengusaha-pengusaha kecil yang juga memerlukan pekerja-pekerja yang terlatih. Yang saya lihat ini dibuat kerana ada banyak kilang-kilang yang datang daripada luar negara, khususnya kilang-kilang elektronik kerana teknologi baru, kerana mesin-mesin yang canggih. Ini yang saya nampak tujuannya. Kerana apa? Ini lagi sekali hendak jaga pelabur-pelabur asing. Apa jadi dengan pengusaha-pengusaha tempatan, pengusaha-pengusaha kecil kita di luar bandar? Mereka juga menjalankan industri-industri pembuatan dan sama ada mereka buat kicapkah, buat belacankah, tidak kisah. Mereka ini juga memerlukan pekerja-pekerja yang terlatih, tetapi mereka tidak ada pekerja sampai 50, 100 atau 200 orang. Mereka mempunyai pekerja 10 atau 20 orang. Tetapi Kementerian Sumber Manusia tidak melihat semua itu, cuma hendak lihat yang besar-besar sahaja. Sebab apa? Sebab, hendak disebutkan kepada dunia bahawa kita ada pekerja terlatih, kita mesti bawa ramai lagi pelabur-pelabur asing datang ke sini. Apabila hilangnya pelabur-pelabur asing esok, baru kita tahu bahawa latihan yang kita berikan itu tidak akan membawa makna kepada pembangunan sumber manusia, kerana kita membawa pembangunan sumber manusia ke arah satu sudut, satu bidang sahaja, bukan secara yang menyeluruh yang boleh memberi makna dan kesan yang berguna kepada negara dan pekerja-pekerja di negara ini.

Saya berharap perkara ini perlu dilihat secara yang serius. Sekarang inilah pertama kali kita lihat Kerajaan membentangkan Rang Undang-undang seumpama ini. Kalau adanya Rang Undang-undang seumpama ini, biarlah

ia dibuat dengan cara yang bermakna, yang berkesan, yang boleh betul-betul menguntungkan pekerja-pekerja di negara ini dan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian kita lihat kepada beberapa seksyen-seksyen yang telahpun dicadangkan. Pertamanya berhubung dengan, sepertimana yang saya sebutkan tadi, industri-industri dalam Jadual Pertama, ini dihadkan kepada industri pembuatan. Kalau pun ianya industri pembuatan, ini hendaklah dikaji semula supaya ia tidak hanya menekankan kepada industri-industri pembuatan yang besar yang mempunyai 50 pekerja ke atas.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pengenaan levi. Di sini adalah pula disebutkan bahawa Menteri diberi kuasa untuk mengecualikan mana-mana syarikat daripada pembayaran levi ini. Apa sebab, apa tujuan, kita tidak tahu. Mungkin ini disebut secara umum, mungkin ada kriteria dan syarat-syaratnya kemudian.

Kalau kita benar-benar bertujuan untuk membangun sumber manusia di negara ini berhubung dengan levi ini kita perlu adakan dengan cara yang menyeluruh; satu peratus yang dicadangkan ini bukan satu kadar yang tinggi. Satu kadar yang dalam kemampuan semua majikan-majikan. Tidak kira samaada majikan itu adalah pengusaha kilang-kilang besar ataupun pengusaha kilang-kilang kecil asalkan semua orang dapat mencarum membayar levi ini dan tidak ada sebab mana-mana pihak patut diberi pengecualian sebab tujuannya adalah besar untuk membangun ekonomi negara ini. Bukan setakat dia beri sebab dia hendak untung, kalau dia tidak untung, dia tidak perlu bagi.

Tujuannya kita hendak bangunkan pembangunan sumber manusia ke arah mencapainya objektif memajukan negara ini dan levi tidak patut

dikecualikan kepada mana-mana pihak. Malahan saya ingin sarankan di sini, Kerajaan yang bertanggungjawab sebagai majikan yang terbesar di negara ini juga patut dikenakan levi ini 1%, bukan kilang-kilang tertentu dan Menteri berhak memberi pengecualian pula kepada kilang-kilang tertentu kalau dianggap kilang itu tidak payah dikenakan levi.

Saya saran di sini, Kerajaan pun patut dikenakan levi 1% kerana Kerajaan juga bertanggungjawab kepada pembangunan sumber manusia. Kita dok bercakap ini tentang pembangunan sumber manusia. Kalau tidak Rang Undang-undang ini tidak bermakna tetapi bercakap dengan kilang-kilang besar—sudah. Kalau hendak bercakap tentang Rang Undang-undang untuk membangunkan sumber manusia—ini kita bercakap—semua pihak majikan dan Kerajaan bertanggungjawab untuk menyumbang kepada Kumpulanwang Sumber Manusia melalui penganan levi 1%. Baru itu disebutkan benar-benar kita betul-betul serius dalam usaha kita ke arah pembangunan sumber manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Sumber Manusia dan Kerajaan mengkaji semula tentang hal ini dan benar-benar menunjukkan hasrat Kerajaan dalam segi pembangunan sumber manusia.

Kemudian kita lihat pula kelayakan-kelayakan untuk mendapat kewangan dari Kumpulanwang Sumber Manusia ini. Di sini jelas menunjukkan bahawa mereka yang menjadi ahli kepada Kumpulanwang itu sahaja, mengikut Akta yang dicadangkan ini, berhak membuat pinjaman selepas 5 bulan menjadi ahli. Jadi, apakah tujuannya—yang lain yang tidak boleh sumbang, yang tidak mempunyai pekerja seramai 50 orang, mereka itu tidak ada faedah, tidak dapat. Yang menyumbang akan mendapat faedah dan yang tidak menyumbang atau yang tidak menjadi ahli kepada Kumpulanwang Sumber

Manusia ini tidak akan mendapat apa-apa faedah. Apa ceritanya? Inikah usaha kita betul-betul hendak mengadakan program pembangunan sumber manusia? Saya berharap apa jua rancangan Kerajaan . . . .

**Tuan Woon See Chin: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak dapat sedikit penjelasan dari Yang Berhormat Bayan Baru. Sekiranya majikan atau kilang-kilang yang mempunyai pekerja kurang dari 50 orang dikenakan untuk membayar 1% gaji dalam skim ini, adakah ini akan membebaskan kilang-kilang yang kecil, majikan-majikan yang bermodal kecil dan sekiranya bersetuju, bagaimana kita dapat membantu kilang-kilang kecil dengan tidak membebaskan mereka?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Saya rasa soal bebanan tidak timbul sebab tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut soal konsep pensyarikatan Malaysia. Soal sumbangan daripada majikan dan pelabur-pelabur, kalau itulah konsepnya dalam segi pembangunan sumber manusia, maka saya rasa soal bebanan itu semua tidak berbangkit. Soal bagaimana kita hendak menolong balik pengusaha-pengusaha kecil itu saya bersetuju. Mungkin Kementerian Sumber Manusia dapat mengkaji balik apakah formula yang boleh dikenakan supaya yang kecil-kecil ini dikecualikan sepertimana kita memberi satu kuasa kepada Menteri Sumber Manusia, ada pihak dikecualikan daripada dikenakan levi. Mungkin satu formula dapat diadakan supaya mereka ini dikecualikan tetapi mereka mesti mendapat faedah daripada Kumpulanwang Pembangunan Sumber Manusia. Kalau tidak, tidak bermakna—dikecualikan kemudian tidak dapat sumbangan, tidak dapat pinjaman, bantuan—itu tidak bermakna. Itu terpulang kepada Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya berhubung dengan Kumpulan Pembangunan Sumber Manusia, sepertimana yang telah disebutkan tadi bahawa Kumpulanwang Pembangunan Sumber Manusia ini akan dijalankan, dikendalikan oleh satu badan amanah dan badan amanah itu disebutkan tadi sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan di dalam kuasa-kuasa tertentu yang diberikan kepada Majlis Pembangunan Manusia ini, kita lihat bahawa ada pula Jawatankuasa disebutkan di sini "pelaburan". Jawatankuasa atau Panel Pelaburan kononnya wang ini mungkin boleh dilabur dan dikumpulkan keuntungannya, kemudian hasilnya akan digunakan ke arah pembangunan sumber manusia.

Jadi, yang saya khawatirkan begini, bila sudah Majlis ini diberi peranan, fungsi bersama-sama dengan soal pembangunan sumber manusia yang diberi peranan pula melabur sebagai pelabur. Jadi, kalau besok pula pelaburan itu menjadi satu tarikan dan perkara penting kepada Majlis ini soal pembangunan sumber manusia ini sudah jadi perkara kedua, tidak penting dah. Ini dok tumpu soal melabur, hendak melabur itu lebih penting lagi, di mana hendak melabur, syer siapa hendak beli. Kalau dapat lagi syer Telekom macam tawaran MAIKA Holdings, lagi baik. Saya takut ia boleh jadi ke situ. Lebih baik kalau kita mahukan satu Majlis ini menjadi pemegang amanah kepada Kumpulanwang ini biarlah ia tumpu sepenuhnya kepada pembangunan sumber manusia. Mungkin lagi 10 atau 20 tahun, kalau sudah dibangunkan pembangunan sumber manusia, programnya dapat dijalankan

dengan cara yang berkesan dan membuahkan hasil yang baik, kemudian Majlis ini hendak ditumpukan kepada pelaburan—tak apa. Ini soal program perancangan untuk pembangunan sumber manusia pun belum ditentukan lagi, masih samar-samar, kita bercakap tentang hendak adakan Panel Pelaburan. Kemudian kita dapati dalam cadangan ini bahawa anggota kepada Majlis Pembangunan Sumber Manusia ini terdiri daripada 8 orang yang mewakili majikan ataupun syarikat-syarikat, 4 orang dari agensi-agensi Kerajaan dan 2 orang yang dilantik oleh Menteri Sumber Manusia. Oleh sebab perkara ini adalah ada hubungkait dengan pekerja, perkara ini ada hubungkait dengan bakal pekerja, saya minta satu pertimbangan di sini supaya Majlis seumpama ini juga diberi peluang kepada wakil pekerja duduk di dalamnya—sebab ia ada hubungkait dengan pekerja. Tidak boleh kita memandang bahawa disebabkan sumbangan ini datang daripada majikan, kemudian peranan pekerja ini tidak penting untuk menyumbangkan idea ataupun fikiran mereka tentang latihan-latihan yang dijalankan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bolehkah sambung esok?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*